

Bil. 21

**Rabu
20 September 2023**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KHAS**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengangkat Sumpah di Luar Dewan

(Halaman 1)

USUL-USUL:

Usul Perdana Menteri di Bawah P.M 26(3)

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (2023-2025)

(Halaman 2)

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 16)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed
3. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri
Pembangunan Usahawan dan Koperasi]
4. “ Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah)
5. “ Tuan Abun Sui Anyit
6. “ Dato’ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
7. “ Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
8. “ Dato’ Ajis bin Sitin (Pahang)
9. “ Tuan Aknan a/l Ehtook
10. “ Tuan Amir bin Ghazali (Pulau Pinang)
11. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff
Amman
12. “ Dato’ Arman Azha Abu Hanifah
13. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan
14. “ Datuk Dr. Azhar bin Ahmad
15. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
16. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
17. “ Dato’ Haji Husain bin Awang (Terengganu)
18. “ Tuan Haji Hussin bin Ismail (Terengganu)
19. “ Tuan Isaiah a/l D Jacob
20. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian
21. “ Datuk John Ambrose
22. “ Datuk Noraini binti Idris (Sabah)
23. “ Dato’ Kesavadas a/l A Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
24. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
25. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
26. “ Dr. Lingeshwaran a/l Dato’ Seri R. Arunasalam (Pulau
Pinang)
27. “ Tan Sri Dato’ Low Kian Chuan
28. “ Tuan Manolan bin Mohamad
29. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
30. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji
Abdullah
31. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda

AHLI HADIR (samb/-)

32. Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
33. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
34. “ Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak)
35. “ Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah)
36. “ Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka)
37. “ Dato’ Dr. Nelson a/l Renganathan
38. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan)
39. “ Puan Noorita binti Sual
40. “ Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
41. “ Datuk Paul Igai
42. “ Datuk Razali bin Idris
43. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
44. “ Datin Hajah Ros Suryati binti Alang
45. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
46. “ Dato’ Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar (Perak)
47. “ Dato’ Sivaraj a/l Chandran
48. “ Puan Susan Chemerai Anding
49. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
50. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker
51. “ Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
52. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. “ Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Luar Negeri]
3. “ Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Hal Ehwal Agama]
4. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
2. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
3. ” Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
4. “ Dato’ Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Menteri Ekonomi] (Pandan)
2. “ Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu [Menteri Sumber Manusia] (Batu Gajah)
3. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Timbalan Menteri Kewangan I] (Pontian)
4. “ Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri Ekonomi] (Mukah)
5. “ Tuan Adly bin Zahari [Timbalan Menteri Pertahanan] (Alor Gajah)
6. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri] (Iskandar Puteri)
7. “ Puan Aiman Athirah binti Sabu [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Sepang)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Muhamad Zamani bin Mohd Ali

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Muhamad Fazal bin Mahat

Nor Aizafasya binti Zainal

Nur Aliya binti Mustaz

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim	Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Azmir bin Mohd Salleh	Maryam binti Azinuddin
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Nor Kamsiah binti Asmad	Nurul Syakirah binti Ibharim
Aifarina binti Azaman	Suhaila binti Sariffuddin
Noorfazilah binti Talib	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Julia binti Mohd. Johari	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Ismalinda binti Ismail	Anisah Sahirah binti Hamzah
Amir Arshad bin Ab Samad	Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid
Muhammad Firdaus bin Ahmad	Shazryn bin Mohd Faizal

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KHAS

Rabu, 20 September 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Khas Dewan Negara yang bermula hari ini akan berlangsung selama empat hari bermula daripada 20 September hingga 26 September.

Selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 10(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Urusan Mesyuarat ini ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan urusannya ialah untuk membahaskan Usul bagi Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-12, dan mempersetujukannya.

Dengan kata itu, saya mulakan Mesyuarat Khas, Penggal Kedua, Majlis Parlimen Ke-15, Dewan Negara pada hari ini.

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli Yang Berhormat berikut telah mengangkat sumpah semasa Majlis Mesyuarat dalam tangguhan, serta mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan, pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut;

Pada 21 Ogos 2023:

1. Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemeraï Anding; dan
2. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa.

Pada 19 September 2023:

1. Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz.

USUL PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 26(3)

**KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (2023-2025)**

10.07 pg.

Menteri Ekonomi [Tuan Mohd Rafizi bin Ramli]: *Bismillahi Rahmani Rahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam Madani.

Tuan Yang di-Pertua, dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang dengan sukacitanya saya berdiri di hadapan Dewan yang mulia ini, untuk mohon mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat Dewan Negara 26(3), Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

“BAHAWA Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan dengan mengambil kira perubahan trend ekonomi global, kedudukan kewangan kerajaan serta pencapaian dua tahun pertama, 2021-2022 Rancangan Malaysia Kedua Belas;

merestui usaha kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, wadah Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat serta Agenda Pembangunan Mampan 2030;

meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2023-2025 yang memberi keutamaan dan penekanan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif bagi pembangunan sosioekonomi serta langkah memperkukuh tadbir urus ke arah negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi, menurut Kertas Perintah CMD. 30 Tahun 2023; dan

bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia berganding bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan adalah telus, adil dan saksama.”

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana diberi peluang untuk membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 di Dewan yang mulia.

Saya juga bersyukur kerana Usul Kajian Separuh Penggal ini yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11 September 2023 telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 19 September 2023. Saya juga bersyukur kerana umumnya Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 ini telah disambut baik oleh semua pihak.

■1010

Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-12 selepas ini saya rujuk sebagai KSP akan menyemak semula dasar strategi dan sasaran secara menyeluruh meliputi dasar dan kaedah baharu untuk menghadapi cabaran semasa. RMKe-12 yang telah diluncurkan pada tahun 2021 mula dilaksanakan dengan matlamat makmur, inklusif dan mampan. Manakala gagasan dalam KSP adalah bermatlamatkan Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak awal tahun 2020 telah menyebabkan rakyat kehilangan mata pencarian, pertumbuhan ekonomi negara menyusut serta pelaburan asing juga merosot. Kadar kemiskinan meningkat ke paras 8.4 peratus. Jurang ketidaksamarataan yang diukur melalui Pekali Gini melebar kepada 0.411 peratus dan kadar pengangguran meningkat kepada 4.5 peratus pada tahun 2020.

Sehubungan itu, bagi menghadapi cabaran ini, anjakan secara tegas dan menyeluruh dirangka melalui gagasan Malaysia Madani, disusuli dengan kerangka Ekonomi Madani dan kerangka dasar tersebut pula telah diperincikan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) dan juga Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) sebagai inisiatif baharu bagi memacu pertumbuhan sosioekonomi Malaysia untuk tempoh 10 tahun. Berbanding pendekatan model ekonomi sebelum ini, Ekonomi Madani adalah berasaskan falsafah pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang berteraskan nilai kemasyarakatan, peradaban dan norma yang merupakan satu cetusan nurani buat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, RMKe-12 yang diluluskan di Parlimen pada 21 Oktober 2021 merangkumi tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14- pemacu perubahan. Pada tahun 2020, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menguncup sebanyak 5.5 peratus dan *alhamdulillah* telah kembali positif pada tahun 2021 dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus. Dalam tempoh dua tahun pertama RMKe-12, negara mencatatkan pertumbuhan purata KDNK sebanyak 5.9 peratus setahun. Sebanyak 31 peratus daripada 175 sasaran ditetapkan di bawah RMKe-12 telah dicapai dan 59 peratus itu mengikut jadual.

Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM400 bilion untuk tempoh lima tahun bagi membiayai projek-projek pembangunan. Bagi tempoh dua tahun yang pertama, sebanyak 34 peratus daripada peruntukan ini telah dapat dibelanjakan. Pada tahun 2021, jumlah perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM64.3 bilion dan pada tahun 2022 sebanyak RM71.6 bilion.

RMKe-12 akan dijajarkan semula dengan visi Ekonomi Madani bagi membina semula negara untuk tempoh 10 tahun. Kerajaan oleh itu komited untuk membelanjakan sekurang-kurangnya RM90 bilion setahun untuk tempoh 2023 sehingga tahun 2025.

Kerajaan juga akan menambah siling peruntukan sebanyak RM15 bilion lagi menjadikan keseluruhan perbelanjaan pembangunan bagi RMKe-12 mencecah RM415 bilion. Peningkatan siling peruntukan ini adalah bagi membiayai lebih banyak program dan projek yang menjadi keutamaan rakyat. Selain menambah baik penyampaian perkhidmatan kerajaan dan menyasarkan semula subsidi. Ini termasuk menoktahkan kemiskinan tegar dan memenuhi keperluan asas rakyat termasuk prasarana-prasarana asas.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 2023, KDNK Malaysia telah mencatat peningkatan sebanyak 4.2 peratus, disokong oleh kegiatan sektor swasta dan perdagangan yang baik. Prestasi pasaran buruh semakin baik dengan kadar produktiviti yang lebih tinggi iaitu meningkat 3.7 peratus setahun bagi tempoh 2021 ke- 2022. Manakala pengangguran pula berkurang kepada 3.5 peratus pada suku tahun kedua 2023. Kadar inflasi pada bulan Julai 2023 telah menurun kepada dua peratus iaitu rekod terendah dalam tempoh 24 bulan.

Pada tahun 2022, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita adalah lebih tinggi iaitu sebanyak RM52,968 bersamaan dengan USD12,035 berbanding pada tahun 2020 iaitu hanya RM42,838 ataupun USD10,191. Malaysia berhasil mencatat pencapaian yang memberangsangkan pada peringkat global iaitu menduduki tangga ke-62 daripada 191 buah negara berdasarkan Indeks Pembangunan Manusia (HDI) untuk tahun 2021. Kita menyasarkan untuk berada pada kedudukan ke-25 teratas dalam tempoh 10 tahun daripada sekarang.

Pada peringkat domestik pula, tahap kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat telah meningkat sebanyak 1.3 peratus setahun dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia. Pendapatan purata bulanan isi rumah juga bertambah baik iaitu sebanyak RM8,479 pada tahun 2022 berbanding RM7,901 pada tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, KSP RMKe-12 ini dengan tema “Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi” memberi keutamaan kepada tiga tumpuan iaitu memperkukuhkan kemapanan, membangunkan masyarakat sejahtera dan menuju negara berpendapatan tinggi. Sebanyak 17 anjakan utama dan 71 inisiatif utama diperkenalkan bagi memastikan pencapaian keberhasilan ataupun *outcome* yang disasarkan.

Insyallah KSP ini akan terus memperkukuh agenda pembangunan negara dan rakyat ke arah mencapai matlamat Ekonomi Madani. Bagi memberikan penerangan yang lebih jelas kepada Dewan yang mulia ini, pembentangan ini akan diperincikan melalui 12 penegasan yang menjadi inti pati kepada KPS dan distrukturkan mengikut tiga tumpuan utama.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan yang pertama, menuju negara berpendapatan tinggi. Bagi melonjakkan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi seiring dengan matlamat sebagai peneraju ekonomi Asia, empat penegasan akan dilaksanakan.

Penegasan pertama, melonjakkan pertumbuhan ekonomi. Kerajaan menyasarkan pertumbuhan ekonomi sekurang-kurangnya 5 peratus setahun dalam tempoh RMKe-12 dengan memberikan tumpuan kepada dua perkara pokok.

Pertama, memperkukuh produktiviti dengan menyegerakan peralihan kepada industri bernilai tinggi dan menerima guna teknologi termaju serta mempertingkatkan bakat dan kemahiran. Di samping itu, bagi menambah baik aspek produktiviti negara, kerjasama dengan sektor swasta dan ahli akademik akan dipergiat. Produktiviti pelbagai faktor atau MFP secara purata dijangka menyumbang sebanyak 42.8 peratus kepada pertumbuhan KDNK dengan produktiviti buruh dijangka mencatat pertumbuhan 3.8 peratus setahun.

■1020

Kedua, menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama pelabur dengan memperkukuh daya saing. Persekitaran perniagaan akan dipertingkatkan menerusi penambahbaikan peraturan perniagaan termasuk melalui unit MyMudah. Langkah ini akan merancakkan pelaburan langsung domestik (DDI) yang sekali gus dapat menarik lebih banyak FDI. Pelaburan swasta disasarkan berkembang sebanyak 6.4 peratus setahun atau purata RM300 bilion setahun dalam tempoh akhir RMKe-12.

Penegasan kedua, mempercepat Reformasi Struktur Ekonomi. Kerajaan akan memantapkan sektor dan industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi atau yang kini sering dirujuk sebagai *high-growth high value* (HGHV) *sector* meliputi lima bidang.

Pembangunan HGHV pertama iaitu industri berasaskan peralihan tenaga merupakan anjakan besar bagi memastikan peralihan tenaga yang saksama. Dengan terluncurnya NETR, maka pelaksanaan Dasar Tenaga Negara 2022-2040 secara komprehensif akan dapat disegerakan.

Beberapa inisiatif dalam enam- teras utama NETR telah dilaksanakan termasuk Projek Kasawari Penangkapan dan Penyimpanan Karbon atau CCS yang sedang dibangunkan di luar persisiran pantai Sarawak di PETRONAS. Sepuluh projek perdana strategik dan berimpak tinggi yang dikenal pasti dijangka menarik pelaburan bernilai RM25 bilion dan mewujudkan 23,000 peluang pekerjaan berkualiti tinggi serta mengurangkan 10,000 giga gram karbon dioksida setara setahun.

Rang Undang-undang Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga (EECA) sedang digubal. Langkah akan diambil untuk meliberalisasi pasaran gas domestik dan menjadikan Malaysia sebagai hab pasaran gas asli serantau. Ini termasuk melalui pelaksanaan projek penyimpanan LNG tambahan di Terminal Penggasan Semula Pengerang, Johor.

Selain itu, perdagangan tenaga boleh baharu (TBB) rentas sempadan akan diperkukuh di bawah inisiatif Grid Kuasa ASEAN. Menjelang tahun 2050, kerajaan menyasarkan kapasiti terpasang TBB sebanyak 70 peratus sekali gus menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi perdagangan tenaga bersih.

HGHV kedua, industri berasaskan teknologi dan digital yang akan memberi tumpuan kepada peningkatan terima guna teknologi termaju merangkumi kecerdasan buatan, bahan termaju dan pengkomputeran kuantum sebagai pemacu utama pertumbuhan industri.

Agenda Digital Rakyat 2023 ataupun DNA23 akan memberi kefahaman dan meningkatkan penyertaan yang lebih menyeluruh semua lapisan masyarakat dalam transformasi digital. Dasar digital yang lebih inklusif akan diwujudkan untuk menambah baik persekitaran yang mendukung pembangunan ekonomi digital.

Saya telah bertemu dengan pemain-pemain utama sektor teknologi maklumat dan komunikasi seperti *Google*, *Amazon Web Services*, *Microsoft* dan *IBM* yang telah menunjukkan minat untuk mendukung usaha kerajaan bagi melahirkan lebih ramai bakat digital tempatan yang berkemahiran tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan syarikat pemula merupakan prasyarat bagi mempercepat peralihan struktur ekonomi negara. Justeru, ekosistem modal teroka akan diperkukuh untuk mempercepat pembentukan syarikat pemula berasaskan teknologi. Ini termasuk inisiatif khusus untuk mengumpulkan sumber pembiayaan daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Tumpuan juga akan diberikan kepada pelabur dan syarikat pemula pada peringkat awal untuk memperkasa lebih ramai bakat tempatan sebagai pencipta dan pembangun teknologi.

Bagi menghasilkan lebih ramai teknousahawan tempatan, satu konvensyen syarikat pemula akan dianjurkan dalam masa terdekat. Kerajaan juga menyediakan geran berjumlah RM266 juta pada tahun ini kepada syarikat pemula tempatan untuk melahirkan lebih banyak syarikat bertaraf *unicorn* dan sebanyak RM63.9 juta telah disalurkan sehingga kini.

Bagi mempercepatkan reformasi struktur ekonomi, aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan daya cipta (R&D&C&I) yang terarah adalah penting. Oleh itu, Unit Pengurusan Penyelidikan akan di perkasa sebagai sebuah agensi tunggal bagi menyelaraskan dan mengurus aktiviti R&D&C&I dengan lebih cekap. Perbelanjaan kasar penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada KDNK disasarkan sebanyak 2.5 peratus, manakala sumbangan perbelanjaan R&D sektor swasta kepada jumlah keseluruhan perbelanjaan R&D disasarkan sebanyak 70 peratus pada tahun 2025.

Bagi menggalakkan daya cipta pada peringkat akar umbi, Dasar Inovasi Sosial akan diluncurkan pada November ini. Usaha ini diharap dapat meningkatkan minat terhadap sains, teknologi dan daya cipta serta mampu melahirkan saintis bertaraf dunia.

Reformasi struktur ekonomi juga akan dipercepatkan melalui HGHV ketiga iaitu industri elektrik dan elektronik bernilai tinggi. Industri E&E negara yang menyumbang hampir 13 peratus dalam penguji dan pempakejan cip dunia akan diperkukuhkan lagi untuk beralih ke rantaian nilai yang lebih tinggi.

Pembangunan industri E&E negara telah sekian lama tertumpu pada aktiviti peringkat akhir ataupun *back-end* yang kurang memberi nilai tambah. Kini, keutamaan akan diberikan kepada aktiviti peringkat awal ataupun *front-end* yang bernilai tinggi seperti reka bentuk litar bersepadu, reka bentuk kejuruteraan dan fabrikasi wafer.

Syarikat Infineon Technologies dari Jerman telah memberikan komitmen untuk menambah pelaburan berjumlah RM25 bilion di Malaysia. Ini menjadikan kita antara negara terawal di dunia yang akan mengeluarkan *carbid silicon wafer* berteknologi termaju.

Selain itu, komitmen syarikat terkemuka seperti Tesla dan Samsung Engineering untuk melabur di Malaysia juga mampu merangsang pertumbuhan ekonomi dan menjaga pekerjaan berpendapatan tinggi. Dasar kerajaan yang menggalakkan pembangunan industri E&E telah meningkatkan keyakinan syarikat besar kepada keupayaan teknologi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan HGHV keempat iaitu pertanian dan industri asas tani moden. Sebagai anjakan besar, akan dilaksanakan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterjaminan makanan serta meningkatkan daya saing sektor agrikomoditi. Kemandirian pengeluaran makanan tempatan akan ditingkatkan melalui automasi dan pendigitalan, manakala penggunaan tanah pertanian akan dioptimumkan melalui pengurusan yang lebih cekap.

Penyertaan sektor swasta untuk mempergiat kegiatan pertanian pintar akan digalakkan. Langkah memperkasa amalan pertanian mampan termasuk membangunkan model pertanian rendah karbon akan dimulakan secara rintis dalam sub sektor padi sebelum diluaskan kepada sub sektor lain.

Keterjaminan makanan akan terus diperkukuh melalui pengeluaran pertanian moden yang berskala besar. Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan projek penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dengan pelaburan sebanyak RM3 bilion.

■1030

Di samping itu, pelaksanaan projek-projek di bawah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) di dalam kerangka Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) akan dipergiat lagi untuk mengurangkan kebergantungan kepada import makanan, mengukuhkan rantaian bekalan makanan dan menggalakkan penerima gunaan teknologi dalam pertanian selain daripada sasaran kita untuk menoktahkan kemiskinan tegar.

Industri getah akan ditransformasikan untuk terus berdaya saing. Ini termasuk melalui penggalakan aktiviti hiliran, mencontohi pengeluaran sarung tangan yang telah berada pada kedudukan pertama di dunia. Di samping itu, penghasilan produk getah yang mempunyai nilai tambah yang tinggi serta kegiatan mengkomersialkan hasil R&D dan pemindahan teknologi akan diperhebat bagi memperkasakan industri getah negara.

Seterusnya, HGHV kelima iaitu Industri Nadir Bumi. Industri ini akan muncul sebagai sumber pertumbuhan baharu berasaskan unsur nadir bumi bukan radioaktif yang mampan dan mesra alam. Unsur ini diperlukan dalam pembuatan bateri, *super magnet* dan alatan elektronik. Industri ini dijangka menyumbang sebanyak RM9.5 bilion kepada KDNK pada tahun 2025 dan mewujudkan hampir 7,000 peluang pekerjaan baru.

Dasar Mineral Negara baharu juga akan dirangka bagi memacu pembangunan industri mineral yang menyeluruh berasaskan prinsip kemapanan dan kebertanggungjawaban. Dasar ini akan dijadikan panduan dalam mengenal pasti aktiviti perlombongan yang boleh dilaksanakan dalam hutan simpan kekal, kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan perlindungan.

Pemetaan terperinci sumber unsur nadir bumi dan model perniagaan menyeluruh yang menggabungkan industri hulu, pertengahan dan hiliran akan dibangunkan bagi mengekalkan rantaian nilai nadir bumi di dalam negara. Dasar larangan eksport bahan mentah nadir bumi akan diperkenalkan bagi mengelakkan eksploitasi dan kehilangan sumber serta menjamin pulangan yang maksimum.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada Penegasan Ketiga iaitu untuk Memacu Daya Saing Sektor dan Industri Strategik. Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) telah dilancarkan dengan sasaran kemasukan pelaburan bernilai tinggi dan penjana peluang pekerjaan baru sebanyak 3.3 juta dalam industri seperti aeroangkasa, elektrik dan elektronik, automotif, kimia dan farmaseutikal. Dalam usaha mentransformasikan dan memacu daya saing sektor dan industri strategik, tumpuan diberi kepada lapan segmen industri sebagai pelengkap kepada NIMP 2030.

Pertama, menjadi peneraju dalam pasaran halal antarabangsa dengan sasaran nilai eksport halal sebanyak RM63.1 bilion pada tahun 2025. Malaysia kini telah diiktiraf sebagai pengeluar sijil halal di peringkat antarabangsa dan keupayaan industri ini akan terus dikembangkan bersama dengan pensijilan untuk menjadi peneraju pasaran *halalan toyyiban*.

Selaras dengan Pelan Induk Industri Halal 2030, usaha akan dipertingkatkan bagi membangunkan bakat, meningkatkan penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan, memperluas akses pasaran serta menerima guna teknologi dan pendigitalan produk dan perkhidmatan *halalan toyyiban*. Produk yang diberikan tumpuan adalah seperti farmaseutikal, peranti perubatan dan busana Muslim- *modest fashion*, yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dalam menyediakan pekerjaan berpendapatan tinggi.

Kedua, perkhidmatan global telah dikenal pasti sebagai industri strategik. Maka, dasar yang menyeluruh akan dirangka bagi memudah cara perniagaan dan mewujudkan pangkalan data bagi menarik pelaburan berkualiti tinggi dan membuka ruang seluasnya kepada syarikat tempatan sebagai penyedia perkhidmatan sokongan.

Malaysia menjadi pusat operasi kepada beberapa buah syarikat perkhidmatan global antaranya Endava PLC dari *United Kingdom*; Cognizant Technology Solutions US Corp. dari Amerika Syarikat; Huawei Technologies Sdn. Bhd. dari China; Ansell Global Trading Center Sdn. Bhd. dari Australia; dan Siemens Energy Sdn. Bhd. dari Jerman. Lebih banyak syarikat perkhidmatan global dijangka berminat untuk beroperasi di sini pada masa akan datang.

Ketiga, kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global akan diperkukuh. Bagi tujuan ini, Malaysia perlu memperkenalkan dasar dan instrumen kewangan Islam baru, di samping mendukung prinsip, membuat unjuran berhubung kesan yang akan diperolehi daripada produk dasar, produk aset dan perkhidmatan dan mengukurnya. Prinsip ini perlu diketengahkan supaya sistem kewangan Islam mampu berjalan seiring dengan sistem kewangan konvensional, malah mampu menyainginya.

Persidangan antarabangsa mengenai ekonomi dan kewangan Islam yang kelima belas yang akan diadakan pada bulan Disember ini di Kuala Lumpur akan memberi peluang kepada pakar ekonomi dan kewangan Islam untuk memperhalus perkara-perkara ini. Sektor perbankan takaful dan pasaran modal Islam akan terus diperkasa selari dengan Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tatakelola (ESG) berasaskan prinsip *maqasid syariah* yang perlu diteroka sebagai sistem kewangan alternatif. Selain itu, konsep Perantaraan Berasaskan Nilai (VBI) akan dipergiat sebagai usaha memacu tumpuan baharu kepada penyelesaian dan pengurusan kewangan yang lebih mampan dan sejahtera. Usaha ini akan menyediakan lebih pilihan kepada pelabur dan rakyat untuk terlibat dalam kewangan Islam.

Keempat, industri aeroangkasa akan berupaya melonjakkan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi. Pembangunan industri ini akan ditumpukan kepada pembangunan kluster aeroangkasa bersepadu yang mampu menarik pelaburan berkualiti. Pertumbuhan industri ini dijangka menjana pendapatan sebanyak RM30 bilion pada tahun 2025 serta menawarkan pekerjaan berkemahiran dengan gaji yang tinggi kepada rakyat. Kita boleh berbangga dengan kejayaan daripada ujian rintis yang menggunakan bahan api penerbangan mampan. Daripada kejayaan ini, lebih banyak usaha perlu dilaksanakan untuk membangunkan teknologi dan ekosistem berkaitan.

Kelima, pembangunan industri kreatif. Untuk mendukung industri strategik berimpak tinggi ini, beberapa langkah akan diambil, termasuk memperkukuh tata kelola, membangunkan analitis data raya berpusat serta membangunkan bakat tempatan. Dana berjumlah RM346 juta disediakan untuk menarik penglibatan golongan belia dalam aktiviti kreatif yang menawarkan pendapatan yang tinggi.

Keenam, industri pelancongan. Pemulihan industri pelancongan yang terjejas teruk akibat penguatkuasaan PKP akan terus dipercepat dengan menambah baik rangka kerja kawal selia, menggalakkan pendigitalan dan mempromosikan pelancongan mampan yang berasaskan alam semula jadi. Pemulihan ini dapat dilihat berdasarkan peningkatan ketibaan pelancong kepada 9.2 juta orang pada suku ke-dua tahun 2023 dan dijangka mencapai sekurang-kurangnya 18 juta orang pelancong menjelang akhir tahun ini.

Ketujuh, perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS). Masih banyak perniagaan, terutamanya perusahaan mikro yang merangkumi 79 peratus daripada keseluruhan PMKS di Malaysia.

■1040

Seramai 7.25 juta guna tenaga belum pulih sepenuhnya selepas pandemik COVID-19. Justeru, PMKS akan terus di perkasa menerusi peningkatan skala perniagaan dan pematuhan keperluan ESG bagi menjamin penyertaan dalam rantai bekalan global yang mampan. Bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing PMKS, penerimaan teknologi dan pendigitalan serta peningkatan kegiatan R&D dan daya cipta akan digalakkan. Dana pembiayaan peluang kedua sebanyak RM60 juta disediakan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan usahawan inovatif dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan untuk bangkit semula daripada kegagalan dan terus menyumbang kepada ekonomi negara.

Kelapan, pembangunan infrastruktur pembangunan dan logistik yang mampan dan berdaya tahan akan diberi penekanan. Anjakan besar pengukuhan jaringan pengangkutan awam menyediakan akses dan ketersambungan yang lebih baik. Penyelenggaraan infrastruktur pengangkutan bagi meningkatkan kualiti jalan raya, aset rel dan peralatan navigasi udara akan diberi tumpuan bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang semakin cekap berdaya harap, mampu bayar dan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ke penegasan yang keempat iaitu mempertingkatkan potensi ekonomi wilayah. Usaha bagi mencapai pembangunan wilayah yang boleh seimbang dan inklusif selaras dengan hasrat Ekonomi MADANI akan dipergiat berlandaskan empat perkara pokok.

Pertama, potensi ekonomi wilayah akan dipertingkatkan berdasarkan kekuatan setempat. Dasar perindustrian mengikut geografi akan diberikan penekanan di samping menyediakan ekosistem peniagaan yang lebih baik.

Kedua, dalam usaha memperkasakan keselamatan dan memperoleh manfaat daripada potensi pembangunan ekonomi rentas sempadan, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.1 bilion untuk tempoh 2023 hingga 2025. Pembangunan di kawasan sempadan akan merangkumi penyediaan infrastruktur asas, peningkatan kemudahan keselamatan dan pelaksanaan kegiatan ekonomi.

Ketiga, pembangunan luar bandar tidak akan diketepikan. Kerajaan komited untuk merapatkan nisbah jurang pendapatan antara luar bandar dan bandar daripada 0.57 pada tahun 2022 kepada 0.67 pada tahun 2025. Dalam hal ini, penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan akan diperkukuh, manakala potensi ekonomi luar bandar akan dimanfaatkan untuk memastikan kesejahteraan penduduk di luar bandar dan kawasan pedalaman.

Pembangunan produk kotej desa bagi usahawan desa akan terus di promosi melalui Pusat Komuniti Desa (PKD), manakala penggunaan platform e-dagang akan ditingkatkan untuk mencapai pasaran yang lebih luas.

Keempat, pembangunan wilayah Sabah dan Sarawak akan terus diberikan tumpuan. Kerajaan telah membuktikan komitmennya untuk menangani isu berbangkit daripada Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), antaranya melalui pelonggaran peraturan perolehan dan penyerahan kuasa kawal selia gas kepada Kerajaan Negeri Sabah pada Januari 2023. Penyerahan kuasa kawal selia elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah dijangka dapat dimuktamadkan menjelang Januari 2024.

Sabah mempunyai potensi yang besar dalam penjanaan TBB berasaskan solar dan biojisim. Projek pembangunan sistem TBB dan menaik taraf sistem bekalan elektrik di Gugusan FELDA Sahabat Sabah dengan kos sebanyak RM195 juta akan dilaksanakan bagi menambah baik daya harap bekalan elektrik di Sabah.

Kerajaan Negeri Sarawak pula telah mengambil langkah ke hadapan dalam peralihan tenaga melalui beberapa usaha termasuk pengeluaran hidrogen, pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) dan projek penjanaan elektrik menggunakan TBB. Kejayaan perancangan negeri Sarawak dalam pengurusan peralihan tenaga menjadi contoh yang baik kepada negeri-negeri yang lain.

Dalam usaha meningkatkan kualiti sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak, lebih banyak sekolah daif akan ditambah baik. Sehingga kini sebanyak 64 projek sedang dalam pelaksanaan di Sarawak dan 43 projek di Sabah. Bagi meningkatkan kemudahan perkhidmatan penjagaan kesihatan, sebuah pusat darah wilayah akan dibina di Sabah, manakala makmal kesihatan awam dan makmal keselamatan dan kualiti makanan akan dibina di Kuching, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ke tumpuan yang kedua daripada tiga tumpuan iaitu untuk membangunkan masyarakat sejahtera. Kemajuan rakyat tidak hanya terletak pada pertumbuhan ekonomi semata-mata. Sebaliknya harus mengambil kira aspek kesejahteraan secara menyeluruh. Bagi meningkatkan darjat hidup rakyat, tumpuan untuk membangunkan masyarakat sejahtera akan dijayakan melalui empat penegasan.

Penegasan kelima untuk merapatkan jurang ketidaksamarataan. Kesejahteraan rakyat menjadi matlamat utama kerajaan dan akan terus diberi tumpuan di samping usaha untuk melonjakkan prestasi ekonomi. Dalam usaha merapatkan jurang ketidaksamarataan, lima perkara pokok telah dikenal pasti.

Pertama, mempercepatkan inisiatif membasmi kemiskinan dengan memperkasa golongan rentan melalui pewujudan pelbagai peluang pekerjaan dan pengukuhan perlindungan sosial. Sehingga 31 Ogos 2023, kerajaan giat melaksanakan usaha membantu hampir 113,000 -keluarga miskin tegar untuk keluar daripada cengkaman kemiskinan. Kerajaan telah memberi komitmen untuk menoktahkan kemiskinan tegar pada tahun ini juga. Sejumlah RM1.5 bilion telah diluluskan untuk melaksanakan program dan projek yang mampu menjana pendapatan bagi golongan sasar. Kerajaan juga telah melancarkan IPR yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan menyelesaikan isu struktur ekonomi. Sehingga 18 September 2023 sebanyak 125,356 permohonan telah diterima untuk menyertai program IPR.

Di samping itu, program dan inisiatif pembasmian kemiskinan sedia ada akan terus dilaksanakan. Antaranya program pemerksaan ekonomi komuniti bandar, skim pembangunan kesejahteraan rakyat untuk penduduk luar bandar dan program pembangunan ekonomi Orang Asli.

Matlamat Ekonomi MADANI adalah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat merentasi kaum. Kerajaan akan melaksanakan program khas bumiputera Sarawak dan program khas anak negeri Sabah untuk meningkatkan sosioekonomi komuniti ini. Bagi etnik Cina dan India yang berpendapatan rendah, beberapa inisiatif akan terus dilaksanakan termasuk di Kampung Baru Cina dan sebagaimana dalam *Malaysian-Indian Blueprint*. Peranan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) akan diperkukuh untuk menyelaras pembangunan sosioekonomi masyarakat India.

Kedua, memperkukuh penyediaan perlindungan sosial melalui reformasi perlindungan sosial untuk menambah baik kecekapan dan keberkesanan sistem perlindungan sosial. Bantuan tunai dan program Rahmah akan diteruskan dan ditambah baik bagi memastikan jaringan keselamatan sosial terus dipertingkatkan.

Ketiga, agenda pemerksaan bumiputera. Pemilikan ekuiti korporat bumiputera telah menunjukkan peningkatan sebanyak 1.2 peratus kepada 18.4 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Selepas lima dekad, pemilikan ekuiti bumiputera masih belum mencapai sasaran 30 peratus yang ditetapkan.

■1050

Dalam hubungan ini, langkah yang akan diambil adalah untuk menilai semula pendekatan bagi mengukur tahap penyertaan dan kawalan ekonomi bumiputera yang lebih bermakna. Satu Kongres Ekonomi Bumiputera akan diadakan pada Januari 2024 bagi menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu agenda bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif.

Pendekatan memperkasa bumiputera akan di transformasi bagi memberi tumpuan dalam mengupayakan lebih ramai usahawan dan lebih banyak syarikat bumiputera berskala kecil dan sederhana.

Lebih banyak syarikat bumiputera akan berpeluang untuk menerima manfaat pembiayaan daripada keseluruhan dana yang diperuntukkan oleh kerajaan melalui 16 buah agensi bumiputera, termasuklah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tekun Nasional (TEKUN), Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Sokongan pembiayaan ini mencecah RM30 bilion sejak tiga Rancangan Malaysia terdahulu.

Pada masa yang sama, pegangan nomini yang tidak didedahkan pemilikan sebenar pula terus menunjukkan corak peningkatan yang ketara. Sehubungan dengan itu, semakan semula ke atas Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 berkaitan pengisytiharan pemunya manfaat akan dapat memperkukuhkan ketelusan pemilikan saham selaras dengan penekanan kepada tata kelola yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan peranan agensi mandat bumiputera seperti MARA, TERAJU dan Ekuinas akan dipertingkatkan melalui penjajaran semula strategi dan inisiatif pemeraksanaan agenda bumiputera serta pewujudan petunjuk prestasi utama, atau KPI. Usaha ini bertujuan membina kredibiliti agensi mandat bumiputera dengan memperkukuhkan integriti dan tata kelola.

Daya saing perusahaan bumiputera, terutama PMKS akan ditingkatkan melalui galakan untuk memanfaatkan platform digital dan teknologi kewangan, atau pun *Fintech*. Antaranya, program pendigitalan oleh MARA dengan peruntukan RM40 juta bagi membolehkan perusahaan bumiputera menerima guna teknologi dan pendigitalan dalam pengurusan perniagaan.

Sebagai pendekatan baharu dalam membangunkan ekonomi Islam, dana wakaf akan diwujudkan, termasuk menerusi Yayasan Wakaf Madani. Tanah terbiar akan digembleng melalui penglibatan rakyat dalam pembangunannya. Beberapa inisiatif akan diperkenal serta Jawatankuasa Nasional Tanah Wakaf akan ditubuhkan. Usaha ini dijangka menyumbang kepada 20 peratus pengembangan sektor kewangan sosial Islam menjelang 2030.

Keempat, kesejahteraan masyarakat luar bandar akan terus ditambah baik melalui kajian semula pengukuhan fungsi dan peranan agensi berkaitan terutama FELDA, FELCRA, RISDA dan MARA. Khusus kepada peneroka FELDA, insentif khas Sumbangan Kesihatan Rahmah sebanyak RM300 akan diperkenalkan bagi warga peneroka berumur 65 tahun ke atas. Selain itu, 12 buah pusat hemodialisis akan dibina di wilayah FELDA seluruh negara, termasuk di premis Yayasan FELDA di Kelana Jaya.

Dalam Program FELDA Madani, peneroka akan terus berpeluang untuk menjana pendapatan yang lebih baik melalui pelaksanaan program peningkatan keterjaminan makanan dan peralihan penanaman getah kepada komoditi lain.

Kelima, kerajaan bertekad untuk menyerlahkan potensi dan meningkatkan kesejahteraan hidup belia. Bagi meningkatkan kebolehpasaran belia, Pelan Kebangsaan Pemeraksanaan Ekonomi Belia akan diluncurkan.

Belia akan dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran bagi membolehkan mereka terlibat dalam kegiatan berkaitan teknologi yang menjana pendapatan yang lebih tinggi. Potensi belia akan dibangunkan menerusi beberapa inisiatif, termasuklah Rakan Muda yang telah diberi nafas baharu.

Penegasan yang keenam, meningkatkan kesejahteraan dan membudayakan masyarakat madani. Kerajaan akan terus mengambil langkah yang bersepadu untuk menjamin kesejahteraan rakyat mencakupi aspek keharmonian, kesihatan, perumahan, perpaduan sosial dan pemeraksanaan masyarakat.

Hal ini akan dilaksanakan menerusi enam perkara pokok, iaitu yang pertama, kesejahteraan rohani rakyat. Anjakan besar pembudayaan masyarakat madani dilaksanakan berdasarkan Maqasid Syariah, prinsip akhlak dan kerohanian. Semua program dan latihan yang dianjurkan akan dipastikan memberi tumpuan ke atas kefahaman asas tentang Islam bagi umat Islam dan penekanan aspek nilai, budaya dan akhlak bagi rakyat Malaysia keseluruhannya.

Kedua, kerajaan komited untuk menambah baik kualiti kesihatan melalui anjakan besar pengukuhan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Sebanyak 1,200 buah klinik daif di seluruh negara akan dinaiktarafkan untuk tempoh 2023 hingga 2025. Pelaksanaan projek naik taraf fasa pertama Hospital Sultanah Aminah akan dipercepatkan dengan anggaran kos sebanyak RM500 juta bagi menangani masalah kesesakan yang sekian lama dihadapi.

Kerajaan juga akan meneliti cadangan konsep penyewaan peralatan yang termaju dan berteknologi tinggi bagi memastikan kualiti rawatan kesihatan yang terbaik untuk rakyat. Pelaksanaan rekod perubatan elektronik akan diperluas ke seluruh negara bagi memastikan perkongsian rekod perubatan yang lancar dan sistematik. Liputan perlindungan kesihatan juga akan ditingkatkan melalui peluasan Skim Perubatan Madani bagi membantu golongan kurang berkemampuan.

Ketiga, Malaysia telah mencapai status negara menua pada tahun 2021, apabila tujuh peratus daripada jumlah penduduk terdiri daripada mereka yang berusia 65 tahun dan ke atas, berdasarkan takrifan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam tempoh dua dekad lagi, negara dijangka beralih kepada negara tua.

Peralihan ini akan memberikan kesan kepada pembangunan sosioekonomi dan kedudukan fiskal negara seperti penurunan populasi pekerja dan produktiviti, serta peningkatan komitmen kewangan kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kepada warga emas.

Bagi menghadapi cabaran ini, kerajaan sedang membangunkan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan. Pusat Geriatrik baharu akan ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada warga emas. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018, sedang diperhalusi dan dijangka akan dikuatkuasakan pada tahun 2025.

Keempat, perumahan. Kerajaan komited untuk membina 500,000 unit rumah mampu milik dalam RMKe-12. Sehingga akhir tahun 2022, 108,373 unit rumah mampu milik telah dibina. Bagi memudahkan rakyat untuk mempunyai tempat tinggal yang selamat dan selesa, Anjakan Besar Perumahan Rakyat akan memberi fokus kepada peralihan konsep pemilikan kepada konsep tempat tinggal.

Skim Sewa untuk Beli akan diperluas bagi membolehkan lebih ramai kumpulan sasar dapat memiliki rumah. Projek Rintis Perumahan Inklusif Madani akan dibangunkan untuk golongan sasar yang berbeza dengan pelbagai saiz ruang lantai. Sasarannya adalah untuk membina sebanyak 800 unit rumah di bandar utama seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

■1100

Kelima, semangat perpaduan harus disemai dan dipupuk berteraskan prinsip ihsan dan rahmah. Program yang akan dilaksanakan termasuk penghayatan semangat Rukun Negara, Program Perdana Kembara Perpaduan dan aktiviti perpaduan anak muda. Bagi merencanakan lagi kegiatan perpaduan dan kemasyarakatan, Kompleks Perpaduan Perlis akan dibina sebagai hab perpaduan Zon Utara, manakala beberapa buah pusat kegiatan perpaduan akan dinaiktarafkan di seluruh negara.

Keenam, sukan telah terbukti berjaya memupuk perpaduan dan membina masyarakat yang aktif dan sihat. Peruntukan sebanyak RM40 juta disediakan bagi persatuan sukan komuniti berdaftar bagi menganjurkan lebih banyak aktiviti sukan. Selain itu, usaha akan dipergiatkan untuk mempersiapkan pasukan atlet negara mencapai misi emas temasya Sukan Olimpik Paris 2024 dan temasya Sukan Olimpik Los Angeles 2028.

Tuan Yang di-Pertua, penegasan yang ketujuh iaitu untuk menambah baik bakat tersedialah masa hadapan. Usaha akan dipergiatkan untuk menstrukturkan semula pasaran buruh dan memperkukuhkan sistem pendidikan melalui anjakan besar ketersediaan bakat masa hadapan. Anjakan ini yang berkait rapat dengan gaji, levi pekerja asing dan kemahiran berterusan akan dilaksanakan melalui tujuh perkara pokok.

Pertama, bagi menangani isu ketidakpadanan kemahiran, tahap gaji yang rendah dan peningkatan produktiviti yang perlahan, Model Gaji Progresif akan diperkenalkan. Langkah ini memberikan manfaat kepada golongan pekerja melibatkan peningkatan gaji, kemahiran dan produktiviti pekerja. Manakala majikan pula akan memperoleh faedah daripada peningkatan produktiviti, kesetiaan pekerja dan daya saing syarikat.

Kedua, dasar pekerja asing tidak melebihi 15 peratus daripada jumlah tenaga kerja akan diteruskan bagi memastikan peluang pekerjaan untuk warga tempatan dan peralihan kepada automasi dan mekanisasi. Dalam hubungan ini, mekanisme levi pelbagai peringkat akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Ketiga, usaha akan dipergiatkan untuk memastikan kadar penyertaan tenaga pekerja wanita mencapai sasaran 60 peratus dalam tempoh 10 tahun. Langkah untuk menggalakkan wanita kekal atau kembali bekerja akan ditingkatkan melalui penyediaan kemudahan dan sokongan yang diperlukan. Ini termasuk melalui inisiatif *MamaCare*, insentif pusat jagaan kanak-kanak mampu bayar, *Career Comeback Programme* dan subsidi yuran taska di tempat kerja.

Wanita dalam ekonomi penjagaan akan turut diiktiraf sebagai usaha meningkatkan penyertaan mereka dalam pasaran tenaga kerja. Langkah ini akan juga menangani cabaran penyusutan guna tenaga, kesan daripada trend negara menua. Komitmen semua pihak termasuk swasta dan masyarakat sivil melalui pendekatan keseluruhan negara dituntut untuk mencapai matlamat tersebut.

Keempat, pemerkasaan orang kurang upaya (OKU) melalui peningkatan akses kepada pekerjaan akan diberikan penekanan. Maklumat mengenai pencari kerja dalam kalangan OKU akan disepadukan dalam portal MYFutureJobs, manakala prosedur operasi standard pengambilan OKU akan ditambah baik bagi mencapai sasaran satu peratus OKU dalam perkhidmatan awam.

Kelima, sistem pendidikan negara akan diperkukuh bagi melahirkan bakat tersedia masa hadapan. Pendidikan karakter ataupun sahsiah yang menyokong konsep karamah insaniah akan diperkenalkan termasuk melalui penekanan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Matlamatnya adalah untuk membina jati diri murid sebagai bakat global yang dilengkapi dengan ilmu, beretika dan berakhlak mulia.

Pendidikan Tingkatan 6 akan di perkasa melalui penjenamaan kepada kolej prauniversiti. Selain itu, Bahasa Melayu yang merupakan Bahasa Kebangsaan akan terus dimartabatkan dalam sistem pendidikan di samping tumpuan kepada penguasaan bahasa asing. Peluang pendidikan kepada anak-anak dalam kalangan peribumi dan Orang Asli serta dari kawasan pedalaman dan pulau terpencil akan dipertingkatkan melalui penyediaan lebih banyak sekolah model khas seperti Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) dan Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11).

Inisiatif Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih untuk kanak-kanak warganegara yang terpinggir yang tiada dokumen pengenalan diri juga akan diperluas. Isu keciciran murid juga akan ditangani secara tuntas melalui pembangunan Sistem Pengesanan Murid Cicir Bersepadu. Dasar Pendidikan Digital (DPD) akan diluncurkan bagi melahirkan murid berkemahiran digital dalam era Revolusi Industri 4.0 dan matlamat DPD adalah untuk melahirkan murid fasih digital yang berdaya saing menerusi peningkatan pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Keenam, kerajaan komited untuk terus memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Tenaga pengajar TVET akan digalakkan untuk menjalani latihan kemahiran dan latihan kemahiran semula supaya seiring dengan perkembangan teknologi baru muncul. Inisiatif untuk menggalakkan penglibatan industri juga diberikan keutamaan.

Sehingga Julai tahun ini, 43 memorandum persefahaman telah dimeterai melibatkan 12 buah kementerian berkaitan TVET dengan pihak-pihak industri. Peruntukan sebanyak RM40 juta disediakan bagi Program Bina Kerjaya untuk meningkatkan kemahiran pekerja tidak formal termasuk pekerja *gig* dengan kelayakan SPM dan ke bawah. Keputusan kerajaan untuk mengkaji peningkatan gaji lepasan TVET dijangka dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap TVET sebagai laluan kerjaya.

Peluang terus diberikan kepada anak muda yang tidak menyambung pelajaran untuk menceburkan diri lebih awal dalam sektor pembuatan sebagai pekerja berkemahiran dengan gaji berpatutan. Antaranya ialah inisiatif Akademi Dalam Industri yang diperuntukkan dana khusus berjumlah RM209 juta termasuk untuk penyediaan insentif elaun penempatan. Seramai 50,000 orang anak muda disasarkan mendapatkan pekerjaan berkemahiran dengan sijil kemahiran pada akhir RMKe-12.

Ketujuh, usaha memantapkan pembudayaan masyarakat dan pembangunan modal insan Madani melalui penerapan konsep *Karamah Insaniah* dalam kalangan masyarakat akan diperluaskan. Konsep ini memberikan penekanan kepada aspek pembentukan akhlak dan sahsiah. Ini bagi membentuk jati diri dan melahirkan generasi yang berdaya tahan serta berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, penegasan yang kelapan, memperkukuh keselamatan dan pertahanan negara. Keselamatan dan kedaulatan negara akan terus dipertahankan bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan rakyat dan negara melalui tumpuan kepada tiga perkara pokok. Pertama, anjakan besar pengukuhan keselamatan dan pertahanan negara memberi tumpuan untuk segera menangani isu ketirisan dalam tatacara perolehan aset ke arah meningkatkan kesiap-siagaan pertahanan negara.

Sistem perolehan telah ditambah baik dengan menetapkan penentuan keperluan bekalan senjata dibuat oleh pakar berkaitan tentera dan dalam kebanyakan urusan dilaksanakan secara G2G tanpa melalui ejen-ejen. Usaha akan dilipatgandakan untuk terus memperkasakan dan memodenkan Angkatan Tentera Malaysia melalui perolehan aset tambahan seperti kenderaan perisai, dron, *littoral-mission ships*, helikopter dan pesawat tempur ringan.

■1110

Selain itu, usaha pencegahan jenayah dan rehabilitasi akan diteruskan bagi meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Keamanan Global. Kedua, kawalan keselamatan di sempadan akan dioptimumkan melalui pelaksanaan beberapa projek seperti projek naik taraf pusat kawalan operasi, sistem pengawasan maritim laut dan menara radar penderiaan jauh serta pembinaan baharu pangkalan operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Selain itu, projek naik taraf dan pembinaan baharu Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan di beberapa pintu masuk akan dilaksanakan serta pos keselamatan baharu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sepanjang sempadan Sabah dan Sarawak dengan Indonesia dan pangkalan baharu tentera laut di Bintulu, Sarawak akan dibina.

Ketiga, usaha memerangi jenayah siber yang semakin berleluasa akan dipergiat. Hampir 55,000 kes jenayah siber dengan nilai kerugian mencecah RM1.8 bilion dilaporkan dalam tempoh 2021 hingga Julai 2023. Undang-undang sedia ada akan dipinda bagi meningkatkan keberkesanan memerangi kegiatan jenayah siber.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan yang ketiga dan yang terakhir. Memperkukuh kemapanan dan tata kelola. Dalam usaha mengangkat martabat negara, kerajaan komited untuk memperkukuh kemapanan dan tata kelola negara bagi mengembalikan keyakinan menerusi empat penegasan.

Penegasan 9: Mempercepat Peralihan Kepada Ekonomi Kalis Cabaran Masa Hadapan. Selari dengan rukun pertama Malaysia MADANI, Malaysia komited untuk mencapai sasaran pelepasan gas rumah kaca bersih sifar seawal tahun 2050 bagi mengurangkan kesan negatif perubahan iklim. Dalam konteks ini penekanan diberikan kepada keperluan untuk menyokong prinsip peralihan yang saksama, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *a just transition* ke arah ekonomi hijau yang adil dan inklusif.

Bagi menyejajarkan peralihan kepada ekonomi kalis cabaran masa hadapan tumpuan diberikan kepada tujuh perkara pokok.

Pertama, melaksanakan pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan, mengurus sumber asli dengan cekap serta memperkukuh pemboleh daya untuk melonjakkan kemapanan. Inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk penggubalan perundangan mengenai perubahan iklim untuk mengawal selia pelaksanaan dasar bagi memenuhi komitmen perubahan iklim negara.

Rangka kerja menyeluruh akan disediakan bagi mempercepatkan peralihan kepada ekonomi kitaran yang dapat menjamin ketahanan ekonomi jangka panjang. Kajian harga karbon sedang dijalankan untuk menilai ketersediaan negara bagi melaksanakan cukai karbon dan sistem perdagangan karbon.

Kedua, kepentingan untuk mengurus biojisim dengan cekap bukan sahaja untuk menangani isu perubahan iklim tetapi juga dimanfaatkan sebagai sumber ekonomi baharu. Kerajaan akan mempermudah pembinaan hab bahan mentah biojisim serta akses pembiayaan.

Ketiga, isu gangguan bekalan air yang dihadapi oleh rakyat akan segera diselesaikan. Pengumuman kerajaan untuk menyediakan peruntukan sebanyak RM800 juta bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air di Kelantan dan Sabah merupakan sebahagian daripada kos keseluruhan yang mencecah RM5 bilion. Langkah akan dilaksanakan untuk mereformasi model industri air di seluruh negara supaya lebih mampan dan holistik. Kawasan yang bersesuaian bagi pengekstrakan sumber air bawah tanah akan terus diteroka dengan pembinaan lebih banyak telaga tiub dan empangan bawah tanah. Penerokaan sumber baharu air dan pembinaan infrastruktur air akan memastikan keterjaminan bekalan air bersih dan selamat selaras dengan Agenda Transformasi Sektor Air 2040.

Dalam RMKe-12 kerajaan telah memberi komitmen untuk membiayai tebatan banjir dengan kos mencecah RM22 bilion. Keperluan peruntukan yang begitu besar bagi mengatasi masalah rakyat ini menuntut supaya kerajaan menguruskan isu air dan banjir secara holistik dan bersepadu bagi mengoptimumkan perbelanjaan.

Keempat, akta berkaitan pencemaran sumber air dan juga industri perkhidmatan air yang akan dikaji semula bagi membolehkan hukuman yang setimpal kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Usaha ini bagi menjamin kemapanan sumber dan perkhidmatan air bersih kepada rakyat.

Kelima, kerajaan amat cakna dengan bencana banjir dan tanah runtuh yang acap kali berlaku dan usaha akan dipertingkatkan untuk melindungi rakyat. Pusat Bencana Geologi Negara akan ditubuhkan pada akhir tahun ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan tindak balas bencana demi memastikan keselamatan rakyat. Dasar Pengurusan Bencana Negara akan disemak semula untuk memperkukuh kesiap-siagaan dan meningkatkan keupayaan dalam pengurusan bencana.

Keenam, merupakan satu-satunya habitat Harimau Malaya di dunia. Usaha khusus akan dipertingkatkan bagi memastikan keseimbangan ekosistem bagi melindungi spesies ini yang kian terancam. Sementara itu, penguatkuasaan dalam menangani jenayah pemburuan haram, perluasan kawasan perlindungan serta pemerkasaan komuniti tempatan akan diperhebat. Ini termasuk bagi melindungi gajah, orang utan, penyu, seladang dan tapir.

Ketujuh, usaha untuk memperluas pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan atau SDG pada peringkat tempatan dan memperkasa kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat akan dipertingkatkan. Prinsip ESG yang merangkumi dasar dan rangka kerja kawal selia serta khidmat sokongan akan dibangunkan bagi menggalakkan perniagaan khususnya PKS untuk menerima pakai amalan perniagaan yang mampan.

Penegasan 10, Meningkatkan Kemapanan Fiskal. Pembaharuan fiskal diperlukan bagi memastikan pengurusan kewangan negara lebih berkesan dan mampan. Melalui anjakan besar kemampanan fiskal dan sistem kewangan. Tumpuan akan diberikan kepada lima perkara pokok.

Pertama, memperluas asas cukai, mempelbagaikan sumber cukai serta menambah baik pentadbiran percukaian menerusi penggunaan teknologi. Antara cukai baharu yang sedang digubal untuk dilaksanakan untuk tahun 2024 adalah Cukai Keuntungan Modal.

Kedua, antara prinsip Maqasid Syariah dalam tata kelola adalah untuk memastikan bahawa perolehan dibuat secara teliti dan telus. Dasar Perolehan Kerajaan akan terus memberikan penekanan kepada kaedah tender terbuka bagi menjamin nilai dan kualiti terbaik serta ketelusan dalam proses perolehan.

Ketiga, kerajaan prihatin terhadap kegusaran sebahagian besar rakyat yang terbeban akibat kos sara hidup yang semakin menekan. Mekanisme penyampaian subsidi bersasar sebagai satu daripada anjakan besar ekonomi Madani diteruskan untuk memastikan nasib golongan tersebut terbelas.

Penstrukturan semua subsidi elektrik, diesel dan petrol serta bantuan sosial akan dilaksanakan bagi memastikan pengurusan fiskal yang lebih berhemat dan mengurangkan herotan ekonomi. Pengagihan subsidi dan bantuan secara bersasar kepada rakyat akan diselaraskan melalui sistem Pangkalan Data Utama ataupun PADU yang berteraskan data isi rumah bagi meningkatkan kecekapan dan pemantauan bantuan kerajaan. Penjimatan daripada subsidi yang lebih bersasar akan diagihkan semula untuk program dan projek yang memanfaatkan rakyat.

■1120

Keempat, usaha harus dipergiat bagi menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti ke arah mencapai sasaran defisit fiskal hingga 3.5 peratus kepada KDNK atau lebih baik daripada itu dalam tahun 2025. Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal akan dibentangkan pada sesi Parlimen bulan depan.

Kelima, bagi memperkukuh kemapanan fiskal, kerajaan sedang mengkaji dasar kerjasama awam swasta (PPP) untuk memastikan pelaksanaan projek memanfaatkan rakyat, menggalakkan pelaburan swasta serta mengawal kesan kewangan kepada kerajaan. Dasar PPP yang jelas mengenai kaedah pertukaran tanah juga akan diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, penegasan 11: Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam. Kecekapan penyampaian perkhidmatan awam akan dipertingkatkan sementara isu dan cabaran berkaitan tata kelola serta penyelarasan diselesaikan dengan segera. Kerajaan komited untuk terus menambah baik perkhidmatan awam melalui empat perkara pokok.

Pertama, memperkenalkan dua anjakan besar iaitu Tata kelola dan Rangka Kerja Institusi serta Perundangan Berkaitan Rasuah. Kerajaan komited untuk memulihkan imej Malaysia dengan memperkenalkan Akta Tatakelola Sektor Awam dan Pelan Integriti. Sasaran kerajaan adalah untuk Malaysia mencapai kedudukan ke-25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah dalam tempoh 10 tahun.

Kedua, memperkukuh jati diri dan akhlak dalam diri setiap warganegara melalui pendidikan kesedaran antirasuah. Oleh itu, usaha mendidik masyarakat mengenai nilai-nilai murni demi membina sahsiah terpuji akan terus dipergiat.

Ketiga, memperkemas jentera perkhidmatan awam melalui Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) bagi membantu menyelesaikan urusan yang tertangguh dan menyegerakan pelaksanaan projek serta penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Keempat, memperluas akses perkhidmatan awam kepada rakyat melalui peralihan dengan lebih menyeluruh kepada pendigitalan perkhidmatan yang diungkapkan sebagai Kerajaan Berteknologi Termaju ataupun yang akan sering dirujuk selepas ini sebagai GovTech. Peralihan ini akan menjimatkan kos, masa dan tenaga, serta telah berhasil menunjukkan penerimaan yang positif.

Sebagai contohnya, Inisiatif Kemudahan Rakyat membolehkan permohonan dibuat terus oleh rakyat dalam talian. Sehingga 31 Ogos 2023, sebanyak 4,473 permohonan IKR untuk projek-projek infrastruktur di seluruh negara telah diterima.

Penegasan 12: Mempertingkatkan Kecekapan Pelaksanaan dan Pemantauan. Kerajaan Perpaduan akan melaksanakan semua strategi dan inisiatif yang direncanakan dalam KSP RMKe-12 secara teratur, bersistematik dan bertanggungjawab melalui tiga perkara pokok.

Pertama, pelan bagi pemantauan pelaksanaan dasar KSP RMKe-12 disediakan sebagai panduan kepada setiap kementerian dan agensi. Sebahagian daripada sasaran KSP dijadikan KPI kementerian dan Jawatankuasa Khas Pemantauan KSP juga akan ditubuhkan.

Kedua, bagi projek-projek yang telah lama diluluskan, termasuk projek dalam Rancangan Malaysia yang terdahulu, namun belum dapat dimulakan dalam tempoh masa yang munasabah akan dibatalkan. Ini bertujuan bagi memberi laluan kepada projek-projek rakyat lain yang lebih mendesak.

Ketiga, sebagaimana amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan KSP baru-baru ini, semua anggota pentadbiran dan ketua jabatan perlu melaksanakan tanggungjawab dengan jujur dan amanah. Ini bagi memastikan peristiwa salah laku dan teguran audit yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tidak berulang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyeru agar kita mengutamakan masa depan negara. Perpaduan rakyat yang berteraskan sikap ihsan dan saling menghormati akan menghasilkan kestabilan negara. Ini penting bagi membolehkan setiap perancangan kerajaan untuk memakmurkan dan menyejahterakan rakyat dapat dilaksanakan dengan sempurna. Mudah-mudahan iltizam untuk membangunkan negara dan memacu pertumbuhan ekonomi ini akan dapat kita realisasikan bersama-sama demi negara dan rakyat yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua terima kasih, dan saya mohon mencadangkan... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dijemput seorang Ahli menyokong.

Timbalan Menteri Ekonomi [Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terbuka untuk di bahas.

Sebelum itu ada Usul Urusan oleh seorang Menteri. Sila Yang Berhormat Menteri mengemukakan Usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.26 pg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hajah Raj Murni binti Sabu]: Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini, Rabu, 20 September 2023 hingga Selasa, 26 September 2023 tidak akan ditangguhkan pada jam 1 tengah hari, dan akan bersidang secara terus hingga Majlis Mesyuarat ditangguhkan.”

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Saya pohon untuk menyokong Usul.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Majlis pinta sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan Usul yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menjemput untuk kita membahaskan Usul yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri panjang lebar tadi ya, saya ingin berpesan kepada Yang Berhormat bahawa, kita dalam Majlis Dewan Negara ini mewakili rakyat dan bertanggung bahawa Ahli Dewan Negara merupakan Dewan yang lebih lagi mempunyai peradaban, kebijaksanaan dan pengalaman yang jauh lebih luas. Itu lah tanggapan Perlembagaan ya, kalau kita baca Perkara 45(2).

Maka dengan itu, saya berharap kita mesti menunjukkan sikap peradaban yang dikehendaki ataupun tersemat dalam Perlembagaan itu sendiri. Jadi apa yang berlaku di Dewan Rakyat semalam telah menjadi cemuhan umum. Jadi kita tidak mahu perkara yang sama berlaku di Dewan Negara. Itu yang pertama.

Kedua, Dewan Negara juga menjadi *check and balance* kepada Dewan Rakyat. Maka, menegur, memberikan *constructive comment*, ataupun cadangan, adalah tidak salah, tetapi gunakan perkataan yang elok, baik dan perkara yang tidak sesuai ataupun *unparliamentary* perlu dan patut dielakkan.

Maka, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua yang selalu menyebut soalan keberadaan ini dan membuat transformasi Parlimen supaya akur kepada sikap-sikap seorang Ahli Parlimen sebagaimana yang selalu disebut. Saya berharap Yang Berhormat sekalian beri kerjasama kepada saya.

■1130

Kalau Yang Berhormat tidak bersetuju dengan kerajaan, tidak bersetuju dengan Menteri, tidak apa. Sebut, cakap. Tidak ada rintangan, tidak ada halangan. Hanya bukan soalan peribadi Menteri, Perdana Menteri dan ahli-ahli kerajaan. Jadi, ini perkara dasar, perkara kerajaan, perkara persoalan kepentingan negara dan rakyat.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih kerana mendengar ucapan ringkas saya. Dengan itu, sekarang saya nak menjemput- ada lain?

Oh, ya. Minta maaf. Saya ada lagi satu perkara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, susulan Usul yang mana telah dipersetujui itu, maka selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya menetapkan beberapa orang Ahli untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara sebagai Pengerusi Sementara pada sesi Mesyuarat Khas empat hari ini, sementara masa saya atau Timbalan saya tidak dapat hadir. Maka Ahli yang kita cadangkan ialah Ahli-ahli yang tersebut di bawah:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa;...
[Tepuk]
- (ii) Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan;... *[Tepuk]*
- (iii) Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah; dan... *[Tepuk]*
- (iv) Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.... *[Tepuk]*

Juga saya ingin memperingatkan untuk kita bersama, di bawah Peraturan Mesyuarat 6(5) dalam Peraturan Mesyuarat ini bahawa sama ada Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua atau pun Ahli-ahli yang baru saya sebutkan tadi mempengerusikan di sini, nama *title* dia ialah, "Tuan Yang di-Pertua." Kalau Datuk, bolehlah disebut, "Datuk Yang di-Pertua", kalau Tan Sri, bolehlah disebut, "Tan Sri Yang di-Pertua".

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Mesyuarat diteruskan dengan perbahasan di hadapan saya dan seramai...

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit penjelasan. Bukan soal bahas ini, tetapi dari sudut etika pakaian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Apakah kami Ahli Dewan Negara diizinkan untuk hadir ke Dewan tanpa memakai tali leher seperti di Parlimen atau pun memakai baju yang kolar *Raihan* itu? Saya mohonkan *ruling* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terima kasih, Yang Berhormat. Pertama, Yang Berhormat, saya rasa berat hati. Saya ini *very conservative*. Bimbingan saya konservatif, pendirian konservatif dan sikap keperibadian saya pun konservatif. Keluarga saya daripada keluarga yang sangat konservatif. Jadi, payah saya bertukar, tetapi kalau kita lihat apa yang berlaku di *England*, oleh sebab *conservativeness* pihak *English*, maka mereka *suffer* sekarang kena keluar daripada EU. Masalah kekecilan negara pun bakal berlaku. *Northen Ireland*, *Scotland* mungkin mahu *independent* kerana tidak boleh ikut *conservativeness under British*.

Jadi, jangan ikut saya, konservatif sangat. Mula-mula saya fikir kena pakai *tie* juga tetapi oleh sebab ahli daripada Dewan Rakyat datang tidak pakai *tie*, kita pakai *tie*, tidak elok juga. Padahal, Dewan Negara ini *Upper House*.

Jadi, walaupun saya rasa payah sedikit tetapi kena akur dengan amalan yang dibuat di Dewan Rakyat. Jadi, saya sudah bincang dengan saudara Setiausaha Dewan Negara atau pun saya sebut di luar, *The Clerk to The Council*, Tuan Sujairi, kita setuju ikut apa yang Dewan Rakyat buat... [*Tepuk*]

Jadi, maknanya boleh menggunakan baju terbuka saja, tetapi kenalah elok-elok jugalah, sebab *this is the Upper House*. Sebab, kalau Yang Berhormat menggunakan *tie*, datang Menteri atau Timbalan Perdana Menteri pakai tidak ada *tie*, jadi kita saja yang nampak- tetapi masih ada pihak lain yang masuk ke dalam Dewan dibenarkan *lower the standard*. Jadi, biarlah kita sama. Dengan itu... [*Disampuk*] Begitu, Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jelas, ya?

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Terima kasih. Akan tetapi, kita ada *choice* untuk pakai *tie* juga, bukan begitu?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh pakai bila-bila masa. Saya akan pakai. Kalau tidak, rugi saya beli... [*Ketawa*]

Okey, kalau tidak ada soalan lain lagi, maka saya menjemput- ada 40 orang pembahas telah menghantar nama tetapi yang disenaraikan untuk hari ini ada 20 orang dan disetujui supaya setiap seorang bercakap 20 minit. Jadi, saya juga memohon supaya jangan lebih daripada 20 minit, Yang Berhormat. Cuba putuskan. Kalau kurang daripada 20 minit itu *is much better*, tetapi lebih daripada itu minta dikurangkan kerana akan menginjakkan masa itu.

Dengan itu, maka saya jemput Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair untuk berbahas. Sila, Yang Berhormat Dato'.

11.37 pg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Perpaduan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim atas komitmen yang jitu...

Tuan Yang di-Pertua: Saya masih duduk. Boleh bercakap.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: / ingat ini mahkamah.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang jitu dalam menjayakan Rancangan Malaysia Ke-12 dan menambah baik pelaksanaan selaras Kajian Separuh Penggal ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan perkara yang begitu penting ini.

Terdapat tiga aspek fokus yang saya ingin bangkitkan berkaitan aspek pendidikan, keterjaminan makanan dan kesihatan.

Sebagai inti pati pertama iaitu berkenaan aspek pendidikan, saya ingin menyentuh tentang pembangunan semula sekolah daif yang digariskan dalam Penegasan 5 Kajian Separuh Penggal RMKe-12, merapatkan jurang ketidaksamarataan. Sebagai Ahli Dewan Negara yang sentiasa prihatin terhadap soal pembangunan semula sekolah daif, saya berpendirian bahawa aspek pendidikan merupakan asas penting yang boleh memadamkan belunggu kemiskinan yang selama ini menjadi jurang pemisah antara rakyat.

Di Negeri Sembilan, masalah sekolah daif bukanlah masalah pasca pandemik COVID-19, sebaliknya ia merupakan tragedi tahunan yang menyekat motivasi serta ketekunan anak-anak pelajar serta guru-guru mereka untuk mencapai kecemerlangan akademik yang setara seperti rakan-rakan mereka yang bersekolah di MRSM, SBP dan sekolah-sekolah berprestasi tinggi yang lain. Kemiskinan yang menduga keluarga anak-anak pelajar di luar bandar dan pedalaman sepatutnya menjadi sandaran teguh kepada kerajaan untuk merencanakan agenda pembangunan semula sekolah daif secara realistik dan holistik.

■1140

Menerusi Kajian Separuh Penggal RMKe-12 yang direncanakan oleh kerajaan Malaysia Madani ini, saya meletakkan harapan untuk melihat lebih banyak sekolah daif di seluruh negara dapat dibangunkan semula dengan segera mengikut keperluan serta aspirasi pendidikan masa kini.

Seperti yang Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedar, saya sentiasa konsisten dalam mengutarakan perihal pembangunan sekolah daif dalam perbahasan-perbahasan saya di Dewan yang mulia ini. Sejajurnya, saya sedikit terkilan dan kecewa setelah menyedari hakikat bahawa sebelum ini tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini adalah kurang memuaskan.

Sebagai anak jati Negeri Sembilan, komitmen yang dizahirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk bukan sahaja menambah peruntukan pembaikan sekolah daif tetapi juga untuk melihat kepada penambahbaikan proses kelulusan tersebut, menghembuskan nafas lega buat golongan pendidik di seluruh negara. Ada daripada kalangan mereka yang selama ini berkorban wang ringgit dan tenaga mereka sendiri untuk memastikan anak-anak pelajar dapat meneruskan sesi persekolahan seperti biasa walaupun dalam keadaan serba kekurangan.

Selaras dengan itu, saya ingin membangkitkan beberapa soalan dan cadangan kepada Yang Berhormat Menteri. Berapakah jumlah sekolah daif di Semenanjung Malaysia yang berada dalam lensa Kementerian Pendidikan untuk dibangunkan semula di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-12?

Daripada jumlah tersebut, berapa kah sekolah di Negeri Sembilan yang terlibat dan disenaraikan sekolah-sekolah tersebut mengikut jenis sekolah? Secara khusus, apa status pembaikan semula asrama pelajar lelaki Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail di Negeri Sembilan yang sebelum ini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Pedas?

Kedua, berapakah jumlah peruntukan khas yang tersedia menerusi Kajian Separuh Penggal RMKe-12 bagi membaik pulih sekolah-sekolah kebangsaan yang selama ini menjadi zon risiko banjir kilat? Secara lebih terperinci, apakah mekanisme yang sedang dipraktikkan oleh pihak kementerian dalam mengenal pasti risiko bencana alam ke sesebuah sekolah? Dalam kita sedang berdepan dengan cabaran perubahan iklim yang tidak menentu, Kementerian Pendidikan sewajarnya mewujudkan serta mengenal pasti prosedur pembangunan semula yang berupaya mengurangkan risiko kemusnahan akibat banjir.

Ketiga, apakah faktor yang menyebabkan projek pembaikan semula fasiliti sekolah daif yang pernah diluluskan di bawah kerajaan terdahulu tidak diteruskan selepas Kajian Separuh Penggal ke RMKe-12? Jika ada, sebutkan nama beberapa buah sekolah, khususnya di Negeri Sembilan yang menghadapi masalah menyudahkan projek pembaikan bagi maksud yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang keterjaminan makanan, saya telah memasuki sedikit sebanyak aspek fokus saya berkaitan perkara sama. Oleh itu, saya meneruskan ingin membangkitkan perkara ini yang bagi saya berkait dengan penegasan kedua Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu mempercepat reformasi struktur ekonomi.

Sedikit konteks seperti yang digariskan dalam pertubuhan dan nilai ke tinggi keempat HGHV iaitu pertanian dan industri asas tani Kerajaan Perpaduan benar-benar serius untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara menerusi penerokaan digital dan teknologi dalam bidang agro komoditi. Saya menyambut baik perkara ini. Garapan teknologi yang berimpak tinggi dalam sektor pertanian berupaya meningkatkan keupayaan Malaysia sebagai...

[Bentara memberikan air kepada Senator]

Thank you. Dengan izin... [Meneguk air]

Saya menyambut baik perkara ini, garapan teknologi yang berimpak tinggi dalam sektor pertanian berupaya meningkatkan keupayaan Malaysia sebagai pengeluar produk-produk makanan asasi. Keupayaan ini mampu mewujudkan keyakinan yang boleh menambah baik kedudukan negara dalam indeks keterjaminan makanan global yang kini berada di tangga 39 di peringkat global dan 17 di peringkat rantau Asia Pasifik.

Perkara ini sangat diperlukan memandangkan senario kekurangan bekalan beras di pasaran yang berlaku pada hari ini. Had kuota yang dikenakan terhadap setiap pembelian menunjukkan kepada kita bahawa krisis bekalan makanan, atau *food insecurity crisis* semakin menghampiri bumi Malaysia. Rakyat Malaysia rata-rata makan nasi dan ia merupakan makanan ruji yang menjadi sumber karbohidrat selepas gandum.

Oleh sebab itu, kerajaan seharusnya menjadikan Kajian Separuh Penggal RMKe-12 ini sebagai platform untuk mengembalikan potensi pengeluaran beras tempatan yang selama ini ditenggelami dengan lambakan bekalan beras-beras import...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak gula-gula kah apa? Tekak kering.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: No, boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau tidak, saya boleh minta pegawai ambilkan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tidak apa, terima kasih. Selain negeri Kedah yang sinonim dengan hab pengeluar padi, negeri-negeri lain yang berpotensi untuk memperkasakan sebagai hab pengeluaran padi negara perlu disediakan dengan pelbagai aspek sokongan yang boleh memangkinakan skala produktiviti beras yang dihasilkan.

Berkaitan perihal keterjaminan makanan yang saya bangkitkan, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan:

- (i) apa bentuk teknologi terkini yang ada, yang akan diperluaskan di seluruh negara sebagai strategi untuk meningkatkan penghasilan padi beras tempatan;
- (ii) apa bentuk sokongan produktiviti yang telah disediakan kepada para pengeluar beras tempatan di bawah RMKe-12, sejauh manakah sokongan tersebut mampu mengimbangi komposisi penawaran antara produk beras import dan produk beras tempatan; dan
- (iii) apa peranan bersama yang turut dimainkan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain untuk meningkatkan penghasilan produk daging lembu dan daging ayam *live stock*, dengan izin, yang juga merupakan sumber makanan penting yang perlu dijamin.

Apa strategi yang telah dilaksanakan bagi memperkasakan sektor penternakan tempatan sebagai langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap daging import.

Topik lagi satu ialah tentang Kementerian Kesihatan. Saya ingin menyatakan beberapa saranan dan cadangan berkenaan aspek fokus kesihatan yang berkait dengan pemerksaan sektor kesihatan negara yang digariskan dalam perenggan 6. Meningkatkan kesejahteraan dan membudayakan masyarakat Madani. Di sini saya ingin mengambil peluang untuk mengetengahkan isu kepadatan serta kesesakan yang selama ini berlaku di

Hospital Tuanku Ja'afar di Negeri Seremban. Bolehkah pihak kementerian memberikan status terkini penambahbaikan dan ubah suai hospital ini serta impak kepada kebolehan merawat pesakit yang berlaku akibat perkara tersebut.

■1150

Saya menerima pelbagai laporan bahawa proses pengubahsuaian yang dilakukan di hospital tersebut dijangka mengambil sekitar tiga tahun dan ia akan memberi kesan kepada pengurangan lebih kurang 200 buah katil. Sebelum ini pesakit terpaksa menunggu selama 24 jam di unit kecemasan untuk mendapatkan katil. Manakala doktor pula terpaksa melepaskan pesakit lebih awal dan masalah ketandusan katil. Kesannya, pesakit balik dalam keadaan penyakitnya belum dirawat sepenuhnya dan hal tersebut boleh membahayakan kesihatan orang-orang di sekeliling.

Saya ingin mencadangkan beberapa perkara untuk membantu situasi ini.

Pertama, kementerian harus mempertimbangkan pembinaan hospital baharu di kawasan Seremban atau di Seremban 2 atau di Nilai. Pembinaan hospital baharu tersebut bertujuan untuk menampung kepadatan serta kesesakan yang selama ini berlaku di Hospital Tuanku Jaafar. Pembinaan hospital baharu tersebut seharusnya dilengkapi dengan sekurang-kurangnya 800 buah katil serta kelengkapan-kelengkapan penting yang lain.

Kedua, pelaksanaan perkhidmatan berbayar. Bagi mengekalkan motivasi serta komitmen profesional para doktor pakar atau, dengan izin *specialist*, kaedah pembayaran secara terus boleh dilaksanakan dengan memberi ruang kepada mana-mana pesakit untuk membayar kos rawatan atau perubatan dengan duit sendiri.

Mana-mana bahagian di Hospital Tuanku Jaafar yang ingin memulakan pelaksanaan *pay for the services*, dengan izin, tersebut seharusnya diberikan lampu hijau oleh KKM. Pelaksanaan tersebut mampu mengurangkan risiko kekurangan doktor pakar yang sebelum ini ramai berhijrah ke hospital swasta atas faktor-faktor renumerasi yang lebih baik.

Ketiga, sebagai langkah sementara, kementerian boleh memanggil semula doktor-doktor pakar yang sudah bersara atau berhenti berkhidmat untuk berkhidmat di Hospital Tuanku Jaafar secara sukarelawan. Panggilan perkhidmatan tersebut akan memberi manfaat langsung kepada KKM yang tidak perlu berbelanja walau satu sen pun untuk menampung kos upah bagi perkhidmatan doktor pakar yang dipanggil semula.

Pendekatan tersebut sudah tentu akan meningkatkan kapasiti serta kualiti perkhidmatan kepada para pesakit yang selama ini terpaksa menunggu terlalu lama untuk mendapatkan temu janji doktor pakar yang kadang-kadang ada kadang-kadang tiada.

Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian serius terhadap ketiga-tiga saranan serta cadangan yang saya kemukakan tadi. Setiap cadangan dan saranan itu timbul daripada realiti pahit yang dialami oleh para pesakit serta kakitangan Hospital Tuanku Jaafar.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbincangan saya. Semoga Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 ini dapat menterjemahkan pembangunan fizikal yang memberi manfaat jangka panjang kepada rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

Malaysia Madani- tekad perpaduan penuh harapan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator kerana menepati masa. Kita sudah jimat tiga setengah- minit.

Sekarang ini saya hendak menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff untuk berbahas.

11.54 pg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan tempoh Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12.

Bismillahi Rahmani Rahim, Allah Taala berfirman yang bermaksud, “*Dia telah menciptakan kamu dari bumi dan menjadikan kamu pemakmurannya.*” Ayat ini menerangkan peranan manusia untuk memakmurkan bumi dengan melakukan kemajuan dan pembangunan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh kajian semula tahun 2021-2022 potensi pengeluaran berkembang sebanyak 3.8 peratus setahun, manakala Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 5.9 peratus setahun disumbangkan oleh pertumbuhan produktiviti buruh yang lebih baik sebanyak 3.7 peratus setahun. Ini merupakan satu kejayaan yang perlu diberikan pujian kepada Kerajaan Perikatan Nasional sebelum ini.

Dengan kemajuan sasaran terpilih yang digariskan dalam RMKe-12, 31 sasaran yang telah dicapai, 59 peratus sasaran mengikut jadual manakala 10 peratus yang masih belum dicapai. Seperti yang kita- semua sedia maklum, dalam tempoh Kajian Separuh Penggal Negara kita telah mengalami cabaran yang cukup berat. Cabaran menghadapi penyakit COVID-19 di mana tiada negara di dunia ini yang mempunyai pengalaman pengurusan wabak untuk kerajaan dijadikan contoh.

Negara kita juga telah diuji dengan perubahan iklim yang luar biasa yang menyebabkan banjir luar biasa di kawasan yang tidak pernah mengalami banjir. Berapa banyakkah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan?

Dalam masa yang sama, rakyat berusaha memulihkan ekonomi keluarga dengan bantuan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan semasa itu. Tahniah Perdana Menteri kelapan dan yang kesembilan atas pencapaian separuh penggal pertama ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tema “Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi,” Kajian Separuh Penggal RMKe-12 mengetengahkan 17 anjakan besar untuk memangkin pembangunan sosioekonomi negara dengan fokus kepada tiga bidang utama iaitu memperkukuhkan kemapanan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi. Mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dijadikan pemacu utama dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Memperkukuhkan tata kelola dan membudayakan integriti adalah antara strategi yang telah digariskan yang perlu disokong dan didukung oleh semua pihak.

Saya memohon agar kerajaan hari ini benar-benar membuktikan kesungguhan agenda ini. Kita melihat hari ini rakyat hilang kepercayaan kepada kerajaan bila mana kes-kes mahkamah yang melibatkan kepimpinan terutamanya yang dilepaskan tanpa dibebaskan. Manakala sebahagian daripada strategi daripada anjakan besar perundangan berkaitan rasuah merupakan pengenalan kepada pelan integriti baharu pada tahun 2025 yang diterapkan dengan nilai murni bagi memupuk nilai dan sikap insaniah. Pelan Anti Rasuah baharu ini yang akan diperkenalkan diharapkan menjadi sebagai garis panduan kepada semua institusi awam dan swasta berhubung isu integriti, tadbir urus dan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon penjelasan kerajaan adakah prestasi Pelan Integriti Nasional sedia ada tidak efektif sehingga perlu diasaskan semula dengan nilai murni madani dan memandangkan pelan tersebut merupakan sebuah garis panduan yang tertakluk kepada pemakaian kementerian adakah kerajaan akan memperkenalkan perundangan berbentuk akta berkaitan rasuah yang memberi tindakan dan pelaksanaan lebih kemas dan tegas.

Tuan Yang di-Pertua, memperluaskan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) meliputi miskin tegar, miskin dan B40 bagi meningkatkan pendapatan iaitu salah satu strategi anjakan besar reformasi perlindungan sosial. IPR merupakan inisiatif kerajaan dalam Bajet 2023 untuk menoktahkan kemiskinan. Ini membawa kepada persoalan saya adakah program yang telah dilaksanakan di Kelantan dan berapa ramai yang telah mendapat manfaat dan berjaya keluar dari miskin tegar?

■1200

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memiliki sumber unsur nadir bumi bukan radioaktif yang dianggarkan berjumlah 16.1 juta tan dengan nilai pasaran sebanyak RM809.6 bilion. Kajian Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) mendapati sumber REE negara terdapat di 10 buah negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sarawak, Selangor dan Terengganu. Kelantan dipercayai memiliki sumber mineral dan unsur nadir bumi mencecah RM1.25 bilion. Kajian lanjut perlu dibuat untuk memastikan bahan nadir bumi ini dapat diuruskan dengan baik kerana ia melibatkan seluruh kawasan hutan di Semenanjung.

Bagaimanakah kerajaan merancang untuk mengimbangi faedah ekonomi perlombongan unsur nadir bumi dengan kesan alam sekitar jangka panjang ke atas ekosistem hutan dan biodiversiti yang berkaitan sekiranya melibatkan hutan simpan kekal (HSK) negara? Adakah negara kita sudah mempunyai pakar-pakar yang mencukupi untuk pengurusan bahan ini supaya kita tidak terlalu bergantung kepada pakar dari luar?

Adakah terdapat jaminan bahawa dasar larangan eksport bahan mentah nadir bumi yang bakal dirangka dapat mengelakkan bahan mentah nadir dari dieksploitasi oleh pelbagai pihak memandangkan jenis nadir dan teknologi yang sesuai belum dikenal pasti dan tiada perjanjian atau persetujuan, *knowledge transfer* yang sah daripada pihak pembangunan teknologi sedia ada dari luar.

Tuan Yang di-Pertua, apa bentuk bantuan yang dirancang oleh kerajaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dalam menguruskan nadir bumi ini supaya dapat menghasilkan pulangan menguntungkan kerajaan negeri. Sudah pasti Kelantan tidak mahu kisah royalti petroleum berulang.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Koridor Ekonomi Wilayah merupakan agenda nasional yang bertujuan untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang seimbang antara wilayah dan merapatkan jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar.

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dilancarkan pada tahun 2007, lebih 15 tahun yang lalu dengan lapan fokus utama kepada pembangunan pelancongan.

Di Kelantan, fokus utama merupakan pembangunan pelancongan khususnya untuk membangunkan Pengkalan Kubor menjadi pusat pelancongan sempadan dan juga pusat perdagangan peringkat Asia Tenggara segi tiga pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand. Namun sehingga kini, masih belum tercapai. Justeru itu, saya mencadangkan supaya satu semakan semula perlu dibuat dan dibentangkan serta dibuat laporan terbuka yang terperinci mengenai pencapaian dan perlu disampaikan dan dikongsi bersama. Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal RMKe-12.

Penegasan 3: Memacu Daya Saing Sektor dan Industri Strategik. Saya ingin menyebut bahawa beberapa projek yang menjadi keutamaan di Kelantan yang telah dijadikan sebagai *wish list* utama dalam RMKe-12 yang masih belum mendapat status kelulusan daripada pihak Menteri mengenai status permohonan ini iaitu pertama, menaik taraf jalan FT207 Jalan Pasir Mas-Salor dari Simpang Batu 4 di Kota Bharu sehinggalah Simpang Salor di Pasir Mas, Kelantan.

Kedua, menaik taraf laluan D110 dari Jalan Tiong-Pasir Tumboh, Kota Bharu, Kelantan.

Ketiga, pembinaan jalan dalaman utama pembangunan Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu.

Projek ini amat penting dan perlu disegerakan dan seiring dengan pembinaan Kompleks Gunasama Persekutuan di Tunjong. Implikasi jika tidak dilaksanakan projek ini akan mengakibatkan kesesakan yang melampau di Tunjong dan di Kota Bharu yang dianggarkan lebih 3,000 buah kenderaan dalam satu masa akan terlibat dalam kesesakan lalu lintas.

Di samping itu juga, pihak kerajaan negeri juga telah menyenaraikan projek pembinaan Kompleks Maritim Negeri Kelantan di sekitar muara Tok Bali jajahan Pasir Puteh yang bernilai RM400 juta sebagai meningkatkan keselamatan perairan pantai dan projek pembinaan dua benteng pemecah ombak sepanjang tiga kilometer di setiap satu di Tok Bali menjadi *wish list* keutamaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan KSP RMKe-12 ada menyebut tentang pembangunan ekonomi rentas sempadan. Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM1.1 bilion untuk tempoh 2023 hingga 2025. Justeru, saya mohon perincian daripada pihak kerajaan mengenai peruntukan ini dan berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk pembangunan ekonomi rentas sempadan di Kelantan? Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memberi keutamaan sepenuhnya kepada pembangunan di Kelantan yang melibatkan seperti berikut.

Pertama, Projek Sempadan Utara Semenanjung, cadangan pembangunan bandar sempadan antarabangsa bagi pembangunan *Geting Integrated Tourism Zone* di Pantai Geting, Jajahan Tumpat, Kelantan.

Kedua, Projek Sempadan Utara Semenanjung ECER, kerja-kerja menaik taraf kemudahan awam dan infrastruktur Bandar Sempadan Rantau Panjang dan Pasir Mas, Kelantan.

Ketiga, naik taraf Kompleks ICQS di Rantau Panjang, Pengkalan Kubor dan juga Bukit Bunga kerana kompleks ini memberikan imej kepada sesebuah negara dan perlu diberi penumpuan daripada segi aspek prasarana dan juga keselamatan. Keempat, pembinaan Jambatan Tak Bai yang sepatutnya telah dijalankan.

Kelima, pembinaan laluan kereta api melalui Rantau Panjang dan memasuki negara sempadan. Dengan pembinaan ini, akan menjadi pemangkin kepada perekonomian setempat di samping mengambil berat daripada aspek keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyokong kepada pembangunan *food security* negara, projek di bawah agrofood@ECER, pembinaan jeti pendaratan tambahan di Tok Bali perlu disegerakan kerana projek ini sangat penting bagi menampung pendaratan ikan yang besar dan fasiliti yang moden dan mencukupi bagi memenuhi keperluan keterjaminan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa projek yang telah disenaraikan dalam RMKe-12 yang perlu diberi keutamaan juga di Bachok, tempat saya sendiri itu Tuan Yang di-Pertua, seperti berikut:

- (i) Kementerian Kesihatan – Projek Pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 dengan Kuarters Bachok, Kelantan;
- (ii) Kementerian Desa dan Wilayah – Projek Pembinaan Jalan dan Jambatan dari Kampung Pantai Senok ke Kampung Pulau Gajah, Bachok, Kelantan;
- (iii) Kementerian Desa dan Wilayah – Projek Naiktaraf Jalan Bukit Marak, Bekelam ke Pengkalan Cina, Bachok, Kelantan;
- (iv) Kementerian Desa dan Wilayah – Projek Menggantikan Jambatan Dari Kampung Bukit Temalong Ke Kampung Mahligai, Bachok, Kelantan;
- (v) Projek Menaik taraf Jalan dari Kampung Pantai Senok ke Simpang 3 Tawang, Bachok, Kelantan; dan
- (vi) Kementerian Pendidikan – Projek Daif Kelantan, Pembinaan Semula Bangunan Daif di Sekolah Menengah Kebangsaan Bachok, Bachok, Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan merupakan strategi yang perlu dilaksanakan secara untuk membangunkan masyarakat inklusif yang lebih berdaya tahan. Kerajaan perlu mengambil kira semua aspek penjagaan kesihatan fizikal, mental, penyakit-berjangkit dan juga penyakit tidak berjangkit. Apakah persediaan kerajaan dalam menghadapi penyakit berjangkit ataupun wabak baharu? Bagaimanakah kerajaan berusaha untuk mencegah penyakit tidak berjangkit?

Merokok merupakan faktor penyebab kepada pelbagai penyakit tidak berjangkit atau penyakit kronik. Sejauh mana komitmen kerajaan untuk membawa RUU Kawalan Produk Merokok atau RUU Generasi Penamat kembali ke Parlimen untuk di bahas dan diluluskan?

Tuan Yang di-Pertua, tinjauan mendapati jumlah perokok di Malaysia ialah seramai lima juta orang perokok dan 1.5 juta orang penghisap *vape*. Manakala saringan menerusi Program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK) tahun lalu mendapati 43,000 orang pelajar, dan 341 orang murid terjejak dengan rokok.

■1210

Soalan saya, sejauh manakah Program IMFree dan Program Lima Minit Antirokok/Vape berjaya mengurangkan *prevalence* merokok dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dan menengah?

Skim Perubatan Madani yang diberikan kepada penerima Sumbangan Tunai Rahmah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan B40 terhadap penjagaan kesihatan primer akut, rawatan pesakit luar kes-kes akut. Penerima Sumbangan Tunai Rahmah dan tanggungan boleh mendapatkan rawatan secara percuma di klinik perubatan swasta yang berdaftar di bawah Skim Perubatan Madani.

Kita sedia maklum, Kelantan merupakan antara penduduk berpendapatan isi rumah yang terendah dengan purata pendapatan isi rumah RM4,320. Setakat ini, Skim Perubatan Madani ini hanya dirasai rakyat di daerah tertentu iaitu di Kota Bharu dan Pasir Mas sahaja iaitu di kawasan bandar, di mana kemudahan sudah ada dan mudah didapati.

Bilakah skim ini akan diperluaskan kepada penduduk luar bandar yang sukar untuk mendapat akses ke klinik kesihatan kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah memperuntukkan pelaburan besar untuk pembelajaran TVET di Malaysia dengan situasi di Malaysia yang memerlukan pembangunan bakat yang komprehensif bagi menampung permintaan yang semakin meningkat. Contohnya dalam industri elektrik dan elektronik. Kita juga melihat berbondong-bondong anak muda yang menceburi ekonomi *gig* meninggalkan dunia pendidikan ditambah dengan pelaksanaan gaji minimum RM1,500 menyebabkan ramai anak muda lebih berminat untuk bekerja daripada menyambung pelajaran.

Soalan saya, apakah faktor yang menyumbang kepada jumlah pelajar TVET di negara yang masih rendah? Berapakah jumlah enrolmen bagi program TVET di peringkat sekolah menengah atas? Apakah faktor yang menyebabkan kerajaan gagal menarik minat pelajar-pelajar untuk meneruskan pengajian dalam bidang TVET?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang menua dan akan menjadi negara tua. Apakah pelan dan perancangan kerajaan dalam menghadapi situasi ini terutama dalam sektor kesihatan dan kebajikan warga emas? Bagaimanakah kerajaan boleh memastikan warga Malaysia menua dengan sihat tanpa membebankan kerajaan dengan pelbagai penyakit kronik?

Apakah kewujudan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dapat mencapai objektif sebenar penubuhannya? Berapa buah PAWE yang digunakan secara aktif di Malaysia? Apakah halangan yang menyebabkan PAWE tidak berfungsi sebagaimana yang diharapkan? Apakah perancangan kerajaan dalam memastikan pusat warga emas ini digunakan dengan sepenuhnya sebagai pusat pengajaran dan pembangunan sahsiah warga emas secara inklusif?

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya, saya ingin menarik perhatian kerajaan untuk melihat semula kepada cadangan penggunaan mata wang ASEAN untuk tujuan perdagangan yang telah dipersetujui oleh pemimpin ASEAN pada sidang ASEAN pertama tahun ini di Labuan Bajo. Hal ini supaya urusan perdagangan rantau ASEAN tidak bergantung pada nilai dan mata wang USD.

Persoalan saya adalah adakah perbincangan bilateral dan multilateral dengan negara-negara ASEAN yang terlibat akan dilakukan bagi merealisasikan cadangan tersebut selaras dengan unjuran ekonomi KSP RMKe-12 untuk menarik pelaburan serantau? Apakah kedudukan Malaysia dalam cadangan tersebut? Adakah langkah yang perlu diambil bagi memastikan kepentingan negara tidak terjejas?

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dr. kerana menepati masa.

Sekarang ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang untuk berbahas.

12.14 tgh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit untuk turut serta dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas pada hari ini.

Sebelum saya memulakan perbahasan saya, izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada parti yang memenangi dalam Pilihan Raya Negeri baru-baru ini. Apa pun, saya tetap bersyukur kesemua pilihan raya berakhir dengan aman dan damai serta tiada kekecohan dan huru-hara. Tidak dilupakan juga kepada warga SPR, polis, anggota RELA dan yang lain-lain bertungkus-lumus memastikan pilihan raya berjalan dengan lancar dan aman.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2012-2025 ini merupakan kesinambungan bagi pembentangan Rancangan Malaysia oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang terdahulu iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan ini merupakan bukti kecekapan kesinambungan pentadbiran kerajaan terdahulu dalam mengemudi negara yang telah meletakkan objektif Keluarga Malaysia dan seterusnya kini objektif Malaysia Madani oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Tumpuan utama yang diberi adalah mengenai beberapa perkara yang merangkumi penjajaran semula ekonomi, pengukuhan kesejahteraan rakyat dan mempertingkatkan serta memperkasakan pertumbuhan pembangunan kemahiran, pendigitalan dan tadbir urus. Kesinambungan ini diteruskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada Kerajaan Perpaduan yang merangkumi sembilan fokus utama. Antaranya merencanakan pertumbuhan ekonomi, membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang pendapatan serta melonjakkan pembangunan Sabah, Sarawak dan negeri-negeri kurang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ramai rakan Yang Berhormat akan menyentuh pelbagai perkara, maka saya akan tumpu kepada beberapa perkara sahaja, antaranya yang melibatkan negeri Pulau Pinang. Kita tidak boleh nafikan Pulau Pinang memberi sumbangan cukai kepada hasil persekutuan sebanyak RM10 bilion kebelakangan ini. Saya harap Kerajaan Persekutuan boleh memberikan pertimbangan kepada pembangunan di Pulau Pinang, memandangkan negeri ini merupakan penyumbang eksport terbesar negara juga.

Saya amat teruja apabila semasa pembentangan RMKe-12 di Dewan Rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut mengenai pembangunan Pulau Pinang. Bagi mewakili penduduk Pulau Pinang, saya amat gembira apabila Yang Amat Berhormat mengumumkan beberapa inisiatif, antara lain iaitu menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan LRT Pulau Pinang.

Saya juga ingin memohon agar perkhidmatan feri Pulau Pinang dapat diteruskan lagi. Ini kerana perkhidmatan feri ini merupakan suatu yang ikonik bagi penduduk Pulau Pinang. Saya mohon agar kerajaan dapat menaik taraf dan memberi bantuan kepada perkhidmatan feri agar dapat diteruskan warisannya sampai bila-bila.

Mengenai pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, saya ingin tahu dengan terperinci, apakah rancangan masa hadapan pembesaran lapangan terbang ini? Adakah kerajaan akan meluaskan landasan bagi kapal terbang mendarat dan juga menaikkan taraf terminal utama?

Selain itu, adakah terdapat rancangan daripada kerajaan bagi menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini membolehkan penerbangan terus ke Madinah dan Jeddah bagi memudahkan dan memendekkan urusan umrah dan haji? Seterusnya saya ingin bertanya, adakah jaminan kerajaan terhadap pelaksanaan projek penaiktarafan lapangan terbang antarabangsa ini tidak memberi kesan kepada kawasan penempatan di sekitarnya? Ini kerana terdapat penduduk yang agak padat dan juga kawasan kilang yang agak besar di sekitar Bayan Lepas.

Dengan ini, peningkatan jumlah penumpang di Lapangan Terbang Bayan Lepas akan mencecah 20 juta setahun. Ia pasti akan mengundang kepada penambahan kemasukan lebih banyak kenderaan ke pulau. Pada masa ini pun, rakyat Pulau Pinang berhadapan dengan kesesakan lalu lintas yang luar biasa bermula dari Seberang Jaya, Jambatan Pulau Pinang dan sekitarnya. Maka, adakah kerajaan akan membuat rancangan pembangunan lebuh raya di Seberang Jaya dan kawasan di sekitarnya?

■ 1220

Saya juga ingin tahu mengenai pelan laluan LRT yang akan menghubungkan antara Komtar ke Jelutong terus ke Lapangan Terbang Bayan Lepas dan akhirnya berakhir di pulau yang akan ditambah di selatan Pulau Pinang dan apakah rancangan masa hadapan mengenai projek tambakan laut di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, *High Grow, High Value* (HGHV) Pertanian, dengan izin, dan industri asas tani. Kerajaan perlu memberi tumpuan untuk memperkukuhkan kemapanan dengan melonjakkan pertumbuhan ekonomi dengan memberikan tumpuan industri *High Grow, High Value* (HGHV).

Apa yang berlaku sekarang ini ialah kenaikan harga bahan mentah yang meningkat dengan mendadak. Bahan-bahan mentah pertanian yang diimport kini menjadi lebih mahal dan ini menyebabkan berlakunya kenaikan harga pada setiap masa. Ini tambahan pula dengan ada pihak yang menanggung di air keruh yang mengambil kesempatan atas keperluan rakyat biasa demi mengaut keuntungan berlipat ganda.

Saya melihat kuantiti input pertanian tidak selari dengan kadar yang munasabah. Banyak bahan asas mengalami kenaikan harga yang mendadak ini termasuk baja, racun, kos pengangkutan, kos peralatan pertanian dan kos buruh juga meningkat.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup mengenai harga beras yang luar kawalan ini. Adakah rancangan masa hadapan mengenai kemelut yang kita hadapi ini. Antaranya harga bahan asas makanan dan juga harga beras.

Sejauh mana kita harus bergantung lagi kepada import bahan asas seperti beras import dari luar negara. Saya difahamkan buat masa ini kerajaan sedang menjalankan Jualan Beras Rahmah di seluruh negara dengan menjual sekampit beras tempatan lima kilo berharga RM13 hingga RM14. Langkah ini bagi membantu rakyat dalam menghadapi kesukaran untuk memperoleh beras tempatan. Langkah ini merupakan langkah sementara kerajaan.

Namun adakah kerajaan berupaya dengan meneruskan langkah ini sehingga harga beras stabil dan kita juga akui bahawa krisis beras tempatan ini merupakan tindakan pihak tertentu dengan memberi pelbagai alasan demi menaikkan dan monopoli beras tempatan dan beras import.

Maka saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar meminda akta sedia ada dan memberi punca kuasa kepada KPND bagi memantau mengawal harga beras di peringkat runcit serta diluaskan penguatkuasaan juga di peringkat pemborong. Ini kerana masalah ini adalah di pihak pemborong yang mengawal beras import seterusnya mengawal harga mengikut kehendak mereka sendiri. Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan agar dapat menyalurkan subsidi bagi pemborong beras tempatan agar dapat memulihkan harga beras tempatan yang agak kritikal sekarang ini.

Saya juga ingin mencadangkan agar kementerian melakukan pemantauan dan penguatkuasaan harga dengan lebih kerap bagi memastikan harga tidak dimonopoli oleh pembekal atau kartel-kartel besar dalam industri. Kerajaan juga harus mencari jalan agar bahan asas tani dapat dikeluarkan di dalam negara ini dengan mengoptimumkan kawasan tanah yang sesuai untuk dijalankan aktiviti pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengajukan soalan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Saya melihat produk simpanan SSPN di bawah PTPTN merupakan produk simpanan terbaik untuk ibu bapa membuat perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan anak-anak.

Ini kerana terdapat pelbagai keistimewaan dan manfaat diberi kepada pendeposit iaitu ibu bapa. Salah satu keistimewaannya iaitu insentif pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun yang diberi kepada pendeposit simpan SSPN. Saya difahamkan insentif ini hanya diberi oleh kerajaan sehingga tahun 2024 sahaja.

Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian mengapakah insentif yang amat baik ini tidak diberikan untuk tempoh yang lebih lama atau sehingga lima tahun lagi dan dinaikkan jumlah simpanan yang layak sehingga RM10,000 setahun. Inilah usaha kerajaan untuk menggalakkan ibu bapa membuat simpanan demi masa depan anak-anak mereka.

Selain itu saya difahamkan terdapat juga Insentif Geran Sempadan yang diberi kepada ibu bapa berpendapatan bulanan tidak melebihi RM4,000 apabila anak-anak mendaftar masuk ke IPT yang diiktiraf oleh kerajaan. Insentif ini amat bagus sekali tetapi pendapatan bulanan RM4,000 dilihat sudah tidak relevan lagi dalam keadaan sekarang.

Jadi bagi membolehkan insentif ini dinikmati oleh ramai pendeposit simpanan SSPN terutamanya golongan M40 yang mempunyai tanggungan ramai adalah dicadangkan agar had pendapatan bulanan dinaikkan kepada RM10,000 selaras dengan had pendapatan M40 supaya mereka juga dapat menikmati keistimewaan insentif ini.

PTPTN telah melaksanakan penguatkuasaan senarai hitam imigresen iaitu peminjam dihalang daripada ke luar negara. Tidak dibenarkan memperbaharui pasport dan membuat permohonan pasport baharu. Saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian adakah pelaksanaan senarai hitam imigresen akan dilaksanakan semula.

Ini kerana melalui pelaksanaan senarai hitam ini, pihak PTPTN dapat mengesan peminjam yang culas untuk membuat bayaran balik pinjaman mereka. Saya melihat bayaran balik pinjaman PTPTN ini amat penting untuk kelangsungan dana PTPTN bagi kelangsungan pembiayaan kepada pelajar-pelajar baru yang akan melanjutkan pengajian di IPT pada setiap tahun.

Saya mohon penjelasan pihak kementerian setakat ini berapakah jumlah hutang yang tidak dibayar oleh peminjam dan apakah langkah-langkah proaktif bagi menambah baik bayaran balik oleh peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai isu Projek Rintis Perumahan Eksklusif Madani di bawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan. Saya difahamkan projek ini merupakan Projek Rintis Perumahan Eksklusif Madani akan dibangunkan untuk golongan sasar di bandar seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

Perumahan rakyat yang merupakan antara isu penting kini. Saya amat berterima kasih atas usaha pihak kerajaan yang bercita-cita untuk membina 500,000 unit rumah mampu milik menjelang tahun 2025. Maka dengan itu saya ingin bertanya khusus kepada projek di Pulau Pinang.

Saya mohon pihak kerajaan untuk nyatakan perancangan dan juga jangkaan projek yang akan dilaksanakan di Pulau Pinang serta nyatakan kawasan tanah di Pulau Pinang yang dicadangkan untuk projek ini dan kos pembinaan yang akan ditanggung oleh kerajaan.

Dalam kita berbahas mengenai projek-projek yang bakal dilaksanakan kita tidak boleh dilupakan juga mengenai projek-projek sakit yang membelenggu rakyat. Jumlah projek sakit yang semakin meningkat dan adakah angka yang dilaporkan oleh media bahawa jumlah projek perumahan sakit di seluruh negara bakal meningkat mencecah 1,000 projek menjelang hujung tahun ini.

Saya mohon agar kerajaan mengambil cakna mengenai perkara ini. Sudahlah rumah idaman yang dibeli lewat siap, tiada kepastian bila boleh duduk lebih parah apabila pembeli masih perlu membayar ansuran bulanan pinjaman bank serta sewa rumah semasa yang diduduki kini, rakyat membayar dua beban. Saya melihat bukan setakat peningkatan jumlah perumahan mampu milik diberi fokus tetapi nasib pembeli yang dibebani akibat daripada projek perumahan sakit juga mesti dibela.

Selain daripada kos sara hidup yang meningkat kita harus juga bertanya mengenai masa hadapan sektor industri halal yang merupakan antara sektor industri strategik negara.

■1230

Potensi industri halal negara boleh mencapai nilai sehingga RM63.1 bilion pada tahun 2025. Maka soalan saya, berapakah lama tempoh kajian dan pelaksanaan untuk kerajaan membawa Akta Halal untuk kita membantu dan menaikkan taraf industri halal Malaysia di mata dunia?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya juga mengalu-alukan pendekatan kerajaan dalam memantapkan lagi perkhidmatan kesihatan di negara kita. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon supaya pihak Kementerian Kesihatan memberikan perhatian yang serius terhadap kekurangan peralatan-peralatan kesihatan di semua hospital kerajaan khususnya di negeri Pulau Pinang terutamanya Hospital Besar Pulau Pinang.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan mengenai hala tuju pembangunan perkhidmatan kesihatan terutamanya di Hospital Pulau Pinang. Adakah kementerian mempunyai rancangan untuk beli tanah dan meluaskan lagi Hospital Pulau Pinang dan juga perancangan untuk membina lot parkir bertingkat untuk kemudahan awam? Sememangnya ini memerlukan perhatian dan tindakan daripada pihak kerajaan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa gembira apabila pembentangan RMKe-12 ini ada disebut mengenai usaha untuk menamatkan kemiskinan tegar, menyelesaikan masalah asas prasarana dan keperluan asas rakyat termasuk memperbaiki sekolah dan klinik-klinik daif, menjamin bekalan air bersih serta menerajui ekonomi Islam. Bagi membasmi kemiskinan, kerajaan dalam rangka usaha untuk mencadangkan sistem baharu iaitu Pangkalan Data Utama atau dikenali sebagai PADU. Ini bertujuan antara lain untuk melancarkan pengagihan bantuan dapat diberikan dan dapat dipantau dari tahun demi tahun.

Cuma, ada beberapa perkara yang saya ingin tahu mengenai sistem PADU serta pelaksanaannya. Adakah kementerian mempunyai tarikh untuk melaksanakan sistem PADU ini. Apakah kaedah akan diguna pakai bagi memastikan bantuan dapat diberi dengan segera dan efisien? Saya berharap agar kerajaan berjaya dapat melaksanakan sistem PADU ini kerana niat sebenar kerajaan memberi subsidi bersasar kepada rakyat yang mana sebelum ini subsidi dinikmati oleh semua golongan kaya, warga asing dan peniaga-peniaga besar. Kini golongan yang benar-benar memerlukan akan dibantu.

Namun begitu, sebelum kerajaan ingin melaksanakan subsidi bersasar terutama terhadap subsidi petrol dan subsidi elektrik, kerajaan juga perlu mengambil kira kesannya terhadap golongan M40 serta kesan terhadap perniagaan SME sekiranya subsidi bersasar dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, semoga dengan pembentangan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 Malaysia Madani yang bertemakan *Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi* ini dapat menyumbang kepada kelestarian dan kemakmuran rakyat, keluarga dan masyarakat secara amnya untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing, berteknologi tinggi dan memberi kebajikan sepenuhnya kepada rakyat.

Itu sahaja perkara yang saya ingin bahas dalam usul pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, 2023. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang ini saya menjemput Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof untuk berbahas. Pakai *tie* Yang Berhormat?

12.34 tgh.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat- ada satu, pakai.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya pakai *tie*.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Saya sebenarnya konservatif. Saya lebih suka pakai *tie*.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mulakan perbahasan saya dan saya ingin menyambut seruan Tuan Yang di-Pertua tentang tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Negara. Kita tahu Ahli Dewan Negara ini kadangkala kita pun kompelin dalam *group* kononnya kita ini *rubber stamp* dan sebagainya. Akan tetapi, saya ingin memetik dalam buku yang terkini. Ada di meja Tuan-tuan iaitu *Journal of the Malaysian Parliament* di mana dalam buku ini salah satu artikel yang menarik ialah *Reforming the Dewan Negara. It's evolution and option for reform*, dengan izin.

Saya mengambil dan memetik muka surat 13 menyatakan bahawa, "*Ideally the Dewan Negara is to act as a filter for legislation and it's also intended to be another opportunity to hold the government to account in keeping with Parliament, so as check and balance on the executive.*" Satu yang lebih menarik di sini disebutkan bahawasanya, "*Dewan Negara further represent an opportunity to ensure greater detail on policy are not overlook or lost in the political machination.*" Kalau betul saya punya sebutan itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini membuka saya kepada satu ruang di mana kita harus memberi harapan kepada rakyat di luar sana bahawa Dewan Negara ini tetap kekal sebagai Dewan mulia di mana kita membahaskan perkara-perkara secara beradab, bersopan. Walaupun kita dilantik daripada pelbagai parti tetapi kita harus menghormati Dewan Negara ini dan tidak mengulangi apa yang kita dengar di Dewan Rakyat.

*Sudi lah Tuan Yang di-Pertua mendengar,
Sambil duduk bersenang-lenang;
Bila jiran kita hingar bingar,
Jadilah kita Dewan yang tenang.*

Itu saya punya mukadimah... [*Tepuk*] Jadi, izinkan saya untuk menyentuh dalam ucapan Kajian Separuh Penggal RMKe-12 ini. Saya hanya hendak fokus kepada teknikaliti bagaimana menjayakan Malaysia lebih mampan dan sejahtera itu. Saya akan tumpu kepada keperluan kita untuk menstrukturkan SDG, ESG dan SRI. Kalau kita perasan tadi, ucapan Yang Berhormat Menteri tadi banyak menyebut tentang kemapanan yang mana *vehicle* untuk kita capai kemapanan itu perlu merujuk kepada konsep yang telah diterima pakai iaitu SDG yang ada 17 agenda, ESG iaitu *environmental, social and governance*, dan SRI iaitu *sustainable and responsible investment*.

Jadi, izinkan saya untuk memulakan dengan ESG sebab banyak kali diulang tadi. Saya minta pihak eksekutif menjawab dan memberi keyakinan kepada kita di Dewan Negara untuk melihat kelemahan-kelemahan yang sedia ada dan apa yang perlu kita lakukan untuk mencapai ESG daripada segi pentadbirannya, pengurusannya yang lebih baik. Saya merujuk kepada laporan tahun 2022 iaitu *Global ESG Monitor*.

Global ESG Monitor telah meletakkan beberapa kelompangan yang perlu diperbaiki segera oleh kita apabila kita bercakap tentang kemapanan dalam RMK-12 ini iaitu pertama, kurangnya perincian laporan ESG. Maknanya di dalam *environmental, social and governance* ini, dia perlu ada perincian. Apa yang perlu dipatuhi secara terperinci tidak ada. Itu laporan. Saya harap pihak Kabinet, Menteri dan juga pegawai-pegawai ambil catatan apa yang sudah dibuat untuk *improve* daripada 2022 itu.

Kedua, paling utama ialah kurangnya ketelusan. Bila tidak ada ketelusan, segala apa yang kita hendak capai dalam pembangunan mampan ataupun lestari ataupun *sustainable development* ini, kita akan berhadapan dengan masalah yang sama akan berulang. Bila tidak ada ketelusan, maka *report*-nya itu mungkin tidak ada satu pertanggungjawaban untuk melaksanakan apa yang dihasratkan oleh RMKe-12.

Seterusnya, saya ingin minta penjelasan. *Advisory Committee on Sustainability Reporting (ACSR)*. Minta jelas dalam Dewan ini bagaimana pengukuhan *advisory committee* untuk *sustainable reporting* ini supaya ia lebih mantap, lebih kukuh dan dia dapat menjayakan sebagai *vehicle* kepada apa yang dicita-citakan dalam RMKe-12.

Saya kira satu aspek yang perlu kita ambil kira juga ialah tentang *reporting* daripada segi *finance*. *Financial reporting*. Kita ada *Malaysian Financial Reporting Standard* dan saya kira ramai daripada GLC yang dalam banyak hal gagal untuk patuh kepada *Malaysian Financial Reporting Standard*. Selalunya *report audit finance* itu kadangkala tidak *represent* apa yang sebenarnya.

■1240

Baik, kita juga tertakluk kepada *International Financial Reporting Standard* (IFRS) dan mereka telah memperkenalkan hari ini satu lagi standard yang berkaitan dengan kemapanan iaitu *International Sustainability Standards Board* ataupun ISSB. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab menjelaskan kepada kita, sejauh manakah kita patuh? *We are talking about sustainability*, dengan izin, tetapi kalau kita tidak patuh kepada *reporting*, tidak patuh kepada *Sustainability Standards Board*, maka saya rasa cakap kita ini hanya kosong dan tahun 2025, kita akan datang ke Dewan, kalau panjang umur, bercakap benda yang sama tetapi *mechanism* untuk memperkukuhkan itu saya minta pihak kerajaan serius dalam melaksanakan agenda yang besar ini.

Ini juga membawa saya kepada isu seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang pertanian. Ia ada kaitan dengan *food security*. Kita tahu laporan daripada berbagai-bagai sumber mengatakan *agriculture is the leading source of pollution in many countries*. Pertanian merupakan sumber paling utama kesannya kepada alam sekitar. Ini termasuk penggunaan pestisid atau racun, *fertilizer*, *other toxic farm chemicals*, *chemical* yang toksik yang melibatkan *various* yang bagi kesan kepada *end product*-nya iaitu *soil, water, air, animal, people, plants, and food itself*.

So, apa yang kita makan daripada makanan ini, apabila tercemar dengan satu *agriculture* yang tidak mesra alam, kita bukan sahaja mengharapkan masyarakat yang tua sebentar lagi atau sekarang ini kita sedang melalui penuaan, mungkin mereka tidak sampai umur 40 tahun, 50 tahun mungkin sudah banyak penyakit mereka. Ini kena ambil satu pendekatan.

Soalan saya, sejauh manakah *sustainable agriculture* ataupun dipanggil pertanian mapan telah diadaptasikan dalam kementerian untuk memastikan *sustainable agriculture* ini capai hasrat dan matlamatnya? Saya, tanpa mendapat maklumat yang lanjut, daripada bacaan saya, pertemuan saya, kita masih lagi jauh di belakang, Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melaksanakan polisi *sustainable agriculture*.

Seterusnya, ada pendekatan baharu yang diperkenalkan dan saya minta sebagaimana kerajaan telah bersedia untuk *adapt* pendekatan itu iaitu dipanggil *regenerative agriculture* atau pertanian regenerasi di mana *regenerative agriculture* ini melihat kepada *conservation*, konservasi dan *rehabilitation*. Apakah dia buat? *Topsoil regeneration*.

Saya pernah pergi melihat satu- tempat di mana ada proses yang sangat mudah dan begitu mesra alam di mana tanah itu sendiri boleh kita jadikan sebagai tanah yang betul subur, bersih dan terhindar daripada elemen-elemen toksik yang boleh mencemar bahan-bahan pertanian yang ditanam.

Kemudian, kita ada *improving water cycle*. Macam mana kita hendak *improve water cycle*. Lebih penting di sini ialah *resilient to climate change*. Ia mampu bertahan apabila adanya *climate change*. Ini juga membawa saya kepada satu teknologi dalam pertanian iaitu yang dipanggil *precision farming* dan *vertical agriculture*.

Saya telah melawat di satu- tempat di tengah bandar dan dalam bangunan. Mereka boleh membuat *vertical farming*. Saya tidak tahu sejauh mana kementerian dan kerajaan hari ini serius untuk tengok mereka ini. *They are our local boys*, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan daripada negara jiran datang untuk hendak beli dia punya produk dan dia sudah pun melebarkan ke *Cambodia*, dia melebar di Filipina, dia melebar di Thailand.

Kaedahnya- saya masuk sendiri tempatnya- begitu saya kira berteknologi tinggi. Kedua ialah dia ini 95 peratus berjaya mengurangkan penggunaan air. Ini kita punya masalah- *95 percent less water*.

Saya rasa ini yang kita kena tengok- *95 percent less land*. Ia tidak perlu tanah, Tuan Yang di-Pertua. Cukup kontena, dia boleh buat *vertical farming* dalam itu. Dia ada dia punya teknologi. Kalau dia hendak lahirkan sayur yang bertaraf atau sayur yang tanam di Amerika pun dia boleh dibuat di Malaysia ini. Bayangkan. Dan hujan kah, petir kah, ribut kah, panas kah, kemarau kah, ia *resilient* sebab ia hanya perlu untuk kontena dan teknologi yang ada.

Soalan saya seterusnya, bagaimana kalau kerajaan melihat semua idea yang inovatif datang daripada *local boys* kita- ini bukan dari luar, *local boys* kita- tetapi apabila mereka hendak mengembangkan, dia ada masalah modal. Apabila pergi ke bank- *agriculture, Agro Bank* lah. Soalan Bank Pertanian ini, yang ditanya pertama, "*Kamu ada tanah tak?*" Mana kawan ini ada tanah. Kawan ini ada kontena, ada bangunan. Syaratnya kena ada tanah. *You see?*

Macam mana kita hendak bagi maju idea-idea yang begitu saya rasa *advance* dalam mencapai RMKe-12 yang *sustainable* tetapi mentaliti pegawai-pegawai yang hendak bantu itu, dia tidak dapat ikut dengan kemajuan yang sudah ada. Ini menyebabkan satu yang *frustration*, kecewa dan- masa inilah orang luar datang bisik dekat telinga dia, "*Mari tempat aku. Aku bagi pada engkau berapa engkau hendak modal.*" Jangan cakap di Dewan ini berdegar-degar hendak kepada kemapanan, tetapi pegawai-pegawai tidak sampai tahap pemikiran kemapanan sehingga orang yang hendak menjayakan program ini rasa kecewa kerana *support system* tidak ada. Tolong ambil nota penting untuk kita pastikan kejayaan yang dinamakan sebagai *sustainable agriculture*.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Boleh mencelah sedikit? Sebelah kiri.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Boleh mencelah kah Tuan Yang di-Pertua? Lama tidak kena mencelah ini. Saya hilang masa saya. Kalau boleh mencelah, masa *stop*, saya setuju. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, tidak mengapa. Saya akan tambah masa. Satu ucapan perbahasan yang amat menarik sekali secara intelektual.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Berapa markah kita hendak bagi itu?... [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, kita ada institusi, seperti disebutkan tadi, Bank Agro. Jadi, kalau di situlah tempat di mana berlaku halangan dan kelemahan tersebut, apakah kita mahu mencadangkan satu *special vehicle* ditubuhkan oleh kerajaan khusus untuk melihat isu ini? Kalau tidak, *the whole review* yang kita dengar tadi ini akan tersekat di situ. Jadi, apakah Yang Berhormat Senator mahu mencadangkan sedemikian?

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Yang Berhormat Senator telah membaca pemikiran saya lebih awal kerana kita bersahabat baik. Pasti kalau tanya kepada saya soalan Yang Berhormat Senator itu, saya menyatakan perlu ada *fast track*, Tuan Yang di-Pertua. *Since* kita merasakan- *I don't know*, saya tidak tahu apakah *urgency food security* ini betul-betul kah atau sekadar satu retorik.

Kalau betul, Yang Berhormat, kalau betul kita kata *food security* ini satu yang *urgent*, saya mencadangkan dalam Dewan ini kena ada *fast track process*. Jangan lagi hendak macam-macam prosedur. Itu prosedur lapuk, prosedur itu sudah lama, tidak perlu semua prosedur itu. Kalau perlu, *fast track*. Tidak payah hendak lalu prosedur-prosedur. Ini cadangan. Saya harap Yang Berhormat Menteri ambil kira. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Hatta.

Baik, saya hendak masuk kepada SDG. Tinggal enam minit sahaja lagi. SDG ini, tahu kah Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Dewan yang mulia ini, kita ranking nombor 78 di kalangan 193 buah negara yang menandatangani *SDG United Nations 2023*? Di mana ini adalah repot terkini iaitu *SDG Report 2023*. Kalau tanya kepada saya, tidak membanggakan. Walaupun lebih baik daripada sesetengah negara tetapi 78 daripada 193 buah negara, bagi saya masih jauh ke belakang. Sedangkan *vehicle* kepada RMKe-12 ini tidak lain dan tidak bukan, kerangka berfikir besarnya iaitu SDG atau *Sustainable Development Goals*.

■1250

Oleh itu, saya ingin bertanya dan ingin mencadangkan, pada tahun 2015, kita telah memperkenalkan sukuk impak sosial. Sukuk impak sosial, *which has got to do with the ESG* yang saya sebutkan tadi. Sukuk seterusnya, pada tahun 2017. *Recently*, kita ada memperkenalkan sukuk hijau. Maknanya, sukuk yang mesra alam. Sudah tiba masanya untuk kita bagi menegaskan keperluan pembangunan mampan ini kena memperkenalkan sukuk baharu yang ada efek untuk memacu supaya pembangunan mampan ini berjaya.

Kalau tanya saya, sebutlah sukuk MADANI kah, sebutlah sukuk Rahmah kah, bukan murah. Rahmah ini orang ingat yang murah-murah saja. *Dak!* Rahmah ini *compassion- compassionate*. Minta maaf. Jadi, apabila kita bercakap tentang alam sekitar, ini adalah rahmah, ini adalah *mercy* sebab kita akan mewariskan bumi ini kepada generasi yang akan datang. Kita hanya meminjam daripada mereka.

Mereka yang mencemarkan alam sekitar ini merasakan seolah-olah alam ini milik mereka. Sedangkan mereka lupa, mereka hanya meminjam. Akan tetapi esok anak dan cucu kita hendak mewarisi, apakah yang ada dekat ia? *Disaster* dan musibah inilah yang kita harus elak dengan polisi yang kuat, mantap dan benar-benar efektif dalam masyarakat kita. Seterusnya, saya amat menyokong dalam rangka SDG, kita ada *no poverty*, tidak ada kemiskinan dan kita menyokong usaha-usaha RMKe-12 untuk membasmi kemiskinan ini.

Akan tetapi di dalam SDG juga, kita ada satu lagi komponen daripada 17 itu iaitu masyarakat yang aman, saksama dan inklusif. Soalan saya, bagaimanakah perkembangan *roadmap* SDG yang telah menetapkan dalam Fasa Kedua iaitu dari tahun 2021 hingga tahun 2025? Kita ada hanya lagi dua tahun. Tolong bentangkan kepada kami apa *report you*, dalam *you* punya- dalam kementerian punya *roadmap* SDG.

Saya hendak guna kesempatan ini untuk mengulang komitmen kerajaan hari ini, Kerajaan MADANI, Kerajaan Perpaduan, dalam melahirkan masyarakat yang aman, inklusif dan juga setara ataupun yang saksama. Kita perlu bersama dalam memastikan bahawa ada perundangan untuk kita mendekati isu-isu diskriminasi yang berlaku, yang kita perlu memperundangkan anti diskriminasi atau *anti-discrimination law*. Itu tajuk besarnya, detil itu kita bincang.

Akan tetapi *we need*, dengan izin, *to have an anti discrimination law* yang sesuai dengan realiti yang ada di Malaysia. Hingga hari ini, tidak ada. Kedua, kita perlu ada perundangan *anti-hate speech*. *Anti-hate speech* ialah anti ucapan kebencian sama ada kebencian itu merupakan kebencian kaum, sama ada kebencian itu kebencian agama, *we have to put a stop*. Kalau tidak, kemapanan yang kita cari, akhirnya negara ini huru-hara kerana membiarkan kelompok-kelompok yang menggunakan isu perkauman, menggunakan isu agama sempit untuk memecahbelahkan masyarakat, yang mana ia tidak sesuai dengan SDG yang menginginkan sebuah masyarakat yang aman, inklusif dan kesaksamaan.

Berikan penjelasan kepada Dewan ini, ketenangan. Wahai Yang Berhormat Menteri Undang-undang, bilakah akan melaksanakan cita-cita besar ini? Kalau tanya pada saya, inilah peluangnya, inilah masanya. Jangan lagi berdolak-dalik kerana untuk kita *move forward* dengan apa yang diadakan dalam RMKe-12, kita perlu perundangan yang tegas untuk memastikan SDG, memastikan keamanan, *inclusivity* dan kesamarataan ini tidak lagi menjadi ancaman kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ia membawa saya kepada pengakhiran ucapan saya. Dengan segala cadangan yang telah dikemukakan, saya yakin apa yang saya cakap ini adalah semangat daripada ayat Al-Quran dalam Surah Al-Balad. RMKe-12 cuba melaksanakan hakikat ini, di mana firman Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Untuk tutup, tanggungjawab, saya terjemah ayat ini untuk kebaikan semua.

Dalam surah Al-Balad, Ayat 11, *“Dalam pada itu, manusia tidak memilih jalan kebaikan, malah mereka merempuh masuk mengerjakan amal-amal yang lebih tinggi darjatnya, lagi hebat di sisi Tuhannya dan apa jalannya yang engkau dapat mengetahui apa dia amal-amal yang tinggi darjat itu? Pertama, membebaskan hamba abdi.”* Ya, kita tidak ada hamba abdi tetapi kita ada hamba kemiskinan. Kita ada hamba kepada hawa nafsu, hamba kepada suka rasuah.

Maka ini... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Tanggungjawab kita membebaskan ini daripada menjadi hamba-hamba yang keji ini. *“...atau memberi makan pada hari kelaparan.”* Ya, kita sekarang susah, kita sekarang dalam keadaan yang sangat susah. Pasca COVID-19, pasca norma. Al-Quran tidak sebutlah pasca norma. Ia sebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Susah hendak makan. Kelaparan yang teramat sangat. Beri makan siapa? *“...kepada anak yatim daripada kaum kerabat yang susah atau orang miskin yang terlantar di atas tanah.”*

Gambarannya, terlantar. Ya, orang yang terlantar. Maknanya, sudah teruk sangat sudah atau *“orang yang- dalam pada itu, yang beriman, mereka berpesan-pesan dengan sabar serta berpesan-pesan dengan penuh kasih sayang.”* Satu perkataan *“rahmah”*, satu lagi *“marhamah”*. *“...Dengan penuh kasih sayang dan mereka inilah orang yang berada di tempat terkawan iaitu di sisi syurga Jannatul Naim.”* Jadi, jangan anggap yang kita cakap ini tidak ada kena-mengena dengan semua ini.

Apa yang kita cakap ini ialah satu tuntutan agama yang tertinggi iaitu kita bukan hanya fikirkan diri kita. Akan tetapi kita fikir untuk masyarakat yang lebih ramai.

*Terima Tuan Yang di-Pertua berkali-kali,
Cita-cita kita biar setara;
Dewan Negara mercu tertinggi,
Penuh adab siasah bernegara.*

Sekian, Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang ucapan perbahasan yang A+. Oleh sebab itu, saya *plus* masa lebih sikit. Saya rasa Ahli-ahli Dewan pun amat tertarik dengan perbahasan yang telah dipersembahkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Sekarang ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah, yang seharusnya meningkatkan lagi perbahasan ini... *[Ketawa]*

12.58 tgh.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya turut tertarik untuk menyentuh isu keterjaminan makanan dan kos sara hidup yang masih hangat diperkatakan, terutama daripada segi isu bahan makanan asas seperti minyak masak, telur dan tepung.

Dalam seminggu dua ini, mengenai lonjakan harga asas ini makin meningkat, terutamanya dalam isu harga beras. Walau bagaimanapun, pendekatan dan usaha dilaksanakan dalam mengatasi isu ini dilihat masih lagi berlanjutan. Perkara ini sudah banyak kali kita bincang. Tiap-tiap kali kita bincang, ia masih datang balik. Saya menerima berbagai-bagai aduan dan rayuan daripada rakyat melalui sosial media sahaja.

Mereka mahukan Kerajaan Perpaduan melakukan sesuatu, menyelesaikan perkara ini sehabis baik. Maksudnya, satu penguatkuasaan yang kawal jangka masa panjang dan bukan hanya mengambil tindakan yang sudah berlaku. Kemerosotan bekalan pada asas, rakyat bila mula merintih, baru kerajaan fikir macam mana hendak buat. Hari ini rakyat inginkan penyelesaian.

Rakyat mahukan perkara asas ini dijadikan noktah, bagaimana hendak selesaikan isu rakyat, isu kos sara hidup, isu barangan. Ini yang dimainkan oleh rakyat di bawah. Sebagai sebuah kerajaan yang memerintah, kita sedia maklum akan kenaikan barangan asas yang disebabkan pelbagai faktor.

Contohnya, mungkin kerana Perang Russia-Ukraine atau selain kos logistik yang melanda seluruh dunia.

■1300

*[Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa **mempengerusikan Mesyuarat]***

Namun, hal ini perlu ditangani dengan bijak kerana rakyat tidak mahu terbeban dengan segala masalah kenaikan harga barang yang naik secara mendadak. Rata-rata rakyat kita hari ini masih lagi dalam fasa pemulihan. Untuk perbaiki ekonomi rakyat, ekonomi negara, ekonomi keluarga itu sendiri, disebabkan pandemik COVID-19 baru-baru ini.

Masih ada ketua keluarga yang masih terkapai-kapai untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam memastikan setiap ahli keluarga mendapat keperluan asas, iaitu makanan. Hari ini, kita dengar ungkapan, dulu kita dengar ungkapan, "beras kita beli", tetapi hari ini, ungkapan "beras hendak cari dekat mana".

Jadi, ini yang perlu kita tangani. Kelangsungan hidup memastikan setiap ahli keluarga mendapat keperluan asas iaitu makanan dan sebagainya. Usah kira tentang bebanan hutang yang masih panjang berjela untuk dilunaskan. Isu yang serius diperjuangkan sekarang adalah isu bahan asas makanan ruji rakyat. Hal ini, kita lihat hari ini, rintihan rakyat yang di luar sana. Kita buka sahaja sosial media, *Facebook, Instagram, TikTok*. Rata-rata rakyat membincangkan isu asas, isu kenaikan harga barang. Jika keperluan harga asas makanan ini makin melonjak naik secara mendadak, bekalan pula makin merosot.

Yang Berhormat Menteri kata, beras ada. *Mydin* kata beras tidak ada. Jadi, manakah yang kita hendak lihat ini? Manakah yang kita hendak percaya hari ini? Akan tetapi rakyat lebih mengetahui kerana mereka ada di lapangan, dan kita sendiri tahu, masalah hari ini, keperluan asas kita. Bagaimanakah kita hendak menyelesaikan masalah ini? Apa langkah segera oleh kementerian dalam menangani isu terdesak ini, atau sekadar memberi jawapan retorik? Selesai, selesai, selesai tetapi rakyat terkesan di bawah.

Saya juga difahamkan, terdapat Jualan Rahmah- beras, keperluan asas lain yang dilaksanakan. Ini satu inisiatif yang baik daripada Kerajaan Perpaduan, tetapi sejauh mana kempen dan promosi ini berlangsung, jika tiada suatu kuasa memuktamadkan kawalan harga barangan asas ini di pasaran perdana? Ini yang menjadi isunya.

Hari ini, rakyat ditekan dengan kos sara hidup, barangan yang makin meningkat. Saya juga menyambut baik usaha penanaman padi lima musim, serta pelaksanaan Projek Inisiatif Usahawan Tani atau pun INTAN, untuk mengurangkan kebergantungan import bahan makanan. Sejauh manakah usaha-usaha ini dapat menampung permintaan domestik dalam masa terdekat?

Adakah pihak kementerian telah mengenal pasti kawasan-kawasan lain yang berpotensi untuk memperluaskan capaian bagi pelaksanaan projek-projek ini agar lebih banyak lagi usahawan tani dapat dibantu, daripada segi penjanaan pendapatan sejajar untuk menampung permintaan bahan makanan asas domestik untuk jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap negara kita dapat belajar... eh, Tuan Yang di-Pertua, sudah tukar kepada Puan Yang di-Pertua? Tidak perasan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Teruskan.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Tuan Yang di-Pertua, tidak perasan sudah tukar.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Belum sampai lagi. Saya amat berharap negara kita dapat belajar sesuatu daripada negara-negara ASEAN yang dahulunya merupakan negara pengimport makanan asas. Namun, disebabkan kesedaran dan usaha mengurangkan kebergantungan dalam mengimport bahan makanan, kini mereka menjadi salah sebuah negara pengeksport bahan makanan terbesar.

Contohnya, Vietnam. Dahulu, Vietnam ini kita lihat negara yang mundur. Hari ini, Vietnam mengatasi negara Malaysia daripada segi eksport barang makanan asas. Kita perlu belajar daripada mereka. Isu rantai makanan ini amat serius kerana faktor kenaikan satu barang akan turut mempengaruhi barang-barang asas yang lain.

Besar harapan saya agar kementerian dapat melakukan satu anjakan kebergantungan import makanan ini menggunakan teknologi makanan sebagai langkah baharu. Kita kena memastikan negara luar melihat Malaysia juga dalam proses mahu ke depan, terutama daripada segi *food security* dan sebagainya.

Apa paras keterjaminan makanan dalam negara ini, dalam kedudukan yang selamat? Mampukah kita mengubah posisi Malaysia ini dalam *Global Food Security Index* ke tangga yang lebih baik, sedangkan negara Malaysia ini apa yang tidak ada? Air ada, kawasan ada, cuaca yang baik, tetapi malangnya, kita masih lagi dihantui dengan masalah keperluan asas makanan berkurangan, *food security*.

Ini juga telah kita bahaskan sebelum ini. Banyak kali kita bahas, tetapi bila selesai sikit, ambil tidak peduli, dan hari ini, kembali masalah sama iaitu *food security* dalam negara kita. Selain itu, jaringan teknologi yang semakin canggih, bagi saya, mampu menjana pengeluaran hasil makanan yang lebih optimum, sejajar dengan peluang pekerjaan yang lebih banyak untuk rakyat sebagai langkah mengatasi pengangguran.

Mengimbangi kos sara hidup dengan lebih ideal kerana hari ini, kita tengok pertanian moden ini, bukan lagi dilihat sebagaimana yang kita lihat 20 tahun dulu. Hari ini, anak muda pun terlibat dalam pertanian moden ini, dan kerajaan perlu mengambil nilai dan perlu memberi bantuan kepada industri pertanian moden ini. Kita sedia maklum, pendekatan yang diambil Kerajaan Perpaduan ini, dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan pemberian subsidi bersasar.

Namun demikian, kita tengok, berbilion-bilion ringgit dibelanjakan dalam usaha menangani kos sara hidup, terutama untuk rakyat yang tinggal di bandar. Dalam bandar ini, ada satu masalah juga, kalau kerajaan terlepas pandang, iaitu miskin bandar. Miskin bandar ini lagi teruk daripada miskin luar bandar.

Kalau di luar bandar itu, kalau ada masalah, ada juga tempat hendak bercucuk tanam. Akan tetapi, dalam bandar ini, yang duduk dalam *flat*, dalam bangunan tinggi ini, takkan hendak bercucuk tanam dalam pasu bunga? Kerana itu, pentingnya kerajaan ambil peduli tentang isu kemiskinan bandar, terutama kos sara hidup rakyat yang tinggal di bandar, tetapi ketirisan subsidi bersasar ini masih berlaku. Ini kerana saya rasa, penguatkuasaan dalam negara kita masih lagi lemah, dan perlu ada penambahbaikan.

Bolehkah kaedah pengagihan- pemberian bersasar ini diteliti dengan baik, agar dapat dinikmati oleh warganegara Malaysia? Hari ini, kita punya subsidi ini, bukan warga Malaysia sahaja dapat, warga asing pun dapat. Kalau kita tengok di sosial media, minyak masak satu kilo, yang sorok bukan rakyat Malaysia. Yang sorok, warga asing. Beras, yang sorok siapa? Bukan warga Malaysia. Yang sorok, warga asing.

Jadi, ini yang perlu ada ambil kepedulian iaitu penguatkuasaan yang lebih cekap. Kita kena pastikan, subsidi ini dinikmati oleh rakyat Malaysia, bukan warga asing yang sewenang-wenangnya membeli, mendapat bahan-bahan bersubsidi seperti minyak masak, petrol, beras dan lain-lain. Ini belum lagi kita ambil peduli tentang bahan subsidi yang diseludupkan keluar.

Saya rasa sudah sampainya masa, kita beralih ke kaedah seperti penggunaan aplikasi-aplikasi kupon digital bagi masyarakat yang tinggal di bandar dan sistem kupon fizikal boleh kita buat bagi mereka di kawasan luar bandar. Kita boleh menggunakan aplikasi *MySejahtera*, kerana kita sudah ada *MySejahtera*. Boleh dikatakan dalam Dewan ini, semua *handphone* kita mempunyai aplikasi *MySejahtera*.

Jadi, kerajaan tidak perlu buat aplikasi yang lain. Hendak bazir duit rakyat buat apa? Gunakan aplikasi *MySejahtera* ini untuk pemberian kupon-kupon bersasar. Kupon-kupon kepada masyarakat yang dapat mengguna pakai, rakyat Malaysia ini. Tidak perlu kita hendak buat sistem yang baharu. Guna pakai sistem yang sedia ada.

Kita tahu, *MySejahtera* ini merupakan aplikasi yang mempunyai *database* terbesar dalam negara kita. Luar bandar, dalam bandar, gunakan sistem *MySejahtera* ini untuk diguna pakai bagi subsidi bersasar. Jadi, ini dapat mengurangkan ketirisan dalam pentadbiran kerajaan.

Saya rasa, ini salah satu idea yang mudah diguna pakai dan boleh diterjemahkan, dilaksanakan dengan lebih cepat, macam mana sahabat saya, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid beritahu tadi.

Now, is the time. It's not kita kena tunggu. *Now, is the time*. Hanya isi rumah individu warganegara sahaja yang layak diberikan kemudahan ini untuk menebus, membeli senarai barangan yang subsidi. Dengan cara ini, barangan yang bersubsidi dapat dikawal dengan jauh lebih baik dan ketirisan dapat diatasi.

■1310

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pelaburan asing. Kita tahu dalam masa ini Malaysia menjadi rumah kepada beberapa jenama perkhidmatan global. Perkhidmatan global dikenali sebagai industri strategik. Menjadi harapan rakyat kita Kerajaan Perpaduan akan merangka kebijaksanaan yang menyeluruh, memudahkan cara perniagaan, mewujudkan pangkalan data yang menarik pelabur bermutu tinggi, membuka ruang seluas-luasnya kepada syarikat tempatan untuk mendapat khidmat sokongan.

Nombor satu bagi saya kurangkan birokrasi. Kalau kita hendak masuk FDI ini, terlampau banyak birokrasi, terlampau banyak *red tape*, sedangkan negara-negara jiran memberikan cara yang lebih mudah, seperti Indonesia dan sebagainya. Kita perlu kurangkan birokrasi, barulah negara-negara luar ingin melabur dalam negara kita. Harapan kepada rakyat agar Kerajaan Perpaduan merangka kebijaksanaan menyeluruh cara perniagaan. Apakah yang akan kita berikan kepada syarikat-syarikat luar ini? *Tax exempted* kah, tanah kah, apa kah, ini yang perlu kita rungaikan, fikirkan bagaimana hendak menarik pelabur-pelabur asing. Susulan itu, peluang pekerjaan tidak akan lari daripada isu gaji.

Justeru itu, dasar gaji minimum yang dilaksanakan di negara ini memberikan kesan positif kepada pekerja tidak mahir, namun tidak bagi pekerja separa mahir dan sebagainya. Kita perlu ambil peduli. Apabila kita cerita tentang pekerja asing ini, kena ada pemantauan. Kita tahu pekerja asing ini penting tetapi jangan sampai mereka mengambil peluang dalam keadaan rakyat sedang tertekan. Terutama hari ini kita tengok, mereka datang sebagai pekerja asing, mereka lari, mereka buka perniagaan. Akan tetapi tidak ada pemantauan, tidak ada pelaksanaan. Apakah jadi? Mereka pula mengambil *cake* ekonomi rakyat Malaysia.

Jadi pemantauan daripada pihak kerajaan amat penting apabila kita membuka ruang kepada mereka. Oleh itu, apa strategi merangka dasar progresif gaji Malaysia MADANI ini...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Boleh. Boleh. Boleh. Macam dekat Dewan Rakyat ada mencelah.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Sedikit sahaja. Sedikit sahaja.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Sedikit boleh. Boleh.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Jika dibenarkan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Ini sebab *you* sentuh tempat yang geli... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya dalam merangka pelbagai strategi ini, antara matlamatnya ialah untuk menambahkan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Malahan dalam pelan RMKe-12 ini, kita menyasarkan 3.6 juta, tidak silap saya peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Cuma saya rasa aspek pertamanya ialah kita mesti ada laporan berkala.

Contohnya hari ini tahun 2023, RMKe-12 ini akan tamat tahun 2025. Sudah *half Term. What have you achieved*, apa yang telah kita capai. Daripada 3.6 peluang pekerjaan, sudah berapa kita dapat wujudkan dan tinggal berapa lagi. Ini mesti dimonitor *and control* secara rapi supaya kita boleh tahu kita akan capai matlamat kita. Itu pertama.

Kedua, Yang Berhormat menyentuh tentang pelabur asing. Ya, betul kita hendak pelabur asing datang sini akan membuka peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat kita tetapi kita juga tidak mahu diperhamba rakyat kita. Hari ini banyak berlaku syarikat-syarikat asing yang datang sini, dia hanya memeras ataupun *exploit* tenaga kita tanpa memberi peluang untuk kenaikan mara ke organisasi mereka. Malahan CEO, jawatan-jawatan yang besar lokal tidak dapat. Ini antaranya, saya rasa kalau Yang Berhormat setuju bolehlah kita cadang untuk kita ada satu *mechanism* untuk kontrol semua perkara seperti ini, demi- untuk rakyat kita. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Ya, sama. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi, orang lama yang pernah duduk di MOF. Jadi dia faham.

Jadi bagi saya penting ada pemantauan. Oleh sebab itu apabila kita panggil FDI masuk, pelaburan masuk, kita kena ada sesi perbincangan tentang apa yang perlu dilaksanakan, tetapi jangan terlampau banyak *red tape* dan kita apabila berbincang ini, keutamaan kita adalah untuk masyarakat dan warganegara kita. Ini kerana hari ini peluang pekerjaan bagi warga profesional amat penting. Jangan hanya kita lihat pada separa yang tidak profesional kerana apabila kita menjemput FDI datang, kita perlu merungkaikan dan merancang dengan lebih baik.

Oleh sebab itu, bagi saya, saya bersetuju agar ada pemantauan daripada pihak kerajaan dalam isu FDI, dalam isu penjawat-penjawat ini perlu dirungkaikan. Oleh sebab itu strategi amat penting. Menurut Menteri Ekonomi...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat Senator, boleh celah sedikit?

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Uih, banyak mencelah ini!

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Jika dibenarkan...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh minta tambah masa Tuan Yang di-Pertua nanti, *insya-Allah*.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Boleh, boleh, boleh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya sangat tertarik dengan isu pelaburan asing tetapi yang saya minta pandangan Yang Berhormat Senator iaitu kita tengok pelaburan asing penting. Buka tanah luas, *construction* besar, buat *business* yang banyak tetapi selepas itu pekerjaannya, saya tengok yang banyaknya ialah import pula pekerja asing. Jadi di mana duduknya? Pelabur asing, pekerja asing, yang kita duduk macam biasa juga. Apa komen Yang Berhormat.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Bagi saya, sebab itu saya nyatakan macam jawab pihak kerajaan pula saya hari ini. Makna ada harapan duduk dalam Kabinet tidak lama lagi, *insya-Allah*... [Ketawa][Tepuk]

Oleh sebab itu bagi saya perancangan itu amat penting. Apabila kita jemput mereka melabur dalam negara kita, kita kena ada *segregation*. Maknanya kita kena bagi tahu peratusan syarikat itu berapa ramai mereka perlu mengambil pekerja daripada masyarakat negara kita, beberapa peratus yang boleh diambil daripada peratusan warga asing. Kalau ada konsep begini, maka peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia ini dapat kita jamin, tetapi kalau kata kita buka peluang kepada FDI masuk, tidak ada kuota, tidak ada peratusan pembahagian, maka pekerja asing jauh lebih banyak daripada warga Malaysia.

Oleh sebab itu, kita minta kerajaan, kita minta Menteri bertanggungjawab menyediakan sistem kuota pekerja tiap-tiap FDI yang masuk. Kalau kita ada sistem kuota yang disediakan yang masuk, *insya-Allah* peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia juga akan terjamin. Ada gaya Menteri jawab masa akan datang... [Tepuk]

Dia dalam hidup ini minta dahulu, dapat tidak dapat, belakang cerita. Kita tahu Menteri Ekonomi, dasar gaji progresif dijangkakan akan dilaksanakan pada April atau bulan Mei tahun depan. Peruntukan kewangan akan dimasukkan dalam Belanjawan 2024. Maksudnya, dasar gaji progresif yang di bentang pada Oktober ini dalam Belanjawan 2024 bulan Oktober kurang sebulan daripada sekarang. Oleh itu, apakah rangka dasar gaji progresif ini telah dimuktamadkan di peringkat kementerian? Nanti apabila *time* sudah *start*, gaji minimum tidak selesai, lagi sekali kita berbahas isu sama.

Hari ini kita dimaklumkan dan diluluskan gaji minimum RM1,500, betul? Akan tetapi orang cakap kita punya kadar kemiskinan gaji ini RM2,015. Sepatut itulah gaji minimum yang perlu kita letakkan sebagai *baseline*. Ini kita bagi gaji minimum pada kadar miskin tegar. Sepatut kita *lejak* gaji minimum pada kadar RM2,015. Itu pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 yang di bahas pada hari ini, dapat mencapai tujuan yang positif mengatasi segala ketirisan serta isu yang dapat diselesaikan dengan segera. Saya berulang kali nyatakan, tanggungjawab kita sebagai seorang Senator atau Ahli Parlimen ini membawa suara rakyat.

Kita tidak boleh mengatakan *everything in order* sedangkan kita tahu rakyat di bawah hari ini tertekan dengan kos sara hidup. Saya ulang balik. Tertekan dengan kos sara hidup, barangan keperluan asas. Akan tetapi jangan kita di pihak kerajaan, kita bagi tahu jawapan-jawapan retorik, beras ada *on paper* tetapi di *Mydin Supermarket* kita tengok semalam. *Owner Mydin* kata tiada beras tempatan. Kementerian bagi tahu ada. Jadi rakyat sedang melihat apa yang berlaku dan rakyat faham apa yang berlaku.

Jadi pentingnya hari ini kita meletakkan keutamaan kita. Kita perlu turun ke akar umbi, kita kena faham masalah rakyat hari ini. Kita boleh cerita hendak beli kapal perang. Kita boleh cerita hendak buat *highway*. Kita boleh cerita tentang pembangunan tetapi perkara asas ini yang perlu kita selesaikan iaitu masalah rakyat hari ini yang terkesan dengan kos sara hidup dan barangan ini. Itu amat penting bagi saya, daripada kita memikirkan benda yang *complicated* ini, yang sukar. Kita selesaikan isu utama dalam negara kita iaitu isu masalah rakyat keperluan asas, *the food security*.

■1320

Kalau kata Kerajaan Madani hari ini boleh selesaikan isu ini, saya yakin kerajaan ini akan terus menjadi kerajaan yang dihormati dan disayangi oleh rakyat. Akan tetapi kalau kita gagal melihat apa yang berlaku, kerajaan ini akan dihukum pada PRU-16 tidak lama lagi.

Jadi, pentingnya hari ini, untuk kita menjadi suara kepada rakyat dan mendengar suara rakyat, menjadi harapan kepada rakyat, menyelesaikan masalah rakyat iaitu kita kena pastikan kos barangan diturunkan dan juga kos sara hidup dapat distabilkan dan barangan keperluan asas dapat diselesaikan.

Dengan demikian, saya sudahkan perbahasan saya pada hari ini. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri sudi duduk dengar ucapan kita... [Tepuk] Tidak lama lagi duduk situ *kut*.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Saya suka ya. Isu *food security* ini amat penting Yang Berhormat. *Alhamdulillah*, memberi pandangan dan juga cadangan. Ia memudahkan *insya-Allah*, kementerian nanti.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang duduk bersama kita. Inilah contoh yang baik. Terima kasih... [*Tepuk*]

Saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook. Dipersilakan, 20 minit.

1.21 tgh.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kali ini kita berbincang tentang KSP RMKe-12. Dulu pernah saya sempat berbahas tentang masa RMKe-12 yang mula digubal. Jadi, nampaknya ceritanya tidak banyak beza. Berpusing-pusing kerana banyak lagi benda yang dirancang sebelum ini belum tercapai.

Apa pun, ia merupakan pelan yang baik untuk kita rujuk kerana kalau tidak ada pelan langsung pun, kita terkapai-kapai entah ke mana. Jadi, kalau kita *fail to plan*, kita *plan to fail*. Akan tetapi apa pun, kita perlu berhati-hati dengan perangkap. Perangkap yang ada sepanjang perjalanan kita melaksanakan pelan-pelan tersebut. Hal ini kerana bercita-cita tinggi itu baik, tetapi dalam kita bercita-cita tinggi, yang kita buat pun kena tinggi jugalah. Kalau setakat bercita-cita, tidak jadi.

Paling utama yang kita perlu, yang sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut tadi, kita bersyukur kerana kita akan ada jawatankuasa yang memantau. Itulah kunci kepada kejayaan kesemua pelan yang kita buat. Kalau tidak, ia akan jadi omongan kosong dan setiap kali sidang Dewan kita berbahas, bercakap benda yang sama daripada lima, 10 tahun yang lepas sampai sekarang.

Untuk tujuan itu, saya nak minta kementerian dan kerajaan juga perhatikan *handbrake* kepada perjalanan kita. Salah satu *handbrake* yang sangat memberhentikan kita ialah rasuah. Rasuah ini banyaklah, hasilnya ketirisan dan sebagainya. Tidak perlu cerita panjang, saya sudah cerita banyak kali. Akan tetapi saya rasa kalau kita biarkan, ia akan berterusan. Saya cuma nak mencadangkan satu perkara.

Kalau dulu kita dengan cita-cita untuk menaikkan Indeks Persepsi Rasuah daripada 61 kepada 25, itu satu cita-cita yang tinggi. Enam langkah. Satu angka pun makan masa setahun. Ini dalam masa tiga tahun kita hendak melangkah 30, 40 angka. Saya rasa saya kurang yakin. Akan tetapi apa pun, tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana bercita-cita tinggi, laksanakanlah.

Satu ubatan yang boleh kita laksanakan ialah kalau kita cuba nak meyakinkan monyet, kita sembelih ayam bagi dia tengok. *Kill the chicken to scare the monkeys*, dengan izin. Kalau kita buat macam itu tidak jadi, kita sembelih monyet itu sendiri, kan? Itu satu cara yang kita nak pastikan bahawa rasuah di mana-mana akan terhapus. Kalau tidak, kita tidak akan selesai. Kita akan terus bercakap.

Begitu juga dengan perkara tentang subsidi bersasar. Tadi ramai kawan kita sudah cakap. Yang Berhormat Menteri kata, kita tunggu pelan Pangkalan Data Utama (PADU), mungkin tahun depan. Saya harap PADU ini lebih baik daripada eKasih kerana eKasih itu banyak pencemarannya. Hal ini kerana ada ruang untuk mereka yang memasukkan data itu memanipulasikan data-data yang dimasukkan. Mereka yang tidak layak untuk terima bantuan dan sebagai akan juga dapat.

Jadi, satu perkara lagi kerajaan perlu buat ialah buat sesuatu supaya rakyat bersedia dengan minda kerana tidak semua akan dapat bantuan subsidi ini. Jadi, kena sediakan minda mereka bahawa ada yang layak, ada yang tidak layak. Kalau kita tidak buat macam itu, saya kluatir nanti apabila ada pihak yang tidak dapat dan buat bising di luar sana, kerajaan rasa tertekan. Kemudian kita buat perkara yang sama, yang lazim kita buat pusingan U. Sudah banyak pusingan U kita buat dan setengah itu amat memalukan. Paling mudah, penguatkuasaan peraturan jalan raya pun banyak pusingan U kita buat. Jadi, janganlah kita buat lagi. Kita pastikan kita bersedia dan kita lakukan.

Perkara seterusnya saya nak bangkitkan tentang utiliti terutamanya di luar bandar. Di bandar ini saya rasa okeylah. Ada juga yang tidak okey, tetapi di luar bandar masih lagi kritikal terutama air. Contohnya di Kelantan, Kedah atau pun di Sabah dan Sarawak sekali pun.

Kemudian tentang elektrik. Elektrik saya dimaklumkan katanya melalui laporan, kita sudah mencapai 99 peratus bekalan elektrik 24 jam bagi rakyat seluruh negara. Akan tetapi saya tidak pasti kawan-kawan kita di Sabah, Sarawak itu, adakah mereka mendapat bekalan tersebut sebagaimana yang dilaporkan.

Kemudian satu perkara lagi ialah tentang Internet. Ini pun kita bincang panjang lebar. Katanya sudah mencapai 90 peratus, tetapi yang 10 itu kalau bukan kita, okeylah. Akan tetapi cuba bayangkan 10 peratus itu kena kepada keluarga Menteri, saya rasa Menteri akan cakap lain. Itulah ukuran yang kita perlu pastikan, tekankan kepada kerajaan dan juga pegawai-pegawai bahawa ujian yang paling mudah untuk pastikan bahawa kita bekerja dengan tekun, rajin dan juga ikhlas iaitu cuba kita pakai kasut mereka di luar bandar sana.

Kalau Internet pun teragap-gagap, air keluar dengan warna merah dan sebagainya. Kalau kita sendiri yang merasa, saya rasa kita akan berfikir berbeza, tetapi oleh sebab kita merancang, duduk tempat yang selesa, apa yang berlaku di sana kita tidak beri perhatian sepenuhnya. Saya harap kementerian dapat ambil tindakan. Saya nak tanya kementerian tentang air, elektrik dan Internet ini. Bilakah dan bagaimana kita nak pastikan negara kita dapat capai 100 peratus? Saya tidak harapkan esok lusa, tetapi ada perancangan bila dan bagaimana nak buat untuk kita mencapai 100 peratus bekalan tersebut. Hal ini kerana ini tahun 2025, kita kena tunggu sampai tahun 3000 untuk capai 100 peratus, kan?

Satu perkara lagi tentang ekonomi berasaskan sumber saya nak bangkitkan. Dulu kita cakap tentang pertanian dan sebagainya dengan instruksi dan sebagainya. Sekarang ini kita bercakap tentang REE. Kita sudah mula ambil perlombongan masuk dalam ekonomi kita, tetapi saya melihat pertanian lebih mampan berbanding perlombongan kerana lombong itu lama-lama akan habis.

Tidak tahulah berapa banyak, berapa luas yang kita boleh korek, tetapi pertanian itu lebih mampan kerana kita boleh tanam, tanam semula dan sebagainya, tetapi lazimnya di negara kita, kita lebih kepada pertanian yang asas. Kita eksport yang sumber sahaja, yang asas sahaja, bukan produk yang ditambah nilai. Jadi, kita ambil contoh kelapa sawit yang kita ada. Kebanyakannya kita eksport dalam bentuk CPO. Produk nilai tambah itu belum cukup banyak atau pun getah. Saya harap dan saya minta kerajaan jangan sahaja memikirkan tentang perkara-perkara asas untuk menghasilkan produk asas sahaja. Kita perlu lebih ke depan, produk-produk yang dinilai tambah dan juga meningkatkan pendapatan eksport.

■1330

Soalan saya, apa tindakan yang kita sedang, dan akan ambil untuk memberikan hasil yang lebih baik daripada sebelum ini. Ini kerana tentang produk nilai tambah tinggi, meningkatkan pendapatan eksport daripada hasil pertanian, ini dah akademik. Ini dah lama kita ceritakan, tetapi apakah yang lebih baik akan kita lakukan untuk tahun-tahun yang akan datang?

Tadi kawan-kawan kita sebut juga tentang keterjaminan makanan. Saya terbaca juga dalam laporan tentang sawah berskala besar dan juga kita pernah dengar beberapa kali, beberapa orang Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan sebut tentang ini. Dalam laporan pun ada di Sabah- pernah disebutkan tentang 200,000 hektar untuk sawah berskala besar. Terbaharu di Sabah dan Sarawak diumumkan tentang 50,000 hektar. Tadi, Yang Berhormat Menteri pun sebut tentang RM3 bilion di Kedah untuk pertanian berskala besar untuk menghasilkan padi.

Saya haraplah benda ini bukan setakat untuk tujuan laporan di akhbar-akhbar sahaja. Kita hendak tengok realitinya berapa banyak biji beras yang dihasilkan daripada projek ini kerana itulah yang dicari-cari rakyat sekarang.

Kita tidak mahulah benda ini berulang pada tahun-tahun hadapan kerana dengan projek sebesar ini saya jangka isu ini tidak perlu kita ulang lagi. Satu perkara lagi yang saya hendak sebut ialah tentang perpaduan. Inilah negara kita yang pelbagai bangsa, pelbagai agama dan sebagainya. Isu perpaduan sangat penting. Walaupun kita ada pelbagai kemajuan daripada segi fizikal dan sebagainya, tetapi daripada segi asas perpaduan tidak kukuh, itu mungkin akan melambatkan lagi proses pembangunan kita.

Jadi, kalau kita bercakap tentang perpaduan ini, kita bercakap tentang perpaduan antara bangsa, wilayah dan juga darjat. Jadi saya rasa banyak perkara yang kita sedang lakukan yang, dengan izin, *go against* hasrat kita untuk menjadi negara yang cukup bersatu padu.

Jadi, saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya apa-apa jua polisi dan dasar yang digubal mintalah Kementerian Perpaduan Negara sebagai menjadi *gatekeeper* untuk tengok, apa elemen-elemen dalam dasar tersebut yang bertentangan dengan hasrat perpaduan. Ini salah satu cara untuk kita pastikan bahawa kita tidak terbabas daripada hasrat kita untuk menghasilkan negara yang bersatu-padu. Kalau tidak-sambil Kementerian Perpaduan Negara menyatakan tentang perpaduan-perpaduan, tetapi dasar-dasar lain tidak ke arah itu. Jadi kita sesama sendiri yang bertentangan. Cakap lain, buatnya lain. Jadi, sampai bila kita hendak selesaikan masalah.

Jadi, saya hendak cadangkan supaya- tadi Yang Berhormat Menteri menyebut tentang pelbagai agensi yang ditubuhkan, sedia ada untuk membantu bumiputera menyelesaikan pelbagai masalah kemiskinan dan sebagainya. Mengapakah kita perlu beza-bezakan rakyat kita? Kalau 16 buah agensi ini untuk membantu mengurangkan kemiskinan di kalangan bumiputera, mengapa tidak 16 buah agensi yang sama membantu rakyat lain yang juga miskin.

Ini kerana kemiskinan tidak mengenal bangsa. Kalaupun negara kita diindeks nombor 20 miskin, kita bantu bumiputera sahaja untuk keluar daripada kemiskinan, yang bukan bumiputera ini masih lagi miskin, indeks kita tidak akan naik. Jadi kalau hendak naik, kita sama-sama rakyat Malaysia. Barulah kita boleh capai dengan cepat.

Ini kerana kalau kita macam saya *dok* cakap kapal kita kalau dibelah buritan itu bocor, gerenti dia akan bocor sampai ke bila-bila. Kalau kita anggap kita duduk kepala tidak basah, satu hari kita akan basah juga. Jadi, janganlah kita teruskan cara yang sama, kita fikir cara lain.

Begitu juga, antara wilayah ini saya hendak cadangkan satu, kita mulakan dengan sambutan Hari Kemerdekaan kita dengan cara lain. Sekarang ini kita ada Hari Merdeka-*Malaya*, bagi orang *Borneo* cakap pada 31 Ogos. Orang Sabah ada Hari Merdeka Sabah 31 Ogos juga. Orang Sarawak Hari Kemerdekaan Sarawak 22 Julai. Kemudian kita ada hari Malaysia. Apabila orang tanya, manakah satu hari kebangsaan *hampa*? Kita tidak tahu, banyak sangat.

Saya hendak cadangkan kerajaan kita pilihlah 16 September ini sebagai Hari Kebangsaan Malaysia. Satu sahaja cukup. Manakala yang lain itu buatlah kalau hendak kenduri atau apa, terpulang, tetapi untuk rasminya, satu hari sahaja. Satu buah negara, patut ada satu hari sahaja Hari Kebangsaan. Bukan berhari-hari. Saya hendak tanya mengapa tidak, kenapakah tidak kita buat macam ini? Itu salah satu elemen perpaduan yang kita boleh bincangkan.

Satu perkara lagi...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sekali lagi. Nama saya tidak ada dalam senarai, so saya mencelah sahajalah...
[Ketawa]

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Jika dibenarkan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat berkenaan dengan perpaduan. Sebenarnya negara kita ini asasnya kita boleh maju sampai ke hari ini kerana perpaduan daripada kemerdekaan, perpaduan antara kaum. Perpaduan antara rakyat itu penting, tetapi hari ini terkini kita tengok perpaduan ini terancam.

Soalan saya nya, kalau Yang Berhormat setuju, apa kerajaan boleh buat tentang perpecahan, ancaman perpecahan terutamanya perpecahan di kalangan politik. Mungkin kah kerana politik perpecahan itu ataupun mungkin kah kerana pendidikan, sistem pendidikan ataupun sistem perumahan itu sendiri? Ini kerana dahulu kita duduk rumah berjiran. Hari ini tidak berjiran. Duduk kondominium tinggi-tinggi tidak kenal orang sebelah kita. So, mungkin kah itu punca-punca perpecahan yang ancaman kita ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tengok kerajaan bertanggungjawab terutama Kerajaan Madani ini kerana perpaduan merupakan salah satu elemen dalam Madani ini. Bertanggungjawab untuk melihat dan mengkaji semula apakah perundangan yang boleh dibuat. Kalau hendak pinda pun, pinda supaya kita *eradicate*. Kita hapuskan ancaman perpecahan antara kita ini, kaum, agama dan antara rakyat itu sendiri termasuklah Yang Berhormat sebut tentang Jabatan Perpaduan tadi mungkin boleh kaji semula sistem KRT-rukun tetangga.

Rukun tetangga ini dimulakan zaman Tun Razak dahulu arwah Tun Razak yang mana untuk menyatukan paduan penduduk. Hari ini kependudukan kita jauh berbeza. Tidak ada lagi dah yang duduk dekat-dekat, berjiran. Sudah tentu sistem dan struktur KRT ini perlu dikaji semula. Mungkin kah ini boleh menjadi mekanisme untuk menyatupadukan rakyat kita semua. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Silakan.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Tadi Yang Berhormat Senator bertanya tentang “A”, “B”, “C” tadi ya. Tentang politik, pendidikan dan perumahan. Saya, rasa saya bagi yang biasanya ada “D” itu kesemuanya. Saya rasa saya jawab kesemuanya. Itulah punca yang kita masih lagi dan sekarang. Selagi kita mengambil tindakan, saya angkat tanganlah. Dewan ini akan berpanjangan entah bila. Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang akan datang akan bercakap tentang yang sama. Kalau juga tidak percaya, tunggulah kalau panjang umur.

Jadi, saya hendak mintalah kerajaan tolong tengok tadi yang 16 buah agensi itu kalau boleh, seharusnya bolehlah. Ambillah, rangkum semua rakyat Malaysia yang miskin yang perlu dibantu tanpa mengira siapa. Kalau tidak nanti kita tidak ke mana. Ini kerana 30 tahun yang lepas pun kita cakap yang sama, 30 tahun akan datang pun kalau kita pakai formula yang sama, fikirkan yang sama, kita akan cakap perkara yang sama.

Saya ada lima minit. Saya hendak sebut juga tentang sumber manusia kerana manusia inilah memajukan dunia ini. Tanpa manusia kita tidak sampai ke sini. Akan tetapi malangnya kita mengklasifikasikan manusia ini pelbagai. Apa yang paling baharu, yang rasa agak dahsyat juga kita ialah tentang kewarganegaraan. Ini kerana apabila seorang itu tidak ada warganegara, bukan warganegara mana-mana, semua tolak. Contoh yang kita dengar adalah macam di Sabah, Orang Bajau Laut yang kehilangan anak kerana katanya maknya tidak mampu untuk jaga, ada orang ambil.

■1340

Tidak tahu siapa ambil. Ada yang lari daripada pihak berkuasa, terjun dalam air, anaknya dimakan buaya. Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan, kita di kawasan ASEAN, orang Malaysia tidak mengaku Orang Bajau ini orang Malaysia. Orang Filipina pun tidak mengaku. Mengapakah tidak Kementerian Luar Negeri ambil tindakan untuk berbincang di peringkat ASEAN? Di peringkat ASEAN kita selesaikan masalah ini, orang-orang sekitar Nusantara. Macam mana kita hendak selesaikan? Tidak adalah orang kata mengaku, tidak mengaku. Semua orang akan ada kewarganegaraan mereka.

Kita selesaikan di peringkat ASEAN kerana kita pun sudah setuju dengan konsep *ASEAN Community*. Kenapa tidak kita panjangkan perkara ini menjadikan setiap orang yang ada di kawasan ini ada dokumen peribadinya. Ada cap jarinya. Kalau katakan kita tertangkap orang ini dibuang kad pengenalan dalam laut, kita boleh semak *thumbprint*. Ini memang bukan orang Malaysia. Ini orang negara “A”, “B”, “C”.

Datuk John Ambrose: Boleh mencelah?

Tuan Aknan a/l Ehtook: Sila.

Datuk John Ambrose: Tadi Yang Berhormat cakap fasal warga asing di *ASEAN countries*. Di Sabah banyak PTI. Bila hendak hantar pergi Filipina, Kerajaan Filipina tidak mengaku bahawa itu orang mereka. Saya setuju sangat.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Teruskan.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk John. Kalau itu satu yang kita nampak baik, kita lakukan. Kita mudah, kalau satu rumpun ASEAN ini kita boleh pastikan bahawa kita ada dokumen, tidak timbullah anak yang kita panggil anak luar nikahlah, anak yang ibu bapa tidak ada Sijil Kahwin, dan tidak tahu negara mana. Kita boleh tetapkan pakai konsep ikut ibu dan sebagainya menggunakan *thumbprint* tersebut. Jadi, tidaklah timbul isu pendatang asing tanpa izin dan sebagainya.

Kita tengok dokumen yang diedarkan, KSP RMKe-12, ada 17 anjakan besar. Antaranya perundangan berkaitan rasuah. Saya harap itu satu yang boleh diambil tindakan secara serius. Ada perundangan-perundangan yang akan tampil dalam masa terdekat. Kalau tidak kita tunggu RMKe-13 pula. Itu seharusnya bukan masa yang sesuai. Sepatutnya dalam masa RMKe-12 ini juga dikeluarkan undang-undang tersebut.

Pensasaran semula subsidi. Tadi juga sama, kita bincang tadi tentang siapa yang benar-benar berhak sahaja. Yang tidak berhak itu janganlah. Yang mencuri itu kita halang sebaik mungkin. Tidak mahulah. Selalu kita cakap seharusnya kita tidak mengambil hak orang lain kalau kita tidak berhak. Ada yang bercakap, ada sesetengah mengatakan itu berdosa, tetapi dalam masa yang sama, benda itu berlaku dan kita biarkan itu berlaku. Yang biarkan itu mungkin tumpang berdosa juga. Itu saya tidak pasti. Mungkin ustaz boleh tolong saya.

Kemudian perumahan rakyat. Ini tentang rumah mampu milik. Kita lakukan. Jangan sampai rakyat teruskan guna perkataan setakat mampu tengok. Itu sudah terlalu *cliche*. Tidak larat hendak dengar. Janganlah, hentikan.

Nasihat akhir saya paling utama ialah kita boleh cakap. Apa sahaja boleh cakap. Yang Berhormat Menteri boleh datang sini bentang panjang lebar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentang panjang lebar. Akan tetapi, pengakhirnya apa yang dibikin? Cakap seharusnya sama bikin. Bikin seharusnya sama cakap. Ini adalah kerana kalau kita hanya bercakap-cakap, kita pun orang kata Dewan Negara, Dewan Rakyat ini kerjanya bercakap. Hasilnya tidak ada. Kita tidak mahu dengar itu. Ini adalah kerana pergi ke lapangan bila perkataan tersebut sampai kepada kita, kita sukar hendak jawab. "*You all duk bercakap panjang-panjang, sehari-hari, apakah hasilnya?*"

Saya mohon kerajaan dari atas sampai ke bawah yang merancang dan melaksanakan, lakukanlah yang terbaik. Usahlah, orang kata kita di tahap yang berpendidikan tinggi, berpengalaman tetapi perbuatan kita seharusnya selaras dengan apa yang dianggap boleh orang ramai. Mereka mengharap tindakan yang terbaik daripada kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat kerana menepati masa, lebih, *alhamdulillah*. Kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ingin mencelah, saya harap- boleh mencelah jika pembahas membenarkan tetapi biarlah *straight to the point*. Jangan kita berkias. Kita tanya terus, jadi masa kita menepati. Terima kasih.

Saya suka dengan perkataan "*gatekeeper*" Kementerian Perpaduan. *Insya-Allah* jika dibenarkan mungkin ia menjadi satu titik permulaan daripada Dewan Negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang kita pergi kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman. Dipersilakan Yang Berhormat.

1.46 tgh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Saya agak tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Mujahid yang mengetengahkan isu-isu berkaitan dengan matlamat pembangunan mampan ataupun SDG. Ini merupakan satu inisiatif yang sangat penting terutama dalam konteks tindakan iklim dan juga harapan-harapan PBB terhadap negara kita. Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan bahawa dalam usaha kita untuk memenuhi tuntutan global dan matlamat pembangunan mampan, kita tidak boleh mengabaikan keperluan asas dan aspirasi rakyat di kawasan sebagai contoh seperti Sabah dan juga Wilayah Persekutuan Labuan.

Mereka memerlukan infrastruktur yang baik, akses pendidikan berkualiti, kesihatan dan peluang pekerjaan yang adil. Kita perlu mencari keseimbangan yang antaranya komitmen global kita dan tanggungjawab kita kepada rakyat kita sendiri. Sementara kita bekerja keras untuk mencapai SDG dan memerangi perubahan iklim, kita juga mesti memastikan bahawa keperluan rakyat di Sabah dan di seluruh Malaysia sepenuhnya dengan sewajarnya.

Saya turut ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan KSP RMKe-12 yang turut mengetengahkan pelbagai isu yang dekat di hati rakyat. Pembangunan di Sabah adalah antara isu yang utama. Saya telah pun berbincang dengan Ketua Menteri Sabah tentang keperluan-keperluan yang harus diutarakan di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua saya mewakili suara hati rakyat Sabah menjunjung kasih ke atas kesudian Seri Paduka Baginda bersama Paduka Anakanda mencemar duli untuk menyantuni rakyat dan mengenali Borneo dengan lebih dekat. Rakyat Sabah sangat terharu atas keramahan Seri Paduka Baginda berdua. Saya yakin tujuan Seri Paduka Baginda berdua melawat Sabah baru-baru ini adalah untuk mengenali rakyat dengan lebih dekat tanpa protokol istana. Ini merupakan satu inisiatif yang seharusnya dicontohi oleh semua pihak dalam usaha mencapai visi dan misi Kerajaan Madani.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan supaya rakyat Malaysia di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan terus mendapat pembelaan, beberapa perkara dan isu utama seperti yang akan saya bantahkan ini adalah wajar diberi perhatian yang serius oleh para pemimpin di peringkat pusat. Kajian Separuh Penggal RMKe-12 ini adalah bertujuan untuk menilai penyampaian pelan tersebut setakat ini dan juga hala tuju ke hadapan di dalam tempoh tiga tahun yang berikut iaitu tahun 2023 dan tahun 2025 ke arah mencapai status sebuah negara yang membangun secara mampan, makmur dan berpendapatan tinggi dengan mengambil kira cabaran-cabaran domestik dan juga *global trends*, dengan izin.

Kita sedia maklum bahawa pelbagai usaha telah diambil untuk merapatkan jurang pembangunan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan juga Sarawak dan sepanjang tempoh ini pelaksanaan RMKe-11, 2015-2020.

■1350

Namun, tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua negeri Kepulauan Borneo ini masih berdepan dengan cabaran-cabaran yang besar untuk menikmati pembangunan sosioekonomi mengikut acuan dan aspirasi rakyat Sabah dan juga Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meluahkan perasaan kecewa kerana dalam Kajian Separuh Penggal ini, Wilayah Persekutuan Labuan telah pun tercicir. Soalan saya, apakah pertimbangan yang diberikan pada Wilayah Persekutuan Labuan sehingga penghujung RMKe-12 ini? Labuan patut diberi perhatian dan juga peruntukan yang setimpal.

Sementara itu, rakyat di Wilayah Persekutuan Labuan masih lagi berdepan dengan masalah kemudahan asas yang begitu kritikal sekali, terutamanya bekalan elektrik dan air.

Sekiranya masalah ini gagal ditangani dengan sempurna, adalah sukar untuk kita hendak menarik pelabur asing untuk berniaga di Labuan dan seterusnya menjadikan Labuan sebagai destinasi pilihan para pelabur asing.

Kita tahu bahawa hanya dengan kemasukan pelaburan asing sahaja, ekonomi akan dapat diperkembangkan dengan pesat dan mencipta peluang pekerjaan selain menjadi *economic spin-off* yang akan menjana aliran tunai dan akan memanfaatkan penduduk di Labuan. Tanpa infrastruktur dan keperluan asas yang lengkap, adalah sukar untuk rakyat keluar dari kepompong kemiskinan dan akhirnya, kita gagal mencapai apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hasratkan iaitu menoktahkan kemiskinan tegar.

Di Sabah, terutamanya di kawasan bandar, Kerajaan Persekutuan seharusnya memberi lebih banyak peruntukan kepada kerajaan negeri untuk membangunkan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah. Masalah kekurangan rumah mampu milik di kawasan *urban* Sabah memerlukan tindakan segera.

Saya juga ingin mengulangi permintaan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Yang Berhormat Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya untuk memasukkan tiga buah pakej tambahan bagi melengkapkan jaringan Pan Borneo iaitu Pakej 6A di persimpangan Lok Kawi-Kinarut, Pakej 15A Jalan Pesisir Tawau dan Pakej 27A *Libaran Bypass*.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya suarakan ini sebenarnya bukanlah isu-isu yang baharu. Hakikatnya, isu bekalan elektrik, air dan jalan raya di Sabah termasuk juga Wilayah Persekutuan Labuan sudah lama menjadi keperluan rakyat. Kita mendengar keluhan rakyat di mana-mana sahaja dari media sosial dan juga di kedai-kedai kopi. Malah ini masih lagi kedengaran di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara ketika ini. Persoalannya, adakah semua ini masih lagi menjadi isu yang akan diulang semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ketiga Belas kelak? Menjadi harapan saya isu ini tidak diulang kembali dan haruslah diselesaikan dalam RMKe-12 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut tertarik dengan 17 anjakan besar sebagai pemangkin utama melalui 71 strategi dan inisiatif utama yang akan menjadi jaminan kerajaan untuk memenuhi tuntutan reformasi yang rakyat harapkan, sekali gus menghidupkan pengertian sebenar Malaysia Madani. Apa kiranya kerajaan-kerajaan negeri juga diberi kuasa secara langsung agar dapat secara efektif bersama-sama berusaha sejajar dengan Kerajaan Persekutuan dalam inisiatif menoktahkan kemiskinan tegar.

Seharusnya kerajaan negeri yang lagi miskin diberi peruntukan yang lebih besar daripada peruntukan RM1.5 bilion tersebut. Dengan izin, *in other words, I am talking about the distribution rather than the equal distribution. Fair distribution, not just equal distribution*, dengan izin.

Saya menaruh keyakinan bahawa sekiranya kerajaan negeri diberi kuasa yang lebih luas dan peruntukan yang sepadan, Sabah dengan hala tuju Sabah Maju Jaya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Hajiji bin Noor akan mampu menoktahkan kemiskinan tegar selaras dengan apa yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan untuk menyalurkan RM800 juta bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air di Kelantan dan juga di Sabah. Ini merupakan sebahagian daripada RM5 bilion iaitu kos keseluruhan bagi menyelesaikan masalah yang sudah pun berlarutan.

Now, kita sedia maklum bahawa masalah ini bukanlah dihadapi di kampung-kampung sahaja, tetapi juga malahan di bandar-bandar utama juga mengalami masalah bekalan air bersih. Banyak pelabur asing berhasrat untuk datang ke Sabah dan juga ke Wilayah Persekutuan Labuan tetapi apabila bekalan air tidak mencukupi, mereka agak tawar hati untuk melabur ke Labuan dan juga ke Sabah. Jadi, ini merupakan satu perkara yang penting untuk kita mengembangkan ekonomi kedua-dua Sabah dan juga Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi pendidikan pula, kita juga sedar kepentingan pendidikan sebagai asas pembangunan sesebuah negara. Kita tidak akan dapat membina sesebuah negara yang maju selaras dengan Malaysia Madani jika pendidikan anak-anak kita tidak diberikan penekanan yang sewajarnya.

Untuk memastikan pendidikan anak-anak kita dilaksanakan dengan baik, kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah haruslah disediakan oleh kerajaan agar suasana pembelajaran menjadi kondusif kepada murid dan juga kepada para guru. Saya amat gembira mendengar bahawa projek-projek pembinaan semula sekolah-sekolah daif akan terus diberi penekanan oleh Kerajaan Persekutuan dengan pembinaan sebanyak 43 buah sekolah baharu di Sabah. Namun demikian, pihak kerajaan haruslah terus melakukan pemantauan agar projek-projek ini siap sepenuhnya mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Kita tidak mahu projek-projek sakit yang akan mengakibatkan pelajar-pelajar kita belajar dalam keadaan yang serba kekurangan ataupun daif.

Selain sekolah yang daif, kerajaan juga harus peka terhadap perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Sering kali kita mendengar penat jerih pelajar untuk ke sekolah ataupun belajar di rumah kerana jalan kampung yang sukar dilalui, jambatan putus ataupun menghadapi masalah rangkaian *internet* berkualiti yang mengakibatkan pelajar tidak mampu belajar dari rumah.

Oleh itu, saya berharap kerajaan akan membina satu- kerangka kerja yang holistik bagi menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran, bukan sahaja daripada aspek pembinaan sekolah tetapi juga pembinaan dan pembaikan infrastruktur persekitaran yang boleh membantu anak-anak kita mendapatkan pelajaran formal.

Apa yang mendukacitakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sewaktu saya menjadi Ahli Parlimen, saya juga telah mengutarakan bahawa ada di antara anak-anak kita yang jalan sampai enam hingga tujuh kilometer ke sekolah dan jalannya penuh dengan lumpur. Apa yang mendukacitakan lagi bahawa ada juga yang masih dalam keadaan sedemikian.

Jadi, ini adalah- kita di Sabah dan juga di Labuan agak baik sedikit tentang jalan raya tetapi kita berasa dukacita seolah-olah kita dianaktirikan oleh kerajaan yang lalu. Oleh itu, kami mengharapkan bahawa pada kali ini, kerajaan akan menitikberatkan dan prihatin dengan masalah-masalah yang dihadapi. Ada juga...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Okey, saya hendak habiskan. Ada juga yang agak, orang kata gelagat ketawa apabila ada anak-anak kita yang naik atas pokok untuk mendapat *internet service*. Ya, silakan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Ya, soal bekalan air, Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Oh, Yang Berhormat dari Kelantan? Okey.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Yes, yes. Adakah Yang Berhormat ada pandangan boleh selesai masalah bekalan air di Sabah, Labuan dan Kelantan ini dengan memberi peruntukan sahaja? Atau pun, adakah aspek-aspek lain yang perlu dibantu oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah ini?

■1400

Kalau sekadar peruntukan, saya rasa sudah banyak peruntukan disalurkan tetapi masalah bekalan air masih belum selesai. Apakah aspek lain yang perlu dibantu oleh Kerajaan Persekutuan? Pandangan Yang Berhormat Senator.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya yang saya kurang pasti yang Kelantan, tetapi di Sabah memang dana yang diberi tidak mencukupi. Daripada segi *maintenance* yang bahawa paip-paip yang telah pun retak, bocor, yang dahulu sampai sekarang tidak ada kerja-kerja pembaikan yang dilakukan.

Now, ketirisan itu hampir lebih 60 peratus. Jadi, ia nya memerlukan supaya Kerajaan Pusat ataupun kementerian-kementerian berkenaan supaya boleh membaiki paip-paip yang bocor dan ada yang di antaranya ada yang tidak boleh digunakan lagi.

The bottom line is that, we have funds, we can do the corrective measures. Saya kurang pasti adakah Kelantan juga sama ada mencari jalan ataupun cara untuk memperbaiki tanpa memohon dana daripada Kerajaan Pusat.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Saya rasa ia perlu kepada *holistic approach*, bukan sekadar dana tetapi juga *expertise* dan pengurusan-pengurusan tertentu supaya menyelesaikan masalah, betul paip bocor, paip lama, paip buruk tetapi ia nya perlu melihat keseluruhannya sekali. Saya percaya Sabah lebih baik daripada tempat-tempat lain kerana kalau dikira daripada *the starting point*, daripada teruk sudah ada *improvement* yang baik, tetapi tempat-tempat lain masih banyak lagi yang perlu dibuat. Saya punya pandangan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Sebenarnya Yang Berhormat Senator, kita daripada keadaan teruk, lebih teruk, bukan lebih baik. Fasal ada di antara rakan-rakan saya yang dalam kawasan tertentu bahawa tidak mandi selama tiga hari, empat hari. Kalau itu Yang Berhormat Senator kata telah pun meningkat, maka ya lah ini satu-satu kalau ia nya tidak sampai ke tahap itu.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *So, you need the peruntukan urgently.*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: *Expertise is no problem*, fasal kita mempunyai *engineer* yang berkualiti. *So, it is just a matter of maintenance.* Jadi, *maintenance* itu memerlukan dana. *So, if the Kerajaan Pusat kasi kita RM800 juta di antara Sabah dengan Kelantan, maybe we can exchange engineer* supaya mereka boleh bekerjasama dan mencari jalan yang sebaik mungkin untuk menyelesaikan masalah air.

Datuk John Ambrose: Boleh mencelah, Yang Berhormat Senator? Saya tertarik dengan pendidikan, di mana sekolah-sekolah- budak sekolah pergi sekolah itu terlalu jauh. Saya cadang kalau boleh bikin *teacher's quarters*, di mana ada sekolah itu kerana kadang-kadang *teacher* pun- ada anak-anak murid, *teacher* tiada kerana jalan raya teruk. Kalau boleh *teacher's quarters* ada di tempat sekolah yang jauh. Itu sahaja, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Saya sokong Yang Berhormat Senator Datuk John. Ini adalah antara perkara-perkara asas.

Itu yang saya kata, selain daripada kita berbincang tentang SDGs, *but* keperluan-keperluan asas di negeri masing-masing masih lagi diperlukan dari kawasan ke kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, saya berpendapat bahawa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 ini merupakan satu inisiatif kajian yang berpaksikan kepada reformasi untuk membawa Malaysia ke arah ekonomi Madani. Namun, sudah pasti masih ada ruang penambahbaikan yang kita utarakan dalam semua anjakan dan strategi yang dirancang.

Perbahasan saya ini bukanlah bertujuan untuk menidakkan dasar yang telah dirancang oleh kerajaan. Akan tetapi sebagai Ahli Dewan Negara yang percaya bahawa KSP RMKe-12 ini haruslah diterjemahkan kepada pelaksanaan. Ini Yang Berhormat dari Kelantan, saya ingat bersetuju dengan saya, bahawa yang penting iaitu untuk menterjemahkan dasar-dasar ini menjadi satu realisasi kepada rakyat. Ada juga peruntukan-peruntukan yang diberi, dipulangkan balik ke Kerajaan Pusat kerana tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Jadi, itu sahaja hendak saya tamatkan. Terima kasih sekali lagi kerana diberi peluang. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam dipersilakan.

2.05 ptg.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Hari Malaysia dan juga Selamat Hari Merdeka sempena bulan patriotik ini yang sangat bermakna kepada semua warga Malaysia ini.

Saya bangun untuk menyokong Usul Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-12 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengutamakan kestabilan ekonomi demi mencapai pertumbuhan mampan dan memajukan negara dan memakmurkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh akhir RMKe-12, kerajaan telah menyatakan hasrat untuk memberi tumpuan untuk meningkatkan potensi ekonomi wilayah. Sebanyak dua strategi telah digariskan di bawah fokus ini iaitu mempergiatkan pembangunan wilayah di kawasan pertumbuhan yang berpotensi dan memahat kerjasama agensi Persekutuan dan negeri.

Untuk menarik pelaburan di kawasan khusus, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa zon khas kewangan akan diwujudkan di Iskandar Malaysia bagi menarik pelabur asing dan pekerja berkemahiran untuk menetap di Malaysia. Inisiatif ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan, seterusnya memperkukuhkan pembangunan sosioekonomi di wilayah berkenaan.

Umum diketahui, negara kita ada lima Koridor Ekonomi Wilayah (REC). Saya berpendapat bahawa zon khas kewangan ini patut diwujudkan di kelima-lima Koridor Ekonomi Wilayah. Jika kita berbicara tentang Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), saya menyokong sepenuhnya cadangan Ahli Parlimen Bagan, Tuan Lim Guan Eng semasa perbahasan beliau di Dewan Rakyat pada 13 September 2023 untuk mewujudkan zon khas kewangan di negeri Pulau Pinang. Ini adalah kerana Pulau Pinang mempunyai asas industri pembuatan yang matang dan merupakan antara penyumbang tertinggi untuk KDNK negara dan harus diberi keutamaan untuk zon khas kewangan seperti Forest City di Johor.

Dengan kadar cukai khas sebanyak 15 peratus untuk pekerja berpengetahuan atau *knowledge workers*, dengan izin, dan *visa multiple entry*, sudah tentu kita dapat menarik lebih banyak bakat dari luar negara ke Malaysia dan juga mengurangkan *brain drain* untuk pekerja mahir kita. Selain itu, kadar cukai khas untuk badan korporat juga akan menarik lebih banyak pelaburan ke negara, sekali gus membantu untuk mencapai beberapa strategi di bawah KSP ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu hala tuju kerajaan untuk tempoh akhir RMKe-12 iaitu terus memberi tumpuan kepada penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan melalui pendekatan keseluruhan kerajaan. Sebagai seorang bekas penjawat awam, saya tertarik dengan bidang fokus B iaitu memantapkan modal insan perkhidmatan awam.

Sebanyak 4 strategi telah digariskan di bawah bidang fokus ini dan saya menyokong sepenuhnya keempat-empat strategi tersebut. Sudah tiba masanya kerajaan melakukan penempatan berdasarkan kompetensi dan bukannya kekananan, dengan izin, *putting the right person in the right position based on the competency and not the seniority*. Terdapat banyak penjawat awam yang mempunyai bakat, kelayakan akademik serta prestasi yang cemerlang. Namun begitu, mereka tidak diberikan kepercayaan untuk mengisi perjawatan strategik kerana dianggap terlalu muda untuk jawatan tersebut.

Hasilnya, kebanyakan daripada mereka, khususnya yang merupakan *subject-matter experts*, dengan izin, akan meletakkan jawatan dan menyertai sektor swasta dengan tawaran gaji yang lebih lumayan. Satu lagi isu yang kerajaan patut beri perhatian segera adalah tentang permohonan pertukaran penjawat awam kembali ke negeri asal mereka.

Sebagai seorang bekas ketua PTG atau Ketua Pusat Tanggungjawab, saya tahu bahawa seseorang pegawai awam memohon pertukaran ke luar negeri, beliau perlu mendapat persetujuan atau kelulusan dari beberapa peringkat iaitu penyelia beliau, ketua PTG, pengarah negeri dan di peringkat kementerian

Jika terkandas di mana-mana peringkat ini, beliau biasanya perlu tunggu sehingga satu tahun untuk membuat permohonan baharu. Walaupun beliau bernasib baik dan mendapat kelulusan dari semua peringkat yang saya sebutkan tadi, beliau masih perlu menunggu kekosongan jawatan di negeri yang beliau mohon.

Sangat kasihan apabila saya memikirkan nasib pengikut akaun sosial media saya serta maklum balas yang saya terima tentang isu pertukaran ini. Ramai yang terpaksa PJJ bukan 'pendidikan jarak jauh' ya, tetapi 'perhubungan jarak jauh' sampai bertahun-tahun lamanya. Ramai yang terpisah daripada suami dan anak-anak atas fasa yang kita sering dengar kepentingan untuk perkhidmatan. Ada banyak maklum balas yang saya terima iaitu mengenai hasrat mereka untuk pulang ke kampung halaman untuk menjaga orang tua mereka pada penghujung hayat. Namun ketidaksampaian juga hasrat tersebut walaupun telah sepuluh tahun menunggu dan orang tua telah meninggalkan mereka sebelum mereka dapat kelulusan pertukaran.

Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mewujudkan satu sistem pertukaran yang lebih prihatin kepada anggota pentadbir awam. Kita perlukan satu sistem yang dapat mengumpulkan hasrat pegawai awam kita yang hendak bertukar untuk mewujudkan satu- pangkalan data yang komprehensif supaya padanan boleh dibuat berdasarkan kemahiran dan perjawatan dengan menggunakan teknologi baharu iaitu *artificial intelligence*. Saya yakin jika isu ini dapat diutamakan dan dimudahcarakan, pegawai-pegawai perkhidmatan awam kita lebih komited untuk merealisasikan aspirasi Kerajaan Madani.

Kita juga bakal melihat peningkatan produktiviti sektor awam kerana mereka tidak perlu lagi risau dan rindu terhadap ahli keluarga di kampung halaman dan boleh fokus 100 peratus terhadap tugas mereka. Selain itu, kita juga dapat mengurangkan tekanan kos sara hidup mereka yang belanja daripada segi pengangkutan untuk ulang-alik ke negeri asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan untuk memastikan sekurang-kurangnya satu peratus penyertaan Orang Kurang Upaya dalam perkhidmatan awam. Bagi mencapai matlamat ini, Program Lantikan Kemahiran akan dilaksanakan melalui kerjasama dengan agensi dan Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) berkaitan bagi meningkatkan kemahiran dan ketersediaan OKU untuk dilantik dalam perkhidmatan awam. Melalui pendekatan ini, OKU akan dilengkapi dengan kemahiran dan kebolehan yang khusus selaras dengan keperluan semasa dan masa hadapan perkhidmatan awam. Saya rasa usaha sebegini harus diberi sokongan penuh oleh semua lapisan masyarakat.

Mungkin ramai yang merasakan sasaran satu peratus adalah tinggi dan mustahil untuk dicapai, tetapi saya sebenarnya agak optimistik. Izinkan saya kongsi kisah satu CSO iaitu LemmeLearn di Pulau Pinang yang membantu pesakit dewasa *autistic spectrum disorder* supaya mendapatkan kehidupan seperti dewasa yang lain yang biasa dan bekerja dalam sektor-sektor tertentu. Saya saksikan hadapan mata saya sendiri, di mana rakan-rakan istimewa kita dapat memasak nasi lemak dan mengoperasi satu buah gerai nasi lemak di kedai kopi. Ada juga yang pandai untuk menyediakan minuman *kombucha*, dengan izin, dan dapat dipasarkan di kafeteria di negeri Pulau Pinang.

Baharu-baharu ini saya telah berkesempatan untuk padankan LemmeLearn dengan PERKESO dan mereka telah berjaya menganjurkan Karnival Inklusif Lemme Connect di mana bakat-bakat golongan istimewa ini dapat ditonjolkan dan syarikat korporat yang mempunyai posisi mengambil pekerja OKU diraikan.

Dengan hala tuju kerajaan baharu ini, saya yakin kolaborasi seperti ini dapat dipanjangkan dengan agensi kerajaan supaya pepadanan dapat dibuat dan CSO seperti LemmeLearn dapat menyusun latihan mereka untuk membantu OKU berkhidmat dalam sektor awam. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Ekonomi atas inisiatif murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menghadapi *twin terror*, dengan izin, di mana kita menghadapi cabaran ekosistem pendidikan yang tidak kondusif diiringi dengan masalah kemiskinan tegar yang akan menjejaskan lebih daripada 40 peratus daripada rakyat di Malaysia, mengapakah? Ibu bapa keluarga B40 ini tersekat dalam putaran ganas kehidupan. Mereka sendiri mempunyai masalah dalam menguruskan kehidupan mereka dan majoriti tidak dapat memberikan perhatian kepada anak-anak kecil mereka dari bangku sekolah sekarang terpaksa mencari nafkah untuk menyara hidup keluarga.

Anak-anak mereka akan berada berseorangan di rumah ataupun lepak dengan rakan-rakan selepas habis sekolah sehingga mengabaikan kerja sekolah dan ulang kaji mereka. Bagaimanakah kita- semua boleh mengeluarkan mereka daripada belenggu kehidupan yang begitu malap? Jawapannya terletak dalam pendidikan. Pendidikan dan ekosistem pendidikan yang kondusif akan memberi nafas baharu kepada keluarga B40, dan dengan seorang sahaja pemegang ijazah dalam keluarga akan berlakunya *social abort mobility* buat keluarga B40 yang berkenaan dalam satu- generasi sahaja.

Izinkan saya menceritakan berkenaan Yayasan Tara- sebuah yayasan yang membantu golongan B40 khususnya dalam pembelajaran awal atau *early education*, Projek Gurukulam Desa Mentari. Di Desa Mentari Kuala Lumpur, sebelum ini ramai anak-anak kecil dan remaja terjebak dengan isu-isu sosial seperti dadah, maksiat, curi dan merompak. Semua ini berlaku sewaktu ibu bapa mereka sedang bekerja dan anak-anak ini balik dari sekolah dan tiada bimbingan daripada ibu bapa yang sewajarnya.

Projek Gurukulam atau kelas pendidikan awal telah dimulakan pada tahun 2019 dan telah mendapat mengurangkan banyak gejala sosial yang saya sebutkan tadi dan mengurangkan keciciran murid dari sekolah. Intervensi sosial sebegini harus di aplikasi di semua kawasan masyarakat tumpuan golongan B40. Saya yakin, jika dilakukan dengan konsisten, kita akan dapat membasmi kemiskinan tegar sekali gus meloncatkan negara kita ke negara berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bulan ini menandakan genapnya 60 tahun negara Malaysia terbentuk. Untuk Malaysia kekal relevan dan kompetitif di persada antarabangsa, kita harus memupuk dan memelihara modal insan kita. Semua anak Malaysia kita cemerlang tidak kira bangsa dan agama untuk mendapat tempat di institut pengajian tinggi awam dan harus diberikan tempat dan jurusan yang dipohon. Langkah ini untuk memastikan minda terbaik Malaysia diberikan pengajian dalam bidang pilihan mereka dan menyumbang balik kepada negara kelak. Ini sedikit sebanyak akan mengekang aliran keluar modal insan cerah dari Malaysia.

Malangnya, minggu ini kita sekali lagi dikejutkan dengan berita sedih di mana hampir 30 orang anak-anak kita yang berketurunan India dan mendapat gred *4 flat* di Matrikulasi, tidak diberikan jurusan yang diminta. Antara jurusan yang dipohon mereka iaitu Pergigian dan Perubatan. Jika pelajar-pelajar yang cemerlang kita hampakan, dan tidak dibantu, dan diberikan peluang untuk belajar dalam jurusan pilihan mereka, saya khuatir kita akan kehilangan bakal Pakar Perubatan dan Pergigian yang sepatutnya merawat kita pada masa yang akan datang.

■1420

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Yang Berhormat, boleh minta mencelah sedikit?

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Boleh.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Isu ini memang bukan tahun ini sahaja. Setiap tahun kita ada masalah ini, dan malangnya tidak ada satu penyelesaian yang tetap- *permanent*, dalam isu ini.

Apa pandangan Yang Berhormat mengenai 30 orang pelajar yang tidak diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam perubatan dan juga pergigian seperti yang diminta berdasarkan kelayakan mereka itu disokong oleh kerajaan, diberikan biasiswa untuk belajar di sektor swasta, kolej mahupun universiti dalam negara?

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator bahawa kalau institut pengajian awam memang penuh dan tidak dapat mengambil pelajar-pelajar tersebut mungkin kerajaan dapat menyumbang mereka kepada universiti swasta.

Saya merayu agar kerajaan hari ini akan memberikan tumpuan kepada pelajar-pelajar ini untuk meneruskan karier mereka sekali gus mengekalkan mereka dalam negara supaya, dengan izin, *our best brain will move our country forward*.

Saya akhiri perbahasan saya dengan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada Yang Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Ekonomi serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyediakan dokumen KSP yang cukup sempurna ini.

*Kalau ada sumur di ladang,
Boleh kita menumpang mandi;
Berikan kerajaan ini hidup yang panjang,
Masa depan rakyat dan ekonomi terjamin sendiri.*

Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Dipersilakan.

2.21 ptg.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Malaysia Madani dan salam perpaduan.

Alhamdulillah pada petang ini saya juga turut mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penyusunan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12. Usaha yang bersama ini merupakan asas yang penting dalam membawa Malaysia ke arah yang lebih baik.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Rancangan Malaysia Ke-12 merupakan rancangan pembangunan negara untuk tempoh lima tahun yang bermula dari tahun 2021 hingga 2025. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, kita telah melihat perkembangan yang signifikan dalam pelbagai sektor yang penting bagi pertumbuhan dan kemajuan negara kita. Kajian ini memberi pandangan awal yang penting terhadap pencapaian cabaran yang dihadapi dalam usaha kita untuk mencapai matlamat pembangunan negara.

Kita dapat melihat komitmen kerajaan dalam meningkatkan ekonomi, pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan pelbagai bidang lain yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat Malaysia. Kita juga melihat kesungguhan kerajaan sekarang untuk mengatasi isu-isu penting seperti pembangunan lestari, ketidakseimbangan ekonomi dan ketidaksetaraan sosial.

Kita harus terus bekerjasama memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti dan meneruskan usaha untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Mari kita berusaha untuk mencapai Malaysia yang lebih makmur, adil dan lestari untuk generasi akan datang. Janganlah pula kita sentiasa menidakkan usaha murni yang dirancang kerajaan sekarang ini dengan sentiasa mempertikai tanpa mencadangkan apa-apa solusi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kajian Separuh Penggal Ke-12, ada tiga fokus utama yang diketengahkan oleh kerajaan iaitu berusaha memperkukuhkan kemapanan pembangunan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi. Kerajaan juga telah mengetengahkan 17 anjakan baharu yang selaras dengan kerangka ekonomi Madani dan disokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) serta Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

Ada dua elemen penting dalam memperkukuh kemapanan negara iaitu kemapanan fizikal dan sistem kewangan. Kemapanan fizikal merujuk kepada kemampuan sebuah negara atau kawasan untuk menjaga dan meningkatkan aset fizikal mereka termasuk infrastruktur, sumber alam dan persekitaran semula jadi. Ini penting kerana kemapanan fizikal berkait rapat dengan pembangunan ekonomi jangka panjang dan kelestarian alam sekitar.

Beberapa elemen penting kemampuan fizikal antaranya iaitu memastikan infrastruktur yang baik seperti jaringan pengangkutan, bekalan air bersih, tenaga elektrik dan lain-lain. Infrastruktur yang baik adalah asas kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Sumber alam seperti hutan, tanah dan air perlu diurus secara berhemah supaya tidak menjejaskan keseimbangan ekosistem. Ini termasuk amalan pertanian yang mampan dan pemuliharaan hutan.

Hidupan liar memainkan peranan penting dalam ekosistem dan memberikan manfaat kepada manusia. Oleh itu, kita perlu menjaga kehidupan liar di Malaysia dengan memastikan kawasan hutan dan alam semula jadi dijaga dan tidak diubahsuai. Kita juga boleh mengambil bahagian dalam program pemeliharaan hidupan liar untuk memastikan mereka terus hidup dan berkembang.

Pembangunan dan penebangan hutan adalah satu lagi faktor yang menyebabkan hidupan liar semakin terancam. Hutan merupakan habitat semula jadi bagi hidupan liar dan apabila hutan ditebang atau dibakar, hidupan liar kehilangan tempat tinggal dan makanan. Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada kerajaan bahawa sehingga kini, berapakah tinggal Harimau Malaya di dalam hutan?

Saya difahamkan beberapa bulan lepas apabila PERHILITAN mengadakan pameran di sini- tiga tahun lepas saya bertanyakan soalan yang sama di Dewan yang mulia ini, terdapat lebih kurang 200 ekor Harimau Malaya dalam hutan di Semenanjung Malaysia, tetapi kini jumlahnya sudah tinggal 130 ekor lebih, sekitar 134,136 ekor sahaja.

Persoalannya, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menambah pembiakan dan bilangan harimau di hutan? Bukan harimau di kampung. Oleh sebab harimau ini adalah penting kerana jata negara itu ada Harimau Malaya. Bayangkanlah itu kita punya signifikannya- Harimau Malaya itu. Jadi, kalau kita tidak jaga, apakah yang akan terjadi?

Oleh sebab kita telah mengalami pengalaman yang buruk dengan badak sumbu- *rhino*. Badak sumbu kita telah pupus seratus peratus. Dahulu kita terdapat beberapa puluh ekor di Sabah, sekarang sudah tiada seekor pun sejak tahun 2015. Jadi, kita tidak mahu nasib yang sama. Dalam kita melestarikan pembangunan negara tetapi kita tidak boleh lupa kepada haiwan-haiwan ini yang akan diwarisi oleh generasi akan datang.

Jadi saya berharap kerajaan mempunyai pelan tindakan yang strategik untuk mengatasi masalah ini. Sebagaimana yang dilakukan di India. Mereka telah bermula seawal tahun 1973, dan kini ada 54 buah tempat konservasi, dan mempunyai lebih daripada 3,000 ekor harimau. Mungkin kita boleh belajar dari India, bagaimana kaedah konservasi Harimau Malaya ini supaya dapat mempertingkatkan jumlah di hutan di samping mengadakan undang-undang yang tegas untuk membasmi pemburuan haram yang menjadikan faktor penting pengurangan jumlah harimau di dalam hutan.

Selain daripada kelestarian pembangunan di dalam negara, sistem kewangan yang stabil adalah asas kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Ini termasuk pengawasaan kewangan, pengurusan risiko dan pengawalseliaan yang berkesan. Negara perlu menguruskan hutang awam dan defisit fizikal supaya tidak terlilit dalam hutang yang tidak mampu dibayar. Pasaran kewangan yang cekap dan berdaya saing dapat membantu menggerakkan pelaburan dan pertumbuhan ekonomi.

Penting untuk diingat bahawa kemapanan fizikal dan sistem kewangan saling berkaitan. Sebuah sistem kewangan yang kukuh dapat membantu membiayai projek-projek pembangunan infrastruktur dan pemuliharaan alam sekitar yang berkaitan dengan kemapanan fizikal. Sebaliknya, kemapanan fizikal yang baik dapat memberikan sokongan kepada pertumbuhan ekonomi yang boleh memberi kestabilan kepada sistem kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan, perlu ada beberapa program inisiatif bagi meningkatkan pendapatan rakyat.

■1430

Terdapat beberapa perkara yang saya rasa mungkin boleh diberikan tumpuan iaitu yang pertama, meningkatkan peluang pekerjaan melalui promosi pembangunan ekonomi, pelaburan dan pertumbuhan sektor-sektor utama yang dapat menciptakan pekerjaan baharu iaitu langkah yang penting untuk mengatasi pengangguran dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi sesuatu negara.

Kedua, memberikan akses kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti untuk meningkatkan kemahiran yang sesuai dengan keperluan pasaran kerja dan perkembangan teknologi serta daya saing tenaga kerja bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan dengan pendapatan yang lebih baik.

Ketiga, mendorong pembangunan perniagaan kecil dan sederhana dan memberikan sokongan untuk peniaga kecil serta pengusaha untuk meningkatkan pendapatan dan menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan.

Keempat, meningkatkan produktiviti pertanian dan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar untuk memberikan penduduk tempatan peluang pendapatan yang lebih baik.

Kelima, mendorong penggunaan teknologi moden dan inovasi dalam pelbagai sektor ekonomi untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Selain daripada perkara-perkara di atas, kadar inflasi import juga perlu ditangani dengan baik. Ini kerana kesan kenaikan harga produk akhir yang diimport secara langsung mempengaruhi sebarang ukuran inflasi berasaskan perbelanjaan. Kesan yang paling ketara daripada inflasi import ini iaitu kenaikan harga barang. Contohnya, sekarang ini kadar kenaikan barang sekurang-kurangnya 20 peratus, yang mana ia amat membebankan rakyat. Kos sara hidup jadi meningkat beberapa kali-ganda. Apa yang paling menyedihkan, rakyatlah yang terbeban.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa, topik keterjaminan makanan merupakan suatu topik yang penting, yang telah pun dibahas oleh beberapa orang Yang Berhormat sebentar tadi. Jadi dalam ucapan bahas saya pada RMKe-12 yang lalu, saya telah mengemukakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri ternakan ayam termasuklah pengeluaran telur.

Antara contoh cabaran dan hasil tindakan yang saya kemukakan pada waktu itu ialah kenaikan harga makanan sehingga 40 peratus hingga 50 peratus. Ini menjadikan kos pengeluaran melambung tinggi. Kerajaan perlu fokus kepada pembangunan pengeluaran bahan makanan ternakan supaya harga bahan makanan menjadi lebih kompetitif dan seterusnya mampu mengurangkan kos penternakan.

Faktor seterusnya ialah kadar tenaga elektrik yang digunakan oleh penternak iaitu kadar komersial, sedangkan industri ternakan merupakan industri yang perlu. Jadi, ia terletak di bawah *essentials* iaitu pengeluaran makanan. Sepatutnya kerajaan memberikan kemudahan dengan mengenakan kadar elektrik yang lebih murah kerana ia menyebabkan kos pengeluaran yang lebih tinggi. Penternak terpaksa menggunakan kaedah reban tertutup kerana reban terbuka tidak lagi dibenarkan oleh kebanyakan negeri dan melibatkan kos operasi yang lebih tinggi terutama penggunaan elektrik.

Seperkara lagi yang menjadi masalah kepada penternak ialah tenaga buruh kerana tenaga buruh tempatan kurang berminat untuk bekerja di ladang ayam dan penternak terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pekerja asing.

Jadi, kalau kita lihat dalam kajian semula ini, kerajaan telah menetapkan bahawa buruh akan di-*limit* kepada 15 peratus sahaja. Jadi, kalau di dalam industri pertanian dan ternakan yang mana iaitu pengurangan buruh secara intensif, kalau dikontrol kepada 15 peratus, saya rasa pertanian ataupun penternakan tidak akan dapat berjalan dengan lancar.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi, cabaran lain yang dihadapi oleh penternak ialah kesukaran mendapatkan bekalan elektrik. Bekalan elektrik, biasanya ladang-ladang ternakan ini jauh ke dalam. Dua kilometer atau tiga kilometer, empat kilometer atau lima kilometer ke dalam *plantations* yang mana kos untuk membawa elektrik ke dalam itu mengambil kos yang tinggi serta mengambil masa yang lama, biasanya dua tahun atau tiga tahun. Jadi, kalaulah ini semua dapat diuruskan dengan baik, kita akan memastikan kelancaran pengeluaran makanan kita.

Saya juga waktu itu telah mengusulkan polisi yang lebih kukuh dan jelas diwujudkan bagi memastikan perkara-perkara yang terbangkit itu dapat diatasi dengan segera. Kalau kita lihat sekarang ini, kerajaan telah membenarkan pengimportan daging ayam. Telur ini tak seberapa kerana kos pengimportannya lebih tinggi dan juga menyebabkan kos penjualannya tinggi.

Jadi rakyat tidak begitu menyukai, tidak begitu *prefer*, tetapi daging ayam ini biasanya boleh diimport dari negara jiran terutamanya Thailand, apabila pasaran berlebihan di Thailand, jadi harganya lebih murah daripada harga tempatan, tetapi saya rasa kerajaan perlu kawal selia perkara-perkara ini sebab cuma kalau kita tengok daripada segi pengeluaran makanan, ayam dan telur iaitu protein yang termurah dan itulah satu-satunya sumber makanan yang kita punyai lebih daripada 100 peratus *self-sufficient level*. Kalau daging ayam kita mempunyai kadar pengeluaran 110 peratus, 115 peratus. Kenapakah lebih daripada itu? Ini disebabkan sebahagiannya kita eksport ke Singapura. Begitu juga dengan telur. Kita mempunyai pengeluaran sehingga 120 peratus, tetapi kita eksport ke Singapura sebanyak 20 peratus.

Jadi kalau industri tempatan ini, sumber protein yang sangat murah ini tidak kita jaga, jadi saya rasa- tambahan pula industri ini dipelopori oleh swasta sepenuhnya. Maklumlah, pihak swasta kalau tak untung, mereka tidak akan meneruskan perniagaan itu. Jadi saya berharap dalam kebenaran yang diberikan untuk mengimport ini, kerajaan perlu kawal selia iaitu apabila pengeluaran telah mencukupi, kita tidak lagi membenarkan pengimportan ataupun kita membenarkan import secara tersasar iaitu sebagaimana yang dibenarkan sebelum ini, dibenarkan import untuk ditambah nilai sahaja.

Selain daripada sektor penternakan, Malaysia boleh mempromosikan sektor pertanian yang mampan, teknologi pertanian termaju dan infrastruktur logistik yang lebih baik untuk memastikan bekalan makanan mencukupi. Ini secara tidak langsung akan mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor pertanian, pengedaran dan yang berkaitan dengannya. Kerajaan memperuntukkan dana bagi infrastruktur kawasan sawah di MADA contohnya, yang telah memperuntukkan sebanyak RM3 bilion dengan keluasan tanah 30,000 hektar. Jadi ini saya fikir, *fast track* yang dilakukan oleh kerajaan, oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, memberikan kelulusan segera. Ini kerana mungkin sekarang ini kadar pengeluaran beras tidak begitu mencukupi untuk negara kita.

Cadangan untuk menukarkan corak penanaman padi kepada lima kali dalam tempoh dua tahun iaitu idea yang menarik dan berpotensi untuk meningkatkan pengeluaran padi negara serta meningkatkan keselamatan makanan. Walau bagaimanapun, langkah ini memerlukan perubahan besar dalam amalan pertanian padi serta perancangan rapi dan juga sokongan yang padu daripada kerajaan. Ada beberapa pertimbangan yang perlu diambil kira jika cadangan tersebut ingin dilaksanakan dan membuah hasil seperti yang diharapkan. Penanaman padi yang lebih kerap memerlukan ketersediaan air yang stabil sepanjang tahun.

Oleh itu, sistem pengairan yang baik dan strategi pengurusan air yang cekap diperlukan. Ini mungkin memerlukan pelaburan dalam infrastruktur pengairan.

Untuk menanam padi lima kali dalam dua tahun adalah penting untuk menggunakan varieti padi yang sesuai dengan musim dan iklim tempatan. Varieti yang tumbuh dengan cepat dan tahan terhadap penyakit akan menjadi keutamaan. Penanaman intensif seperti ini memerlukan pengurusan tanah yang baik untuk mengelakkan degradasi tanah. Penggiliran tanaman dan penggunaan baja organik boleh membantu mengekalkan tanah yang sihat. Penyelarasan antara petani dan pihak berkuasa pertanian tempatan adalah penting untuk menetapkan jadual penanaman padi yang mampan. Ini juga memerlukan pemantauan cuaca yang teliti untuk mengenal pasti masa yang sesuai untuk menanam.

Meningkatkan kekerapan penanaman padi juga perlu mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar seperti penggunaan air yang berlebihan dan masalah pencemaran. Amalan pertanian lestari mestilah dilaksanakan. Kerajaan perlu memberikan sokongan daripada segi pelaburan infrastruktur, penyediaan benih berkualiti, latihan dan bantuan kewangan kepada petani yang mengamalkan corak pertanian yang lebih kerap. Program penanaman padi lima kali dalam masa dua tahun ini adalah sebahagian daripada usaha untuk mencapai sekuriti makanan yang lebih baik dan meningkatkan pengeluaran beras negara. Walau bagaimanapun, perubahan seperti ini memerlukan masa dan sumber yang mencukupi.

Di samping itu, penyertaan masyarakat adalah penting supaya kita dapat memastikan bahawa sektor pertanian ini adalah berjaya dan menghasilkan hasil yang sebagaimana yang kita mahukan.

■1440

Di samping itu penyertaan masyarakat tentang pendidikan pertanian lestari dan sokongan daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan, petani, peniaga makanan dan organisasi masyarakat sivil adalah penting dalam mengekalkan sekuriti makanan yang mencukupi untuk seluruh negara. Sebagaimana yang kita maklum, setiap tahun kita berbelanja berbilion-bilion Ringgit untuk mengimport makanan. Sebagai contoh, tahun 2021 kita berbelanja RM64 bilion. Tahun lepas, 2022 kita berbelanja RM75.7 bilion.

Jadi, saya menjangkakan menjelang tahun 2025, kita mungkin akan berbelanja RM100 bilion untuk mengimport bahan-bahan makanan dari luar negara. Jadi saya rasa kita perlu langkah segera untuk mengatasi masalah-masalah ini terutamanya dalam pengimportan bahan-bahan makanan ini sebahagian besar kita terpaksa import sedangkan kita mempunyai cuaca yang begitu baik, yang begitu sesuai untuk aktiviti-aktiviti pertanian, tetapi sebab itu sebagaimana rakan-rakan Yang Berhormat Senator ketengahkan tadi, kita perlu perancangan yang strategik, yang bukan retorik.

Kita bercakap tentang beberapa tahun kebelakangan ini tentang— orang kata pertanian yang lestari, pertanian moden, pertanian berskala besar tetapi sebenarnya saya tak nampak peningkatan pun daripada segi pengeluaran makanan termasuklah beras. Sekarang ini saya rasa pengeluaran beras kita masih tahap 68 hingga 70 peratus sebagaimana beberapa tahun yang lepas walaupun Yang Berhormat Menteri-kerap memberitahu bahawa kita sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran.

Seperkara lagi kalau kita lihat dalam pencapaian- 30.1 peratus kita telah berjaya dalam Rancangan Malaysia Ke-12, 59 peratus *on track*. Akan tetapi 10 peratus kita masih tidak lagi mencapai, dan tidak- ada separuh projek itu tak *start* pun lagi. Jadi, persoalannya apakah yang akan dilakukan oleh kerajaan tentang 10 peratus ini? Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa yang 10 peratus ini juga *back on track* dan akan mencapai hasil yang sebagaimana yang diharapkan?

Jadi, saya rasa sekadar itu sahaja. Jadi saya sudahi dengan *wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Saya menjemput Yang Berhormat Dato' Sivaraj a/l Chandran. Yang Berhormat Dato' Sivaraj ada?

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Ya, ada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada ya.

2.43 ptg.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Ya ada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk turut bersama membahaskan pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 di Dewan yang mulia ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan dan juga mengambil peluang ini untuk merakamkan tahniah kepada Kerajaan Perpaduan atas pembentangan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-12 yang bertemakan, "...Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi" dan cukup menyeluruh dan benar-benar mencerminkan nilai-nilai asas di sebalik gagasan Malaysia Madani.

Sebanyak 17 anjakan besar yang digunakan sebagai strategi *results-oriented*, dengan izin, merupakan pemangkin membolehkan agenda Rancangan Malaysia Ke-12 dapat dicapai menjelang tahun 2025. Seperti yang diketengahkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator saya tadi, nombornya agak cantik. Sedap didengar tetapi *resultsnya*, keputusannya hanya boleh didapati jika rakyat merasakan apa yang dikatakan pembangunan ekonomi- data-data yang cukup cantik yang telah kita bentangkan di Rancangan Malaysia Ke-12 lepas.

Maka, pencapaian sasaran RMKe-12 ini amat bergantung kepada faktor-faktor luaran dan dalaman. Faktor pertumbuhan ekonomi global pasca pandemik yang positif iaitu 4.9 peratus menjadi asas yang kukuh untuk pembangunan ekonomi negara pada 5.9 peratus pada tahun 2023, terus meningkat pada tahun-tahun yang akan datang. Dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-12, pelbagai perkara telah diumumkan demi kepentingan dan kelangsungan kehidupan rakyat di luar sana. Saya berharap kita- semua dapat bersatu padu, bekerja dalam satu pasukan untuk membantu kerajaan dalam proses pemulihan ekonomi negara.

Namun, saya yakin dan percaya ada beberapa inisitif yang boleh ditambah baik dengan cadangan-cadangan diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh sebab kesuntukan masa berbahas, saya akan memberi fokus kepada Pemangkin Dasar 1 iaitu Membangunkan Bakat Masa Hadapan.

Dalam hal ini, kerajaan telah mengatakan akan memberi penekanan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan. Saya mengambil peluang ini untuk mengutarakan perkara yang menjadi buah mulut masyarakat selama ini iaitu berhubung pelajar yang tidak ditawarkan proses pengajian di universiti awam mengikut pilihan mereka.

Walaupun mereka memenuhi syarat kemasukan, mempunyai CGPA 4.0 tetapi mereka tidak diberi tawaran kursus yang mereka mohon. Saya banyak menerima panggilan dan permohonan bantuan berkaitan hal tawaran universiti awam setiap kali keputusan UPU ini keluar. Kita jangan salah anggap ini merupakan hanya masalah masyarakat India kerana lebih kurang 8,044 orang pelajar telah mendapat CGPA 4.0. Daripada itu, lebih kurang 1,626 orang telah memohon jurusan perubatan, pergigian dan juga farmaseutikal. Cuma 1,124 orang ditawarkan di institusi awam.

Maka, lebih kurang 500 orang tidak mendapat kursus yang dipohon oleh mereka. Jadi, dalam daripada masyarakat India lebih kurang ada yang dikatakan 30, daripada UPU dikatakan 42 orang yang tidak dapat jurusan yang telah diminta oleh mereka. Maka ini bukan sahaja masalah masyarakat India tetapi ini merupakan masalah masyarakat negara yang harus kita beri perhatian dan juga mencari satu penyelesaian.

Kerana ini akan memberi impak yang buruk terhadap tenaga kerja kita di masa akan datang. Kebanyakan mereka memenuhi syarat malah mereka mempunyai keputusan yang cemerlang dalam SPM dan matrikulasi. Sering kali mereka ditawarkan program pilihan terakhir mereka, bukannya tiga pilihan pertama.

Mereka membuat 10 permohonan, kerap kali mereka mendapat pilihan kursus daripada pilihan yang terakhir. Bukannya yang ketiga atau pertama daripada permohonan mereka. Saya cukup yakin isu ini bukan lah satu isu yang baharu. Namun kerajaan perlu mencari suatu titik solusi agar banyak bakat muda yang berkecayaan dan berpendidikan tinggi tidak disia-siakan dan terlepas ke luar negara. Lagipun, PMX pernah berjanji di suatu forum pada 5 Ogos di Kolej Matrikulasi Penang bahawa seandainya seorang pelajar itu layak, kita akan bantu pelajar itu mendapatkan pengajian dimintanya, dengan izin, *case-to-case basis*.

Maka saya berharap 42 kes pelajar India dan juga kes pelajar-pelajar lain yang tidak mendapat tawaran IPTA dan jurusan yang dimohon, diharap diteliti oleh pihak UPU dan universiti-universiti dan diberi tawaran kursus yang dimohon mengikut kelayakan mereka iaitu pilihan 1 hingga 3 pilihan pertama. Secara alternatifnya tadi saya ada cadangkan bahawa pelajar-pelajar yang tidak mendapat tawaran di institut pendidikan tinggi awam bolehlah kerajaan mencari jalan- pernah kita buat, bukan kita tak pernah buat.

Pernah kita buat semasa zaman Datuk Seri Najib, Yayasan 1Malaysia ditubuhkan untuk memberi dana pendidikan kepada pelajar-pelajar yang layak membuat perubatan, pergigian dan sebagainya dan dihantar ke institut pendidikan tinggi swasta dan diberi dana sepenuhnya oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kajian mendapati kebolehpasaran graduan di IPT dan institusi TVET awam mencapai 90.2 peratus melebihi sasaran 85 peratus. Walau bagaimanapun, isu dan cabaran dalam pembangunan bakat masih termasuk pasaran buruh yang tidak cekap dan ekosistem pendidikan yang kurang kondusif. Dalam hal ini, kerajaan perlu melaksanakan kajian semula berkaitan subjek di universiti sama ada ia masih relevan dengan industri ataupun tidak dari semasa ke semasa. Mengikut Jabatan Perangkaan Negara sebanyak 40 peratus lepasan SPM tidak menyambung pengajian khususnya dalam bidang STEM dan bidang kemahiran.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, ini akan memberi impak yang negatif ke atas pembekalan tenaga mahir dalam negara dan menggugat pelaburan asing ke dalam negara yang seterusnya mempunyai *direct impact*, dengan izin, ke atas pembangunan ekonomi negara. Saya mencadangkan agar memperbanyakkan lagi subjek-subjek yang berhubung dengan industri secara langsung atau subjek yang diiktiraf yang akan menarik minat pelajar untuk melanjutkan pengajian mengikut bidang yang diminati oleh mereka dan bukannya bidang yang ditawarkan oleh institusi pendidikan atau UPU.

Saya juga berpendapat mereka harus dibenarkan bekerja sambil dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian mereka agar sebaik sahaja mereka tamat pengajian, mereka turut mempunyai pengalaman yang sering menjadi syarat mengisi jawatan kosong di industri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memuji langkah berterusan yang diambil oleh kerajaan dalam memperkasakan pendidikan TVET di Malaysia. Kita juga seharusnya mengiktiraf dan bekerjasama dengan institusi-institusi TVET swasta. Walaupun mereka *profit-oriented*, dengan izin, tetapi mereka mampu meyakinkan pelajar lepasan SPM dan lepasan persekolahan untuk mengikuti kursus TVET.

Program mereka yang memenuhi kehendak garis panduan TVET serta fleksibel dapat menggalakkan pelajar-pelajar menyertai pusat-pusat TVET swasta ini. Ini dapat mengurangkan peratusan pelajar yang tidak melanjutkan pengajian selepas SPM dan persekolahan. Ini penting bagi memastikan negara mempunyai pasaran buruh yang cekap dan berterusan serta peluang pekerjaan yang banyak.

Dalam masa yang sama, kerajaan juga perlu memastikan rakyat Malaysia yang terlibat dalam bidang TVET menerima gaji yang setimpal dengan *skill* dengan kelulusan TVET yang diperolehi. Kepada anak-anak muda di luar sana, kami tahu anda lebih berminat untuk menceburkan diri dalam ekonomi *gig* kerana pendapatan lumayan, fleksibel dan cepat, tetapi nasihat saya kepada anda ialah untuk meningkatkan kemahiran anda dalam bidang yang ditawarkan dalam TVET serta mendapat kelulusan kemahiran dan akademik secara sepenuh masa atau *part time*, dengan izin, buatlah kerja-kerja *gig* sebagai *rider* dan sebagainya secara *part time* supaya satu hari nanti ekonomi *gig* ini- jika ekonomi *gig* ini merudum atau mengalami perubahan daripada aspek skala, kelayakan akademik, kelayakan kemahiran yang anda peroleh selepas SPM dan persekolahan akan menjanjikan pekerjaan dan masa depan yang lebih terjamin bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam membangunkan masyarakat sejahtera, komponen paling penting iaitu kadar pengangguran dan kemiskinan tegar iaitu menjelang tahun 2025. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mengakibatkan rakyat Malaysia kehilangan pendapatan dan sektor perniagaan terjejas sehingga sesetengah perniagaan terpaksa menggulung tikar.

Selain daripada itu, kadar pengangguran juga meningkat sehingga kebanyakan rakyat Malaysia terpaksa mengeluarkan KWSP bagi membantu kehidupan mereka. Dikatakan sebanyak RM145 bilion telah dikeluarkan daripada KWSP oleh 8.1 juta orang ahli semasa pandemik COVID-19. Namun, langkah kerajaan menyenaraikan 3.3 peratus kadar pengangguran dan kosong kemiskinan tegar menjelang 2025 ini merupakan langkah yang berani dan memerlukan tindakan segera.

Dalam ini, saya ingin merayu kepada kerajaan agar meneliti isu lambakan pekerja asing yang menjadi salah satu punca utama rakyat tempatan menjadi pilihan kedua dan tidak dapat *demand* gaji dalam pekerjaan mereka di kebanyakan industri di Malaysia. Secara kebetulan hari ini di FMT ada artikel oleh Andy Hall yang mengatakan lebih kurang 500 ribu orang warga Bangladesh telah diberi kelulusan, dan 100 ribu lebih pekerja Bangladesh sedang menunggu untuk datang ke Malaysia.

Saya juga dimaklumkan ada banyak pekerja yang dibawa sampai KLIA dan ditinggalkan di luar. Jadi, ini menunjukkan kita mempunyai *over-supply*. Jadi, kenapakah kita harus memberi kelulusan baharu kepada industri-industri yang tidak diperlukan yang mempunyai *over-supply*? Pada masa yang sama, saya percaya kita telah membuat pembersihan. Apakah yang akan terjadi kepada lebih pekerja-pekerja di negara ini?

Jadi, kita kena cari jalan untuk hantar mereka balik. Kalau tidak dalam masa lima ke-10 tahun, ini akan membawa satu masalah sosial yang besar kepada negara kita. Jadi, perkara yang lebih membimbangkan adalah apabila warga asing kini memiliki perniagaan mereka sendiri dan ada yang melakukan pekerjaan *gig* seperti membawa *Grab* dan *Foodpanda*. Apa yang membuatkan saya terkejut pada minggu lepas adalah apabila *Buletin TV3* melaporkan warga asing mengubahsuai kedai menjadi pusat hiburan termasuk membabitkan aktiviti pelacuran. Ini membimbangkan.

Saya ingin mengingatkan kepada kerajaan bahawa hal ini amat serius kerana secara berterusan ia akan memberi impak yang buruk kepada sosial, dan juga ekonomi rakyat tempatan. Oleh yang demikian, apakah langkah kerajaan dalam mengatasi masalah lambakan pekerja asing di Malaysia dan ketirisan yang berlaku dalam sistem pengurusan pengambilan pekerja asing? Serta, apa jaminan kerajaan jika ia tidak akan menjejaskan *target* kerajaan dalam mencapai 3.3 peratus kadar pengangguran dan kosong peratus kemiskinan tegar, selain daripada masalah-masalah sosial yang timbul akibat lambakan pekerja asing yang melebihi permintaan menjelang tahun 2025?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pengumuman Perdana Menteri untuk memperkasakan *Malaysian Indian Transformation Unit* (MITRA).

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah melantik saya sebagai seorang ahli *taskforce* MITRA atas kapasiti saya sebagai seorang pemimpin yang mewakili masyarakat India. Akan tetapi, saya juga baru-baru ini ada mendengar ura-ura bahawa terdapat desakan daripada MIC untuk menggantikan saya kerana saya bukan lagi ahli MIC.

Akan tetapi itu tidak apa, itu terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada untuk kekalkan saya atau menggantikan dengan sesiapa tetapi matlamat asas, agenda utama MITRA itu harus kita pertahankan. Maka, saya tetap akan terus memantau dan memastikan segala peruntukan MITRA yang disalurkan itu dibuat secara ikhlas dan *transparent*. Setiap sen daripada RM100 juta yang diperuntukkan oleh kerajaan itu disampaikan dan dimanfaatkan oleh masyarakat India yang layak dan yang benar-benar memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya cadangkan kepada MITRA di mesyuarat pertama saya bahawa MITRA harus memainkan peranan sebagai *Implementation and Coordination Unit*- kita panggil ICU, untuk masyarakat India. Ini tidak semata-mata dan tidak sepatutnya menjadi agensi pengeluar peruntukan. Kerajaan bagi RM100 juta, tugas MITRA ini hendak keluarkan duit untuk diagihkan, bukan itu semata-mata tugas MITRA. MITRA harus mengembangkan peranan dan *job scope*-nya itu untuk mengenal pasti, memantau dan menjadi perunding kepada agensi-agensi kerajaan untuk menyampaikan segala inisiatif, peluang yang diperuntukkan dalam belanjawan dan juga Rancangan Malaysia Ke-12 kepada masyarakat India.

Dengan izin, MITRA *needs to play a substantial and expended role in empowering society*. Jangan kita menghampakan masyarakat India yang mempunyai harapan yang menggunung terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Pastikan kita sebagai pemimpin-pemimpin politik dan juga kerajaan menjalankan tanggungjawab kita dengan penuh dedikasi, komited dan berintegriti supaya kerajaan ini menjadi contoh kerajaan yang terbaik dalam sejarah pembangunan negara pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan beberapa isu yang saya lihat perlu penjelasan daripada pihak kerajaan. Besarlah harapan saya agar kementerian-kementerian yang terbabit akan memberikan jawapan dan penjelasan secara teliti berhubung isu-isu ini. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

2.58 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah*, saya bersyukur dapat bersama-sama membahaskan isu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 pada hari ini yang mana sebahagian ataupun keseluruhan sepatutnya semua ucapan kita di Dewan ini akan dapat diteliti oleh pihak berkuasa dan pemerintah untuk dijadikan sebahagian daripada isi pelaksanaan dan pemantauan program Rancangan Malaysia Ke-12 yang masih berbaki lebih kurang dua tahun ini. Ini penting kerana ia akan membuka lembaran yang baik apabila kita memulakan Rancangan Malaysia seterusnya pada masa akan datang.

■1500

Kita didedahkan dengan pelbagai penegasan yang semuanya dijanjikan tadi akan dipantau oleh suatu 'jawatankuasa pemantau sektor awam', atau satu *taskforce* yang *special* yang akan dibentuk. Saya rasa ini merupakan satu unsur yang sangat penting dalam mana-mana pelaksanaan sesuatu program sebesar ini. Pemantauan ini harus berterusan dan kerap supaya kesan-kesan yang negatif ataupun hasrat yang tidak berjaya dicapai dapat ditangani segera.

Kita di Dewan ini juga harus bertindak sebagai pemantau juga. Hari ini kita memberikan berbagai-bagai cadangan. Pada bulan November dan Disember nanti, kita akan berbahas lagi di dalam Dewan ini. Saya harap kita tidak akan lupakan apa perkara-perkara yang kita sendiri bahaskan dan kita *check* balik sama ada saranan kita itu diterima pakai oleh pihak kerajaan ataupun diketepikan begitu sahaja.

Jadi, kita juga harus menjadi mata dan kepala dan juga pemantau kepada kejayaan projek ini. Ini kerana kesannya kalau tidak berjaya rancangan lima tahun ini, bukan hanya kerajaan itu yang mendapat kesan negatifnya tetapi rakyat keseluruhannya akan menempuhi suatu kehidupan yang *stagnant*- tidak bergerak untuk tempoh rancangan ini.

Jadi, peranan semua paras pemantau sama ada di peringkat nasional ataupun di peringkat kementerian, KSU-nya dan seluruh rangkaian pentadbiran di peringkat kementerian harus mengambil berat dan menjadikan saranan-saranan ini sebagai *key performance index* kementerian masing-masing supaya dapat diukur pencapaiannya daripada semasa ke semasa.

Jadi, itu antara perkara asas yang penting dalam kita memastikan kejayaan pelaksanaan mana-mana perancangan khususnya program besar seperti Rancangan Malaysia Ke-12 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang keterjaminan makanan- *food security* yang diperkatakan bukan hanya di luar sana tetapi di dalam Dewan ini juga. Yang Berhormat Senator Dato' Arman cukup *passionate* dalam memperkatakan perkara ini dan saya rasa semua daripada kita bersama beliau dalam ingin mengetahui apa jaminan yang boleh diberikan oleh kerajaan kepada keperluan makanan kita yang hari ini banyak diperkatakan di luar sana mengenai beras. Isu bekalan beras.

Kalau kita ikut penerangan Yang Berhormat Menteri Ekonomi tadi, bahawa kadar inflasi kita menurun kepada dua peratus. Akan tetapi, laporan daripada para *netizen* yang bergerak rancak di luar sana, harga barang dikatakan naik merata-rata. Khususnya beras, satu makanan ruji rakyat Malaysia yang tak dapat nak kita gantikan dengan makanan-makanan yang lain. Mungkin memerlukan suatu proses revolusi atau evolusi makanan kah, baru kita dapat tukarkan daripada beras kepada yang lain. Untuk sementara ini, kita harus akur bahawa kita memerlukan beras.

Diberikan jaminan oleh Menteri kita, Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya, sila.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh mencelah sikit?

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Belum mula lagi. Sila.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Agak-agak Yang Berhormat, manakah lebih cepat? Untuk revolusi menukar makanan ruji atau revolusi memperbanyakkan pengeluaran makanan ruji? Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Menukarkan makanan itu- itu revolusi. Untuk menambahkan bekalan, itu hanya proses pengeluaran dipertingkatkan-lebih mudah, amat mudah. Jadi, saya sebenarnya nak menghala ke situlah, cikgu ya. Tak apa, kita akan sebut perkara tersebut.

Menteri yang berkenaan- saya punya boslah ya, parti saya. Sebagai Setiausaha Agung, saya ini kena memberi keyakinan atas kemampuan beliau- telah menyebut bahawa bekalan beras lokal kita pada tahap lebih 60 peratus. Itu merupakan suatu jumlah yang memang lebih kurang begitulah kebelakangan ini- 65 peratus, belum sampai ke-70 peratus atau 80 peratus bekalan beras tempatan. Ini cukup untuk menampung, dan ada pula stok penimbal- *buffer stock* beras kita ini di dalam negara kita. Ia ditampung oleh beras putih import selebihnya sehingga mencukupilah keduanya ini sehingga 100 peratus menampung selera kita semua.

Selama ini, beras yang mahal sikit itu mampu dibeli oleh Ahli-ahli Dewan Negara ini. Saya rasa yang sini makan beras yang mahal, dan sebab itu kita bayar zakat fitrah pun yang mahal, yang RM21 itu. Ada Yang Berhormat Senator yang bayar RM7 kah? Tak acilah ya.

Jadi ertinya, kita mampu untuk membeli beras yang mahal tadi, beras import. Akan tetapi, bila harga barang import ini telah meningkat bukan hanya daripada sebuah negara, bahkan semua negara- Thailand, Vietnam, India dan sebagainya naik harga- jadi yang Ahli Senat ini pun nak beralih kepada harga yang lebih murah. Maka, bekalan yang tadinya menampung majoriti rakyat kita, 60 peratus keperluan rakyat kita ditumpang oleh 30 peratus tadi, tentulah ini menyebabkan bekalan yang harga murah itu berkurangan.

Ditambah pula dengan berita yang mengatakan ada usaha-usaha untuk mengelirukan pasaran dengan mencampurkan beras import dengan beras lokal dan dilabelkan beras import. Kalaulah beras import dicampurkan dengan beras lokal dan dilabelkan beras lokal, bukankah baik? Akan tetapi, tidak. Manakah ada orang hendak rugi ya? Dia hendak untung. Jadi, ini menyebabkan di atas rak-rak beras di pasar-pasar raya kita, beras lokal ini kurang, tak ada.

Jadi, ini masalah yang *real* yang berlaku dan katanya, memang ada bukti bahawa penyelewengan itu berlaku. Kenapakah tidak dipantau? Saya dimaklumkan usaha untuk memantau ini memerlukan tenaga kerja yang kementerian berkenaan belum dapat menepati keperluan pemantau ini untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Jadi, saya minta kerajaan supaya melihat ini dan kalau perlu ditambah pemantau-pemantau, penguat kuasa daripada kementerian untuk mencegah penyelewengan ini daripada berlaku, *by all means*, dengan izin, laksanakanlah supaya tidak berlaku penyelewengan.

Ada juga dikatakan masalahnya iaitu antara syarikat dengan syarikat. Ada pembeli dari kilang itu tidak baik rekod kredit mereka, maka kilang tak mahu hantar pun akan menyebabkan bekalan terhenti bagi *mall* ataupun kedai-kedai ataupun syarikat-syarikat berkenaan. Perkara ini juga harus diperhatikan. Saya berkeyakinan kementerian, setelah membuat diagnosis yang saya sebutkan tadi, memainkan segera tugas dan peranan supaya paling tidak pun beras ini cukup. Beras ini boleh menyebabkan runtuh negara, Tuan Yang di-Pertua, dan rakan-rakan sekalian. Jadi, jangan ambil mudah masalah tersebut.

Seterusnya yang saya ingin menyentuh di dalam konteks Kajian Separuh Penggal ini ialah cadangan untuk menubuhkan satu yayasan atau pun jawatankuasa mengenai tanah wakaf di negara kita ini bagi *unlock* ataupun menjadikan tanah-tanah wakaf kita ini produktif dan memberikan makna dan kesan yang baik kepada khususnya masyarakat Islam yang ada di negara kita ini. Ini salah satu- cabang ekonomi yang harus kita fikirkan sekarang ini kerana kita mempunyai aset tanah wakaf yang agak besar dan nilainya, saya pun dengar berbilion-bilion Ringgit, dan ada 16 peratus daripada keseluruhan tanah wakaf ini, dimaklumkan dalam laporan, masih belum dibangunkan.

Nasib baiklah 86 peratus itu agaknya sudah dibangunkan. Contohnya, yang ada pada masjid-masjid, di sekitar kawasan mereka dibangunkan kedai-kedai komersial, rumah-rumah sewa dan sebagainya. Itu bagus ya. Akan tetapi, ada lagi peluang untuk kita menambah peranan tanah-tanah wakaf ini dengan menjadikan ia sumber pembangunan ekonomi umat Islam yang lebih besar.

■1510

Kita boleh mengambil contoh-contoh dari negara jiran, Singapura misalnya. Bukan banyak pun tanah wakafnya, tetapi mereka telah melaksanakan kaedah-kaedah pembangunan tanah wakaf, menjadikannya suatu yang produktif, yang menghasilkan keuntungan. Dengan membangunkan tanah wakaf itu, kalau di tempat yang tidak produktif, ditukarkan dengan sebuah kawasan yang lain, dan *raise* bon ataupun sukuk untuk membangun dan membeli. Kemudian keuntungan daripadanya itu dapat digunakan untuk pembangunan pendidikan, kesihatan bagi umat Islam di Singapura.

Ini contoh baik dan saya berkeyakinan di Malaysia pun sudah ada usaha-usaha sedemikian. Kita dimaklumkan, di Johor bersama-sama dengan pihak berkuasa zakat ini iaitu Majlis Agama dan juga dengan pengetahuan dan kelulusan mungkin pihak-pihak yang sepatutnya. Ada usaha untuk membangunkan sebuah hospital yang ditadbir oleh sebuah badan perubatan yang ternama di Malaysia ini dan menggunakan aset-aset wakaf dengan mencari dana-dana sukuk untuk membina.

Keuntungannya itu akan dimanfaatkan oleh asnaf-asnaf, oleh orang miskin dengan bentuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang mahal itu secara bersubsidi ataupun percuma.

Ini memberikan faedah kepada masyarakat tempatan. Kalau tidak, tanah-tanah wakaf kita ini akan sentiasa berada dalam keadaan selamat, tidak akan dapat berubah tarafnya, tetapi tidak dapat memanfaatkan kepada masyarakat. Jadi, kita harus mengkombinasikan kaedah-kaedah pengurusan tanah wakaf ini secara konvensional atau bersama dengan kaedah kewangan moden ini supaya dapat kita *unlock the asset* itu menjadi satu nilai yang penting kepada masyarakat kita.

Jadi, saya harap kerajaan ambil serius dengan cadangan yang disebutkan tadi. Saya mengambil tanggungjawab ini, akan pantau, akan sebut balik dalam sidang akan datang. Apakah kemajuan yang telah dibuat? Sudah adakah usaha-usaha untuk membentuk jawatankuasa peringkat nasional yang tentunya memerlukan sokongan daripada pihak kerajaan negeri. Oleh sebab urusan tanah dan urusan tanah wakaf khususnya, berkaitan dengan pihak-pihak berkuasa agama di negeri.

Kalau ini dapat disantuni dengan baik oleh pihak kerajaan di peringkat Pusat, saya berkeyakinan niat baik ini akan dapat diterima oleh kerajaan negeri. Apa bentuk yayasan atau jawatankuasa nasional ataupun membuat suatu rang undang-undang yang berkaitan dengan urusan pembangunan tanah wakaf ini akan dapat dimulakan. Jadi, saya harap ia tidak tinggal hanya dalam laporan ini.

Ketiganya yang saya ingin sebutkan Tuan Yang di-Pertua bahawa negara kita disebut dalam laporan ini sudah bergerak kepada negara tua. Lebih daripada 65 tahun itu sudah masuk lapan persen. Ini sudah masuk negara yang tua dan tidak lama lagi, semakin moden kita, yang umur lebih 65 tahun atau 70 tahun ini akan menjadi 15 persen. Itu lebih tua. Implikasinya besar kepada negara kalau kita tidak ambil berat. Ini kerana ia akan memberikan beban kepada kerajaan dalam pemberian penjagaan kesihatan dan perlindungan sosialnya.

Jadi, harus kita ambil pendekatan-pendekatan awal supaya apabila tiba ke peringkat negara kita menjadi negara tua ini, kita sudah bersedia dengan peruntukannya, sama ada melalui urusan insurans kesihatannya, daripada segi pembangunan fizikalnya yang mengambil kira *masalah* atau masalah-masalah ataupun kepentingan orang-orang tua. Bagaimana mereka disusun dalam masyarakat, dengan keluarga mereka, harus dimulakan dan diberikan perhatian sekarang ini.

Kalau tidak nanti, kalau tidak ada usaha di peringkat awal ini untuk kita berkempen mencegah *non-communicable diseases* (NCD) dengan izin, yang mana kalau berlaku di peringkat kita di umur tua nanti, dengan diabetes, dengan hipertensi, dengan segala bentuk *demensia*, *Parkinson* dan sebagainya. Ia pasti akan menyerlah di dalam masyarakat kita yang selalunya dikaitkan dengan kemodenan ini.

Jadi, ini memerlukan persiapan awal di peringkat kerajaan dan di peringkat kementerian yang berkenaan, baik kesihatan, kebajikan ataupun dalam sektor pembangunan perumahan untuk memastikan kita bersedia menghadapinya. Kalau tidak, kita akan memerlukan akhirnya nanti, kos perawatan yang tinggi berbanding dengan kos pencegahan di peringkat awal yang jauh lebih munasabah, lebih *cost effective* kepada kita. Jadi, ini yang saya hendak mencadangkan supaya kita ambil perhatian, kementerian mengambil perhatian sementara disebut dalam pembentangan yang dibuat oleh Menteri Ekonomi pada pagi tadi.

Begitu juga sektor pendidikan. Kita tadi mendengar disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj, Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran mengenai pendidikan kaum India. Sudah pasti ini agak menonjol kerana ia merupakan suatu masalah spesifik yang telah dibangkitkan. Saya hendak mencadangkan supaya dalam kita memberikan peluang pendidikan ini, kalau yang *4 flat* ini ataupun dipanggil CGPA ini *4 flat* ini sebagai penghormatan kepada keupayaan anak-anak kita belajar, *advantage* ataupun peluang awal harus diberikan kepada mereka, tidak mengiralah siapa mereka, latar belakang mereka, kaum mana. Ini kerana mereka seperti disebut Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran tadi adalah *the good brain*, otak-otak yang terbaik dalam negara kita.

Jadi, sudah tentulah mereka ini kalau pergi ke mana-mana bidang pun, mereka akan berjaya, kalau tidak dapat *medical* pun, tetapi oleh sebab minat pergi *medicine* itu dengan pengalaman yang saya ada sebagai doktor perubatan ini, peluang harus diberikan kepada mereka dahulu. Kemudian, kalau banyak lagi *placements* yang boleh diisi, CGPA yang lain tetapi keutamaan harus diberikan. Kalau tidak, janggal sangat sistem pendidikan kita kalau berlaku yang paling layak diketepikan daripada pilihan mereka sendiri, melainkan CGPA 4 *flat* ini berlambak-lambak, ramai sangat. Itu ialah faktor-faktor lain, faktor sosioekonomi keluarga misalnya, yang harus diambil kira, tetapi pada asasnya, yang terbaik harus diberi peluang untuk pendidikan yang paling mereka minati. Itu yang saya rasa perlu diberikan perhatian.

Di samping itu, saya juga menyokong usaha kerajaan untuk melihat semula pelaksanaan RMKe-12 ini. Mana-mana projek yang belum bermula, ini pun satu ingatan kepada pelaksana-pelaksana. Apabila RMKe-12 itu sudah dilancarkan, teruslah bergerak. Ini kalau sudah masuk dua ke-tiga tahun, belum bermula projek tersebut atas apa juga alasan seperti prosedur, tenaga kerja dan modal, saya rasa kita tidak boleh benarkan itu kerana ia menyebabkan sesuatu perancangan itu dianggap gagal di peringkat perancangan lagi.

Jadi, kalau masih ada lagi projek-projek yang dirancang tidak boleh- tidak *take-off*, belum bermula lagi sehingga sekarang sudah dua tahun lebih, jadi saya rasa amat wajar- bermaksud, projek itu kalau tidak adapun, tidak apa. Jadi, biarlah perancangan-perancangan baru seperti yang disebut dalam rangka Kajian Separuh Penggal ini dimasukkan untuk mengisi keperluan-keperluan penting seperti bekalan air contohnya, seperti yang disebutkan tadi, masalah keselamatan negara, tidak dapat tidak, mesti diperkemas.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ucapan-ucapan kita di dalam Dewan ini menjadi perhatian, diambil nota. Perkara yang baik diterima, yang tidak baik ditegur, tidak jadi masalah pada kita. Saya dengan ini menyokong hasil Kajian Separuh Penggal, RMKe-12 ini dan menyokong langkah-langkah yang akan diambil seterusnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

3.19 ptg.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Berucap dalam bahasa Arab] Saya berterima kasih atas izin Tuan Yang di-Pertua untuk ikut serta dalam membahaskan hasil Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kedua Belas.

■1520

Pada hemat saya, perbincangan ini pada saya sangat penting kerana Rancangan Malaysia Ke-12 merupakan satu titik tolak, satu babak baharu dalam sekurang-kurangnya konteks. Pertama ini ialah ujian besar kerajaan baharu yang diberi amanah oleh rakyat. Rakyat tentulah menunggu-nunggu bagaimanakah pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas benar-benar membayangkan atau menunjukkan berlaku suatu transformasi dalam soal ekonomi, sosiobudaya, politik dan sebagainya.

Kedua, babak baharu ini juga ditandai oleh era pasca COVID-19 kerana dalam tempoh pasca COVID-19 ini kita menghadapi tantangan, menghadapi cabaran besar untuk melaksanakan pelbagai program pembangunan negara. Rancangan Malaysia Kedua Belas ini juga ataupun Kajian Separuh Penggal ini juga harus dilihat sebagai suatu titik tolak untuk kita bermuhasabah tentang penilaian terhadap kejayaan pelaksanaan dasar-dasar negara.

Ketiga, untuk melakukan satu perancangan strategi yang lebih ampuh bagi menjayakan program-program pembangunan dalam segala bidang yang telah dirancang.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya tegaskan sebagai mukadimah ataupun *preamble* ini ialah soal keperluan untuk semua pihak, termasuk kerajaan melihat bahawa pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 ini merupakan suatu kesinambungan dasar-dasar negara yang sudah pun dimulakan sejak kemerdekaan tercapai. Apa yang ada hendaknya kita melihat satu transformasi atau satu reformasi yang tidak memutuskan tali kesinambungan.

Ini penting kerana pembangunan negara kita berdasarkan falsafah pembangunan yang ampuh, yang holistik, dengan demikian pembangunan dalam rangka Rancangan Malaysia Kedua Belas masih perlu dilihat sebagai suatu pelaksanaan pembangunan negara yang pertama-tamanya holistik aspek fizikal dan aspek dalaman ataupun kerohaniannya. Jangan sampai ada ketinggalan dalam aspek-aspek tertentu, terutamanya dalam soal pembangunan kerohanian, pembangunan kejiwaan dan pembangunan keperibadian.

Ini saya kira penting walaupun perhatian yang sangat besar diberikan lebih kepada soal kejayaan berkaitan dengan dasar-dasar ataupun program pembangunan fizikal. Ini penting kerana kita masih lagi dihambat oleh isu-isu berterusan atau boleh kita katakan isu-isu tertunggak, iaitu seperti contoh, jurang ekonomi antara kaum atau wilayah, antara kumpulan sosial. Ini merupakan program ataupun rancangan ekonomi yang tidak dapat tidak mesti bertitik tolak daripada dasar utama negara.

Saya masih melihat keyakinan bahawa Dasar Ekonomi Baru yang berteraskan usaha untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semua masyarakat Malaysia itu masih tetap relevan sampai bila-bila pun. Kemiskinan bukan hak milik kaum tertentu. Maka itu, membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum masih tetap harus menjadi perjuangan dan pegangan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas dan seterusnya.

Demikian juga soal penyusunan semula masyarakat Malaysia yang masih lagi membayangkan bibit-bibit ketidaksetaraan dalam soal antara kaum ataupun wilayah dan antara kumpulan sosial. Ini harus terus digerakkan dalam melaksanakan tempoh baki Rancangan Malaysia Kedua Belas hingga tahun 2025.

Demikian juga Tuan Yang di-Pertua dalam soal perpaduan kebangsaan. Meskipun telah ada buku *Dasar Perpaduan Negara 2021* dan kita sudah melaksanakan pelbagai program tetapi nampaknya perpaduan masih rapuh. Sebahagian kerapuhan itu disebabkan golongan-golongan tertentu terutama golongan ahli politik yang dilihat banyak menimbulkan masalah kekeliruan di kalangan rakyat umum. Apa itu erti perpaduan kalau dalam kalangan pimpinan politik tidak dapat meraikan erti perpaduan dengan lebih padu dan jitu. Ini saya kira perlu diberi perhatian.

Demikian juga dalam soal pendidikan. Tadi disebut soal STEM. Kita menghadapi saat-saat genting untuk melahirkan golongan usahawan, golongan teknokrat dan golongan pembangun negara. Tetapi dengan merosotnya pelajar yang memilih aliran STEM, aliran sains teknologi kepada 22 peratus ataupun dilaporkan media 25 peratus, ini merupakan suatu krisis besar dalam pendidikan negara yang mesti terus ditangani oleh pihak Kementerian untuk diatasi masalah jurang yang semakin melebar dalam soal aliran pengkhususan pelajar.

Dalam pada kita membincangkan soal kekurangan pelajar yang masuk dalam aliran sains sebagai contoh, ini tidak harus menafikan keperluan pelajar kita diasuh dan dididik secara bersepadu. Jangan sampai aliran sains menyebabkan pelajar sains menjadi rabun atau menjadi buta dalam soal sastera. Sastera ialah santapan jiwa. Baik ahli falsafah, ahli sejarah atau ahli sains memerlukan sastera sebagai penghalus budi. Ini salah satu punca mengapa berlaku masalah merosotnya adab, merosotnya budi bahasa kerana soal penghalusan budi seakan-akan terketepi bagi kalangan pelajar yang memilih ataupun dipilih dalam bidang sains dan dalam bidang teknologi.

Ini bagi saya suatu krisis identiti yang besar yang di dunia barat pun tidak berlaku sebenarnya pemisahan. Golongan teknologi masih tetap menghayati sastera, seni bahasa dan seni budaya, supaya kita dapat melahirkan anak didik profesional yang bersepadu.

Ini saya kira perkara besar yang juga berkaitan dengan soal Kementerian Pendidikan, masih perlu terus menghalusi penerapan dasar ataupun Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang sudah saya singgung dua hingga tiga kali dalam sidang-sidang Dewan Negara sebelum ini.

Jadi, kalau Falsafah Pendidikan Kebangsaan masih tetap menjadi teras tetapi bagaimana pelaksanaannya di peringkat sekolah dan peringkat IPT? Adakah masih lagi berlaku merentas yang dikatakan ilmu merentas kurikulum, nilai murni merentas kurikulum, bahasa kebangsaan merentas kurikulum dan kemahiran berfikir kritis dan kreatif merentas kurikulum.

Andai kata ini tidak berlaku dengan jelas dalam sistem pendidikan maka kita kembali kepada sistem yang berpetak-petak semula. Ertinya tidak ada kesepaduan. Ini akhirnya menjadikan kita melahirkan lepasan sekolah atau lepasan universiti yang sebenarnya terpecah-pecah menurut bidang dan tidak ada penghayatan ataupun tidak ada jati diri yang berteraskan konsep insan, iaitu aspek kejiwaannya.

Demikian juga saya melihat soal di IPT. Kita masih lagi terperangkap. Ini juga telah saya timbulkan tetapi telah dijamin oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi. Soal *ranking* yang menjadi keutamaan sehingga soal kesukarelawanan dalam kalangan warga kampus sudah semakin merosot.

Soal hubungan sosial sudah makin merosot kerana tumpuan perhatian lebih mengejar *ranking* yang diatur oleh sebenarnya dalam bentuk yang saya nyatakan, dengan izin, *neocolonialism*. Suatu bentuk penjajahan yang berbentuk baharu, diatur oleh syarikat-syarikat antarabangsa dan para sarjana yang menulis jurnal berimpak tinggi membayar ribuan Ringgit. Dahulu kita menulis, kita dibayar. Sekarang kita hendak menulis, kita membayar dan seakan-akan hingga kini Kementerian Pendidikan Tinggi belum ada lagi satu badan pengindeksan setempat atau serantau.

Kita masih bergantung pada ISI, Scopus dan segala macam. Maka MyCite yang ada di Malaysia itu tidak diiktiraf sebagai terbitan yang berimpak tinggi. Jadi, saya menyeru, mengharapakan Kementerian Pendidikan Tinggi mengusahakan satu- badan pengindeksan untuk jurnal dan penerbitan ilmu, khususnya dalam Bahasa Melayu. Barulah dapat kita martabatkan nilai ilmu yang disampaikan dalam bahasa negara kita. Mungkin paduan kerjasama dengan pihak Indonesia, Brunei Darussalam dan negara lain yang berbahasa Melayu akan dapat mengatasi masalah ini. Ini sudah pun dibengkelkan baru-baru ini di UM atas permintaan KPT.

Saya terus Tuan Yang di-Pertua, pada hal yang agak lebih spesifik. Dalam soal pelaporan prestasi ekonomi, saya juga mengucapkan tahniah kerana dilaporkan bahawa KDNK telah mencapai pertumbuhan 5.9 peratus lebih daripada sasaran yang ditetapkan.

■1530

Namun beberapa hal yang masih perlu kita singgung berkaitan dengan soal pencapaian ekonomi, sebagai contoh dalam konteks *Belt and Road Initiative* (BRI) atau dahulu OBOR. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Ekonomi, khususnya ataupun kerajaan. Sejauh mana program dalam *Belt and Road Initiative* (BRI) ini telah memberikan dampak dan impak yang besar pada pertumbuhan ekonomi kita, khususnya dalam konteks antarabangsa.

Ada lebih 150 buah negara menurut sedikit pembacaan saya yang terlibat dalam BRI. Jangan sampai BRI ini menjadi satu bentuk hegemoni yang pernah berlaku dalam pemerintahan kerajaan terdahulu, apabila dilancarkan pada 2013 oleh Presiden Xi Jinping. Maka kita beratkan soal hendak mendapat laba ekonomi dan kita menyerahkan beberapa hak negara.

Soal pajakan yang tak ketentuan tempoh, tidak ada program pemindahan teknologi- *transfer of technology*, pemindahan kemahiran- *transfer of skill*, ini perlu ditetapkan oleh negara dalam kita melayan ataupun menerima penglibatan dalam BRI.

Saya yakin kalau ada keteguhan sikap kita, BRI ini dapat menjadi sumber meningkatkan ekonomi negara daripada sumber antarabangsa. Perkara lain yang ingin saya sentuh ialah soal sejauh mana misalnya, soal kemajuan ataupun pembangunan peringkat wilayah atau dinyatakan sub-serantau. Dahulu kita ada SIJORI untuk kawasan Selatan- Singapura, Johor dan Riau. Kita ada BIMP-EAGA untuk Borneo, Kalimantan dan sebagainya. Kita ada IMGT untuk wilayah utara.

Saya ingin bertanya, sejauh mana badan-badan yang dahulunya dapat dimanfaatkan untuk pembangunan wilayah sempadan ini masih lagi diaktifkan. Kalau tidak, apakah program untuk mendukung dan menyokong pelaksanaan RMKe-12? Tentang pemerksaan dan pengoptimuman tanah rizab Melayu. Saya menyokong penuh tetapi ingin juga menimbulkan isu bahawa tanah rizab Melayu ini telah menjadi isu besar. Dicatat oleh pengkaji-pengkaji sosiobudaya, tinggal 12 peratus tanah rizab Melayu yang berbaki.

Jadi, kerajaan perlu melakukan sesuatu menggantikan tanah rizab yang telah digunakan untuk penggunaan negara dan sebagainya. Di samping mengoptimumkan, jangan sampai tanah rizab Melayu itu akhirnya menjadi kosong peratus. Ini suatu "pengkhianatan" pada salah satu peruntukan yang penting untuk orang Melayu.

Selanjutnya, yang ingin saya sentuh ialah soal dalam rangka tema melonjakkan kemapanan pemangkin dasar satu, soal bakat masa hadapan. Ada sedikit tadi disentuh soal industri kreatif dan saya kira ini satu bidang yang masih diberi perhatian berat dalam soal kita masuk ke era pendigitalan elektronik. Ini adalah satu bidang untuk kita memupuk bakat-bakat masa hadapan untuk mengaktifkan bidang industri kreatif, menjelmakan pelbagai produk kita.

Soal ilmu, ilmu watan kita dan seni budaya, jangan sampai kita terperangkap oleh budaya, asing, seperti Korea semata-mata dan kita hanya menjadi pengguna, *consumer* yang tidak menghasilkan seni budaya dalam konteks industri kreatif yang cocok, sesuai dengan jati diri Malaysia kita.

Kedua, ingin saya sentuh dalam soal ini juga ialah soal- saya sentuh dalam sidang yang lepas, iaitu bagaimanakah sebagai contoh agensi kerajaan seperti MARA yang memang khas untuk membentuk usahawan Melayu-Bumiputera. Memang dilaporkan dalam jawapan pertanyaan saya itu sekian banyak usaha yang telah dibuat. Tetapi yang penting kita hendak melihat hasilnya dalam bentuk yang ketara yang jelas.

Sudah berapa banyak muncul usahawan desa sebagai contoh. Betul. Ada tadi industri desa sudah sebut atau "*cottage industry*" dan sebagainya tetapi adakah ini sudah menjelmakan suatu budaya baru, membentuk golongan usahawan dalam kalangan masyarakat, termasuk lepasan universiti yang tidak boleh lagi bergantung pada soal makan gaji.

Ini pengalaman saya lima, enam tahun bertugas di China, keusahawanan sangat diberi penegasan. Tidak semestinya mahasiswa mesti makan gaji. Mereka mesti menjadi usahawan sendiri. Ini bagi saya mesti dikembangkan dan MARA patut sudah dapat membina mungkin sebuah kampung- satu bentuk industri. Saya dahulu merujuk kepada soal budaya Cina yang cukup positif. Mereka ada konsep budaya perniagaan keluarga dan ini akan dapat mengatasi masalah ekonomi dan masalah sosial sekali gus.

Terkait dengan itu ialah soal kita mempunyai kekayaan manuskrip Melayu lama yang jumlahnya sekitar 40,000. Sebanyak 20,000 sahaja terdapat di Universiti London yang memaparkan pelbagai bidang, perubatan etno, teknologi etno, sains etno, seni bina dan sebagainya. Saya kagum kerana perubatan tradisi China dapat diangkat mendunia kerana ada usaha untuk mengangkatnya dan dipadukan dengan pertumbuhan-perubatan moden. Bagaimana etno perubatan Melayu yang juga terkenal itu tidak dapat diangkat dengan puluhan kitab *tib*, kitab perubatan dalam bahasa Melayu.

Ini memerlukan komitmen kerajaan untuk melantik pakar-pakar dalam pelbagai bidang, mengkaji ilmu watan dalam puluhan ribu- manuskrip itu diangkat dan disejajarkan dengan perkembangan zaman. Ini yang dilakukan oleh masyarakat di luar negara kita tetapi kita masih hanya bangga, kita ada 40,000 manuskrip bertebaran seluruh dunia.

Tetapi kebanggaan itu tidak memberikan apa-apa makna. Kita tidak memanfaatkan ilmu dalam puluhan ribu- manuskrip itu dan tidak dipadukan dengan perkembangan ilmu terkini. Jadi, saya berharap ada satu komitmen kerajaan melalui kementerian berkaitan, untuk memberikan perhatian kepada usaha mengkaji, mengerjakan dan menerbitkan karya-karya ilmu dalam manuskrip Melayu lama yang jumlahnya lebih kurang 40,000 buah.

Perkara lain yang ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah soal tata kelola dan rangka kerja industri. Barangkali seperti apa yang disebut oleh Senator Datuk Wira Dr. Hatta tadi soal kepincangan dan pelaksanaan mungkin sebahagian saya kira masih lagi terkait dengan soal kerenah birokrasi.

Jadi pada hemat saya, Jabatan Perkhidmatan Awam perlu menilai semula bagaimanakah sistem birokrasi ini dapat disingkatkan, dapat dipermudah supaya pelaksanaan program-program ini tidak terhambat oleh sebab kita terjebak oleh sistem pentadbiran yang lapuk, yang lama, yang sudah tidak sesuai dengan keperluan zaman.

Kedua, hendak saya sentuh soal khusus tentang soal pembudayaan masyarakat Madani. Saya juga menyebutkan soal ini dalam sidang-sidang yang lepas. Sejauh mana secara tuntas pendekatan pembudayaan masyarakat Madani ini dilakukan oleh setiap kementerian, setiap jabatan, setiap agensi, sekolah, IPT dan sebagainya ataupun adakah ini hanya cukup dengan laungan dengan ucapan "Salam Malaysia Madani" tanpa penghayatan, tanpa tahu apa makna Madani, masyarakat yang bertamadun dan tamadun yang penting yang luas ertinya.

Bercakap soal kebudayaan, sosial, politik, ekonomi, sains, teknologi dan ini adakah sudah benar-benar digerakkan oleh kerajaan untuk membudayakan, memasyarakatkan makna Madani dengan pengertian yang bersifat terapan terutama dalam bidang pendidikan. Jadi itu yang paling penting. Khusus dalam perpaduan saya juga melihat tadi seperti yang saya sebut sudah ada dasar buku, buku Dasar Perpaduan Negara, tetapi kita masih lagi menyaksikan perpaduan masih menjadi suatu masalah besar di negara kita.

Ini memerlukan satu perhatian berat dan bukan sahaja dalam kalangan pelajar, tetapi yang lebih penting masyarakat seluruhnya dan maka itu saya menyokong Program Kembara Perpaduan ke seluruh negara, tetapi pengisiannya saya kira harus dirincikan jangan sampai bersifat kosmetik, jangan hanya bersifat program-program tempelan tetapi tidak merakyat, tidak dijiwai dan ini memerlukan sokongan ilmuwan dan para budayawan untuk membantu pengisian Kembara Perpaduan.

Yang akhir Tuan Yang di-Pertua izinkan saya menyentuh soal pertanian moden. Kita melawat negara jiran terdekat sebagai contoh Thailand dan saya kagum dengan teknologi dan pelaksanaan program pertanian di negara jiran kita Thailand. Maka kita harus mencari contoh bagaimana pertanian moden itu dapat digerakkan untuk mengatasi masalah kekurangan atau krisis keperluan makanan asas dan keperluan-keperluan berkaitan dengan keperluan rakyat kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, demikianlah isi perbahasan saya sekadarnya dan dengan ini saya juga menyokong hasil Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-12 dengan cacatan perkara-perkara yang penting kita bincangkan dan kita bahaskan itu bukan sebagai hanya suatu retorik ataupun perbahasan untuk *mental exercise* tetapi hendaklah diberi perhatian berat oleh kerajaan dan patut ada wakil Yang Berhormat Menteri sini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang atas ucapan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

■1540

3.40 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Hari Malaysia Ke-60, salam Malaysia Madani, salam *segulai sejalai*.

Sebelum saya menyentuh perkara Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), saya akan beri perhatian Dewan yang mulia ini mengenai bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong berkenaan berdua berjaya menyertai misi 'Kembara Kenali Borneo' dari Sabah ke Sarawak. Baginda memandu kereta sepanjang jalan raya, Lebuhraya Pan Borneo melebihi 2,000 kilometer dari Tawau di Sabah merentasi Brunei, berakhir akhirnya di Telok Melano di Sarawak. Rakyat...

Tuan Yang di-Pertua: Jarak 2,200 kilometer... [Ketawa]

Datuk Paul Igai: Ya, 2,154 kilometer sebenarnya. Rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak sangat terharu dan ini menunjukkan kesetiaan mereka kepada Raja. Beribu-ribu rakyat menyambut ketibaan Raja kita.

Tuan Yang di-Pertua, *I really feel great to be a Malaysian during that time. Looking at my King going around driving their empat-ronda*. Baginda memanglah Raja untuk rakyat Malaysia. So, tunjukkan itu *actually* bermakna sekali di Sarawak. *I really feel it*. Beribu-ribu orang di sepanjang jalan menerima Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan menyentuh sedikit sebanyak Kajian Separuh Penggal perbelanjaan bajet yang diluluskan pada 21 Oktober tahun 2021 lalu. Tambahan untuk memperkasa sempadan Sabah dan Sarawak iaitu RM1 bilion dalam usaha negara jiran iaitu Indonesia yang telah memutuskan usaha memindahkan ibu kota negara mereka ke kawasan berhampiran sempadan Malaysia di Sabah dan Sarawak. Negara jiran itu telah membina sempadan dengan kemudahan infrastruktur. *Very modern, I seen it*. Jalan mereka bagus sangat, *high standard*.

Saya sokong penuh pernyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa beliau tidak mahu negara kita Malaysia ketinggalan dalam kemajuan di sempadan Sabah dan Sarawak di Kalimantan. Kita perlu sokong untuk peruntukan ini dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dan juga di Rancangan Malaysia akan datang juga, tetapi saya mohon apakah senarai atau detil projek yang akan dibina untuk wilayah masing-masing iaitu Sabah dan Sarawak?

Mengenai sekolah daif. Cerita projek pembinaan atau pengubahsuaian sekolah daif adalah macam *old newspapers*, surat khabar lama. Saya berasa kagum juga dengan *very happy to know*, dengan izin, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan persiapan kesemua pelaksanaan projek sekolah daif mestilah diselesaikan secepat- bukan mungkin, secepatnya.

Mengenai *Malaysia Agreement 1963* (MA63) bukan lagi dirunding, tetapi untuk dilaksanakan. Apa yang dijanjikan dan juga dimaterai akan dilaksanakan. Inilah kenyataan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, balik ke sempadan tadi. Senario di sempadan Borneo sekarang memanglah berlainan daripada dulu sebelum Indonesia akan berpindah ibu kotanya ke Kalimantan. Adakah pasukan PDRM mampu memantau sempadan ini? Adakah kerajaan akan mengkaji semula untuk penjagaan keselamatan sempadan kita itu? Adakah aset terkini mencukupi arau ditambahkan lagi?

Mengenai peningkatan kemahiran tenaga kerja berkaitan kemahiran *our upskilling* kepada tenaga kerja tempatan. Dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-12 itu, apa pencapaian dalam kejayaan untuk meningkatkan kemahiran tenaga tempatan khususnya dalam usaha kerja yang diuruskan oleh syarikat gergasi dan berteknologi tinggi khususnya *company-company* di negara asing, di luar negara Malaysia? Adakah pencapaian setakat ini memuaskan? Apa langkah sedang dan akan diambil untuk meningkatkan lagi *upskilling* dan teknologi *transfer*, dengan izin?

Dalam jumlah 1,200 buah klinik yang akan dinaik taraf, berapakah jumlah klinik itu di Sarawak dan di Sabah? Apakah pencapaian dalam usaha untuk menaik taraf klinik itu? Apakah cabaran melibatkan pelaksanaannya?

Mengenai projek yang luluskan dahulu dan lama, kenapakah projek lama ini dibatalkan? Minta penjelasan senarai apakah projek tersebut dan adakah projek itu melibatkan projek di Sarawak?

Mengenai juga cukai yang baharu iaitu cukai keuntungan modal yang akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ada lebih 170 buah negara yang mengekalkan penggunaan cukai dengan sistem *Goods and Services Tax (GST)*, dengan izin, adakah dan bilakah kerajaan berhasrat, bercadang mengambil balik GST dengan kadar lebih rendah? Mungkin rendah daripada enam peratus yang dahulu.

Terakhir, isu jenayah dan ancaman keselamatan siber. Ini selalu mengancam kesejahteraan rakyat kita. Hingga bulan Ogos tahun 2023, mengikut pusat tindak balas keselamatan siber, ada 2,400 kes penipuan- itukah *scam*? Sebanyak 3,906 kes pencerobohan atau *cyber attack*, 378 berkaitan kandungan yang mengancam keselamatan- *safety*, dan 369 - kes berniat jahat.

■1550

Hal ini membuktikan kesedaran awal dalam kalangan pengguna sistem internet masih rendah. Juga, sekarang banyak yang orang memandang penjenayah ini memakai *artificial intelligence* untuk melakukan kegiatan jenayah secara lokal yang dia dapat apakah-apa yang mengancam kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan-kerajaan perlulah mewujudkan dan melaksanakan pasukan nukleus yang mengumpulkan pakar di setiap jenis lapisan pengawal yang khusus di peringkat strategik, peringkat operasi dan peringkat praktik bagi mencegah dan mengawal pelbagai isu yang melibatkan keselamatan siber dalam pasukan pertahanan negara khususnya pasukan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

Juga, Kementerian Pendidikan perlulah melaksanakan *syllabus* berkenaan dengan kepentingan keselamatan siber daripada peringkat pendidikan kepada pendidikan sekolah rendah kepada universiti. Dalam usaha ini juga, Tuan Yang di-Pertua, langkah akan diambil untuk menyemak semula undang-undang yang ada dan undang-undang yang sudah lapuk. Inilah hasil, satu hasil daripada penemuan kajian Jawatankuasa Pilihan Khas Kesejahteraan Rakyat Dewan Negara, baru-baru ini dan juga untuk mengkaji bilangan undang-undang yang dianggap juga lapuk dan perlu disemak semula. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead.

3.52 ptg.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Salam hormat dan selamat petang yang dimulakan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian.

Sebelum meneruskan perbahasan saya di Dewan yang mulia ini, seperti yang dibahaskan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, saya ingin mengambil kesempatan juga untuk menjunjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri serta anakanda-anakanda kerana menjelajah ke negeri Sabah dan Sarawak melalui Kembara Kenali Borneo baru-baru ini.

Lawatan ini adalah sangat bermakna kepada kami rakyat Sarawak agar Yang di-Pertuan Agong memahami dan mengalami sendiri bahawa di luar daripada kemudahan jalan Pan Borneo ini, kemudahan-kemudahan infrastruktur rakyat Sarawak, masih jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Semoga lawatan ini mengeratkan lagi silaturahim di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak selari dengan tema Hari Malaysia kita baru-baru ini, "*Malaysia MADANI : Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan.*"

Saya ingin terus fokus kepada fokus utama Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu memperkukuhkan kemapanan. Saya ingin menyentuh tentang tumpuan kepada tumpuan lapan iaitu peningkatan pembangunan luar bandar. Dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 ini yang memberikan fokus dan komitmen kepada agenda pembangunan negara Kerajaan Perpaduan, dengan kerangka Ekonomi MADANI, memperkasakan rakyat yang disokong ialah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), saya amat berharap kita mampu meletakkan kedudukan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat kita di kedudukan yang betul dan strategik.

Langkah-langkah negara dan menaiktarafkan infrastruktur-infrastruktur yang sedia juga perlu dititikberatkan. Pembangunan dan menaik taraf infrastruktur-infrastruktur asas khasnya bagi kawasan-kawasan yang diagakkan kurang *economy value*, dengan izin, perlu juga diberikan perhatian. Tiga masalah infrastruktur utama yang sudah sinonim dengan Sarawak iaitu jalan raya, bekalan air yang terawat dan bekalan elektrik.

Pembinaan infrastruktur-infrastruktur baharu hendaklah selari dengan proses kenegaraan dan menaik taraf infrastruktur yang sedia ada. Di bawah DUN Meradong, kawasan Parlimen Sarikei, Sarawak contohnya, kawasan ini telah sekian lama mengalami masalah air. Sistem bekalan air yang sedia-ada tidak berfungsi dengan baik. Saya menyeru agar kementerian yang bertanggungjawab untuk mengambil perhatian akan permasalahan ini. Masalah bekalan air ini betul-betul menjejaskan kehidupan penduduk-penduduk di sini.

Mereka terpaksa mencuci baju di kedai dobi dan membeli air minuman untuk keperluan harian mereka. Pendapatan mereka juga terjejas kerana kebanyakan mereka iaitu para petani dan penternak. Air merupakan keutamaan bagi mereka untuk menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan seperti menyiram sayur-sayuran dan menternak ayam dan itik.

Ini secara langsung telah menjejaskan dan meningkatkan kos sara hidup mereka. Jadi, saya ingin memohon kepada kementerian-kementerian yang berkenaan untuk membantu penduduk di DUN Meradong, kawasan Parlimen Sarikei ini. Selain daripada itu, saya ingin mewakili rakyat Meradong yang terjejas dengan isu bekalan air ini dengan menggesa kepada kerajaan Sarawak untuk menyegerakan 55 buah projek bekalan air dengan kos yang berjumlah RM500 juta bagi kawasan Parlimen Sarikei seperti apa yang telah dijanjikan dan diumumkan pada Jun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, 17 anjakan baharu dan 71 inisiatif utama sebagai pemangkin yang diunjurkan melalui Kajian Separuh Penggal RMKe-12 telah diunjurkan. Saya amat bersetuju akan negara memberikan tumpuan yang paling utama kepada pembangunan ekonomi. Sekali lagi saya ingin tegaskan di sini, Sarawak antara penyumbang ekonomi terbesar bagi negara harus diberikan keutamaan daripada segi pembangunan infrastrukturnya.

Bagaimanakah kita mahu mempergiatkan aktiviti ekonomi kita tanpa infrastruktur yang berkaitan? Lebuhraya Pan Borneo secara amnya telah memberikan kemudahan kepada banyak penduduk Sarawak dan Sabah. Namun, apa yang ingin saya utamakan di sini ialah ada segelintir pekan-pekan yang telah terjejas daripada segi ekonomi akibat reka bentuk Lebuhraya Pan Borneo ini. Kedudukan 'P-turn', dengan izin yang jauh, telah mengakibatkan pengaliran ekonomi ke tempat lain.

Pekan Jakar, di bawah Repok kawasan Parlimen Sarikei contohnya, ramai penduduk setempat telah datang dan mengadu kepada saya mengatakan bahawa perniagaan mereka terjejas teruk akibat reka bentuk Lebuhraya Pan Borneo ini. Sebanyak 30 lebih pemilik kedai perniagaan termasuk *supermarket*, kopitiam dan stesen minyak telah terjejas. Industri pelancongan di Pekan Jakar yang terkenal dengan mi udang, kopi 'O', *shumai* dan sebagainya juga terus terjejas.

Ramai penduduk terutamanya kaum belia dari pekan ini juga terpaksa berhijrah ke bandar-bandar besar kerana peluang pekerjaan telah berkurang. Keadaan mereka sangat mendesak sehingga penduduk Pekan Jakar telah mendesak saya untuk menyampaikan surat kepada Yang di-Pertuan Agong semasa lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru-baru ini.

Persoalan saya ialah apakah komitmen RMKe-12 dalam membantu ekonomi-ekonomi penduduk-penduduk yang telah terjejas sama ada di Sarawak mahupun di Sabah akibat reka bentuk Lebuhraya Pan Borneo. Dengan berlandaskan prinsip inklusif, saya berharap Kerajaan MADANI akan memberikan perhatian kepada isu ini. Tuan Yang di-Pertua, tumpuan lapan mengenai peningkatan pembangunan luar bandar yang memberikan fokus kepada perluasan liputan jalur lebar di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA). Perancangan revolusi teknologi telekomunikasi dan multimedia tambah khas ini, internet menjadikan perkara penting dalam kehidupan kita.

Pelbagai sektor memerlukan internet untuk menjalankan urusan mereka. Ini termasuklah sektor perniagaan, pengangkutan, perbankan, pendidikan dan sebagainya.

■1600

Rangkaian Internet perkhidmatan 5G akan membolehkan pelanggan menikmati kualiti dan pengalaman perkhidmatan yang lebih baik ketika melayani internet dan aset perkhidmatan dalam talian yang lain.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pada Jun 2022, Utusan Sarawak melaporkan bahawa, liputan 4G di Sarawak dijangkakan akan mencapai kuota 100 peratus menjelang 2023. Akan tetapi, malangnya saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa banyak kawasan pedalaman Sarawak masih belum mempunyai jaringan internet. Masalah capaian internet yang lemah merupakan isu besar bagi orang ramai yang tinggal di kawasan pedalaman, terutamanya golongan warga emas. Sebagai contoh, bila berlaku kecemasan seperti kemalangan, kebakaran dan kecederaan yang memerlukan rawatan segera, sudah tentu sukar bagi mereka untuk mendapatkan bantuan khidmat kesihatan tanpa perkhidmatan komunikasi.

Jelas bahawa liputan internet amat penting ketika kita semua beralih kepada norma baharu. Cabaran yang kita hadapi hari ini adalah untuk mengurangkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar. Kemudahan internet haruslah disediakan kepada semua rakyat, terutamanya di kawasan luar bandar yang sering kali berhadapan dengan masalah perkhidmatan internet yang asas.

Pada pendapat saya, pembangunan internet di Sarawak haruslah diberikan keutamaan. Justeru, kerajaan perlu mengutamakan dan menyegerakan pembinaan infrastruktur baharu serta melakukan naik taraf kemudahan sedia ada. Kerjasama dan inisiatif antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dan syarikat perkhidmatan telekomunikasi perlu diadakan supaya pelbagai halangan serta cabaran seperti masalah kadar sewaan JENDELA yang tinggi dapat diselesaikan segera.

Infrastruktur dan capaian internet perlu diperluaskan di seluruh negara, termasuk kawasan pinggir bandar, kawasan luar bandar dan tidak hanya tertumpu di negeri maju atau di bandar sahaja kerana internet sudah menjadi sebahagian keperluan dunia di hujung jari demi mempertingkatkan lagi tahap kesalinghubungan dan kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara. Saya amat berharap agar kerajaan juga turut menyegerakan segala usaha untuk membendung cabaran-cabaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang berkaitan dengan fokus untuk mencapai negara-negara berpendapatan tinggi, tumpuan T24 *high growth high value*, dengan izin, pertanian dan industri asas tani, saya ingin menyatakan mengenai prospek pertanian bagi negeri Sarawak. Seperti yang kita sudah sedia maklum, Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia.

Sarawak juga mempunyai sumber alam yang kaya. Namun begitu, melalui angka-angka yang dilaporkan, Sarawak masih mempunyai banyak tanah yang masih *under utilized*, atau kurang dimanfaatkan.

Saya ingin menyeru kepada Kerajaan Madani untuk mengambil langkah-langkah yang lebih serius, untuk membuka peluang-peluang untuk meningkatkan hasil pertanian di Sarawak, khususnya. Kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta syarikat-syarikat swasta perlu dipergiatkan untuk membantu meningkatkan hasil dan pertanian kita. Dasar dan polisi yang berkaitan dengan pertanian negara perlu bersifat anjal, mampan, holistik, produktif, inklusif dan menguntungkan semua pihak.

Fungsi jentera-jentera kerajaan yang berkaitan dengan pertanian juga perlu dikaji semula dan dikemaskinikan. Program-program seperti corak Agro Madani yang dijalankan oleh pusat khidmat saya dengan FAMA di Bintangor baru-baru ini telah memberikan impak yang memberangsangkan. Program yang saya rasa dapat meningkatkan pendapatan rakyat dan memberi peluang kepada rakyat untuk menikmati harga barang keperluan asas yang berpatutan harus diteruskan. Syabas kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan atas usaha ini.

Jurang eksport dan import bekalan dan keterjaminan makanan negara kian melebar. Saya merasakan negara kita akan mengalami krisis makanan, sekiranya kita tidak mengambil langkah-langkah yang serius di dalam menangani jurang ini. Kerajaan memberikan jaminan bahawa sekuriti makanan kita masih lagi di tahap yang selesa.

Namun, kalau kita mengikut rungutan daripada penduduk-penduduk kita, perkara sebaliknya pula yang berlaku. Terbaru ini, rakyat merungut kerana harga beras import telah meningkat dan beras tempatan sukar untuk didapati. Kalau sebelum ini, bekalan daging, ayam dan bahan-bahan kering kerap terjejas. Sampai bekalan telur pun boleh *out of stock*.

Selain daripada itu, saya ingin tahu, apa langkah-langkah, program-program atau projek-projek pertanian yang khusus yang Kerajaan Madani akan berikan pada Sarawak, khususnya kawasan Parlimen Sarikei? Apa langkah-langkah yang akan diambil untuk menggalakkan penglibatan belia-belia, masyarakat B40 dan M40 untuk menceburi sektor pertanian?

Sebagai seorang belia, saya berpendapat, *smart farming*, dengan izin, merupakan satu kaedah pertanian yang saya rasa perlu dijadikan tumpuan bagi membantu para petani kita, bagi meningkatkan sumber pendapatan para petani kita. Saya juga ingin tahu mengenai Geran Agropreneur Muda (GAM)? Berapakah kuota yang diberikan kepada masyarakat atau rakyat di kawasan Parlimen Sarikei?

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang fokus yang pertama iaitu memperkukuhkan kemapanan yang memberikan penekanan kepada pembangunan bandar mapan. Apa yang ingin saya bangkitkan iaitu mengenai langkah kerajaan mengambil berat tentang SDG, iaitu *sustainable development goals*. Saya gembira kerana Kajian Separuh Penggal RMKe-12 ini memberi fokus yang serius kepada pembangunan SDG di negara kita. Kadar kesedaran SDG di negara kita masih lagi di tahap belakang.

Corak-corak pertanian kita pun masih lagi dengan cara penebangan, pembersihan tanah dan pembakaran secara terbuka yang tidak lestari, masih diamalkan secara berleluasa di negara kita. Saya mendapati, masih ramai lagi di kalangan rakyat kita yang masih tidak memahami prinsip-prinsip SDG ini.

Jadi, saya ingin mencadangkan agar kerjasama di antara kerajaan dan NGO serta syarikat swasta yang memperjuangkan prinsip-prinsip SDG terus diperkembangkan. Saya merupakan ketua SDG kepada sebuah badan NGO, iaitu JCI Malaysia- *Junior Chamber International* dengan tugas bagi mempromosikan program-program dan projek-projek yang memberikan penekanan kepada SDG di Malaysia. Program yang dijalankan seperti program pendidikan kesedaran SDG di sekolah, iaitu Taman SDG, program *Cleanup Day* dan sebagainya.

Program anugerah SDG iaitu *Sustainable Development Award* (SDA) juga kami adakan terus setiap tahun demi meningkatkan kesedaran di kalangan pihak swasta. Hal ini adalah untuk menghalakan pihak swasta untuk mempromosi dan mengamalkan SDG di dalam organisasi mereka. Oleh itu, saya ingin menyeru agar kerajaan bekerjasama dengan lebih banyak NGO, untuk mempromosikan SDG ini di Malaysia, dan memberikan kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai manfaat SDG di *society* kita. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan memberikan *tax exemption* dengan izin, kepada pihak swasta yang mengamalkan dan mempromosikan SDG.

Akhirnya, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda.

4.08 ptg.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Berucap dalam bahasa Arab]*

Pertamanya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberikan untuk turut sama usul Kajian Separuh Penggal RMKe-12. Kajian ini sudah tentulah sebagai bertujuan untuk menyemak semula dasar strategi dan sasaran secara menyeluruh bagi memastikan kajian RMKe-12 itu tidak lari ataupun tidak berbeza daripada cabaran semasa ini.

Kalau kita melihat dalam RMKe-9 ini, kita dapati bahawa jumlah siling peruntukan yang ditetapkan telah dinaikkan daripada RM400 bilion kepada RM415 bilion. Jumlah ini kalau kita buat secara perbandingan, berbanding dengan RMKe-10, hanya RM230 bilion, RMKe-11 sebanyak RM248.5 bilion, sudah tentulah peruntukan pada kali ini begitu besar.

■1610

Akan tetapi persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak- daripada RM415 bilion ini untuk pelaksanaan projek-projek baharu dan berapa banyak untuk projek-projek lanjutan atau pun projek-projek sambungan? Ini kerana kalau terlalu banyak kita menghabiskan peruntukan untuk projek-projek sambungan maka ini menunjukkan prestasi atau pun perancangan-perancangan kita ini perlu diperbaiki.

Kalau kita melihat kepada dasar-dasar yang telah pun kita adakan, kalau kita masih ingat Wawasan 2020 yang dilengkapkan dengan Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wawasan Negara, Dasar Transformasi Negara dalam tempoh 30 tahun, walaupun dikatakan tempoh sasaran Wawasan 2020 itu tidak berjaya kita capai tetapi peningkatan dalam banyak perkara itu telah dapat kita penuhi, tetapi saya melahirkan sedikit kemusykilan dalam dokumen Kajian Separuh Penggal ini di mana Wawasan Kemakmuran Bersama yang saya fikir perlu untuk kita kekalkan.

Walaupun mungkin kerajaan sekarang ini membawa pendekatan yang berbeza, yang lebih menyeluruh tetapi wawasan yang telah dibuat oleh kerajaan-kerajaan terdahulu yang sudah tentulah sebahagiannya itu dirangka oleh pegawai-pegawai kita yang komited, yang bersengkang mata siang malam untuk menyiapkan dokumen ini, jadi saya fikir perkara itu tidak boleh kita lenyapkan. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 itu bagi saya harus dikekalkan supaya kesinambungan daripada pelaksanaan perancangan-perancangan terdahulu itu dapat kita kekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga ucapan Yang Berhormat Menteri Ekonomi pagi tadi, ada sedikit kekeliruan yang dibangkitkan oleh rakan-rakan dalam Dewan Rakyat iaitu dalam soal menokhtahkan kemiskinan tegar.

Dalam sasaran dalam dokumen ini, kalau kita rujuk dokumen besar ini, dokumen utama KSP RMKe-12 ini, memang diletakkan bahawa sasaran kosong atau pun sifar kemiskinan tegar itu iaitu pada tahun 2025, tetapi dalam teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat menyebut tentang tahun ini.

Jadi, saya ingat perkara ini juga perlu diperjelaskan. Ini kerana secara logiknya untuk kita menoktahkan 116,000 orang ketua isi rumah ini ialah suatu yang agak sukar, lebih-lebih lagi dalam tempoh yang begitu singkat.

Jadi, saya mencadangkan supaya kita *stick* dengan satu sasaran. Tahun 2025 sebagai sasaran yang jelas. Mungkin, kalau tengok pada *wording* atau pun ayat yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia menyebut, "*Dalam hujung tahun ini, ada sesuatu yang istimewa...*" Jadi, saya pun tidak jelas, adakah istimewa itu noktah kepada sifar atau pun mungkin ada program yang besar untuk diberikan kepada kelompok miskin tegar kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menghayati Malaysia Madani sebagai dasar yang kita selarikan dengan Kajian Separuh Penggal ini, suka saya untuk kita mengimbuai bahawa madani ini sememangnya mengambil semangat daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW dalam mengubah sebuah kota yang begitu mundur, yang berpecah, yang penuh dengan masalah iaitu Kota Yathrib, kepada sebuah bandar yang begitu maju, yang begitu hebat, yang menjadi satu kejayaan yang *monumental* kepada peradaban dunia ini iaitu mengubah Kota Yathrib pada Madinah *al-Munawwarah*.

Perubahan Kota Yathrib ke Madinah *al-Munawwarah* ini bukanlah semata-mata menukar nama. Kalau kita hanya mengubah slogan tetapi tidak ada *substance* atau kandungan atau pun *content* yang baik maka ia tidak akan membawa kepada kejayaan kepada negara, tetapi saya melihat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggunakan istilah 'madani' ini iaitu untuk kita mengambil semangat daripada kejayaan yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad. Antaranya, perkara pertama yang dibuat apabila Baginda berada di Madinah ini, selain daripada tukar nama ialah mendirikan sebuah pusat yang kita sebut sebagai masjid, yang bukan hanya menjadi tempat beribadah semata-mata tetapi juga menjadi pusat pentadbiran dan pusat perpaduan.

Lebih penting, Tuan Yang di-Pertua ialah perwujudan atau pun wujudnya Perjanjian Madinah atau pun Sahifah Madinah itu yang dianggap sebagai perlembagaan bertulis pertama dalam sejarah dunia yang dirangka, yang diadakan pada tahun 622 Masihi itu telah menjadi satu perubahan yang besar, menjadi satu titik tolak kepada peradaban dunia.

Kalau kita meneroka, melihat apa yang ditulis dalam Sahifah Madinah ini, sebahagian besar daripada *content* atau pun kandungannya ialah soal perpaduan. Disebut satu per satu kaum-kaum yang tinggal di Yathrib itu termasuk beberapa- etnik daripada kalangan kaum Yahudi, diberikan apa hak mereka, apa tanggungjawab mereka, peranan mereka supaya mereka melihat dan merasai bahawa mereka juga sebahagian daripada negara.

Semua itu memberikan signal yang jelas kepada kita, perkara paling asas dalam kita nak membina sebuah negara apatah lagi untuk kita memperbaiki negara kita ialah dengan perpaduan.

Saya memetik ucapan Perdana Menteri Kesembilan kita, Dato' Sri Ismail Sabri. Beliau menyebutkan, "*Buat pertama kali dalam sejarah, kerajaan dan pembangkang telah memeterai memorandum persefahaman untuk transformasi dan kestabilan politik. Ini ialah hasil dari dasar kerajaan yang inklusif.*" Ini ucapan Perdana Menteri kesembilan dalam membentangkan Rancangan Malaysia Kedua Belas pada September 2021. Beliau memulakan pembentangan itu dengan menyebut soal kestabilan dan sudah tentu saya fikir dalam keadaan kita nak menghabiskan RMKe-12 ini, perpaduan yang diberikan melalui MoU itu tadi seharusnya kita buat balik.

Saya dengar perbincangan di Dewan Rakyat, berulang kali beberapa Ahli Parlimen membangkitkan soal peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang. Saya fikir apakah susah sangat untuk kita duduk semeja, buat balik apa yang kita sudah buat dan peruntukan itu boleh diberikan sebagaimana sebelum ini dan itu sudah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya juga nak sentuh dalam kita membuat perancangan ini, sudah tentulah kita ada badan yang memantau. Kita tahu dalam pentadbiran kerajaan ini, yang paling besar yang memantau ini ialah kita rujuk dalam Arahan Nombor 1 iaitu Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara ini, yang biasanya diubah. Setiap kali Perdana Menteri baharu naik, ia akan ada Arahan Nombor 1 yang di-revise.

Saya rujuk Arahan Nombor 1 untuk Kerajaan Madani sekarang ini sudah dimuktamadkan, sudah di-finalize pada Februari yang lepas. Bila kita tengok, ia ada Majlis Tindakan Pembangunan Negara. Kemudian di peringkat kementerian juga ada, di peringkat negeri. Saya nak sentuhnya ialah di peringkat daerah. Di peringkat daerah, ada disebutkan juga ialah tentang penglibatan daripada Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri bagi daerah berkenaan.

Saya mencadangkan- sebab apabila sebut Ahli Parlimen ini, kita di Dewan Negara juga sebahagian atau pun dianggap sebagai Ahli Parlimen. Kalau boleh, dicadangkan Senator juga diberikan ruang untuk berada dalam Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah supaya kita juga bukan hanya boleh memberikan pandangan kepada pelaksanaan program-program yang mungkin perlahan tetapi juga kita dapat mengikuti dengan secara akar umbi, kita tahu apa benda yang berlaku.

Sebab, saya tengok bila kita turun ke kawasan-kawasan ini, rakyat ini mereka tidak peduli kita ini, asalkan ada Yang Berhormat, dia tidak peduli kita ini Dewan Negara kah, Dewan Rakyat kah, bagi dia sama saja. Oleh sebab itu, dia akan tanya kita, "Apa projek ini, macam mana?", "Macam mana sekolah yang kami minta?" dan sebagainya.

Jadi, saya harap perkara ini dapat dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Ekonomi. Adakah semua Ahli Parlimen ini termasuk Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara atau pun hanya Ahli Dewan Rakyat semata-mata? Kalau hanya melibatkan Ahli Dewan Rakyat, saya cadangkan masukkan sekali Senator kita.

Sudah tentulah perkara ini juga sentiasa dibangkit oleh rakan-rakan Senator ialah kalau di Dewan Rakyat mereka mengeluh peruntukan RM3.8 juta yang tidak dapat-dapat, kita di Senator ini tidak besar, saya ingat RM300,000 sahaja untuk tiga penggal, kita harap dapatlah disegerakan...

Seorang Ahli: Tiga tahun.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Ha, tiga tahun. Dapat disegerakan sebab bila kita turun ke kawasan-kawasan nak menerangkan soal madani, nak bagi ceramah, sudah tentulah mereka akan minta peruntukan nak buat program dan sebagainya. Ini datang tangan kosong, dia nak dengar pun tidak mahu dengar. Jadi, sayangnya. Kita sebagai ahli di Dewan tertinggi yang memahami tentang dasar-dasar yang digubal ini nak menerangkan kepada akar umbi, seharusnya ada peruntukan diberikan kepada Senator-senator kita.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat, celah sedikit boleh?

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Sila, sila.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: RM3.8 juta itu sudah dapat, atau belum?

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Saya difahamkan pembangkang belum terima, ya?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Itu yang soalkan juga.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Itu isu.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Jadi, kalau kita sebutkan *federalisme*, kita bincang yang lain-lain, kenapakah ada perbezaan yang begitu?

■1620

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Amalan sedemikian ini Yang Berhormat ialah amalan lamalah. Ia diperbaiki...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tahun- sesi yang lepas rasanya tidak begitu.

Tuan Mohd Hasbie bin Muda: Betul, betul. Oleh sebab itu saya sebutkan tadi Yang Berhormat, saya sebutkan tadi peruntukan itu datang sebagai sebahagian daripada memorandum MoU untuk kestabilan dan transformasi negara. Jadi, sebab itu saya sebut tadi, kenapakah tidak? Apa yang susah sangat parti-parti pembangkang duduk dengan kerajaan, bincang. Oleh sebab Perdana Menteri telah pun buka pintu. Jadi, saya ingat benda itu harus disegerakan.

Kemudian seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh tentang isu perumahan. Disebutkan tadi tentang- disebutkan oleh Menteri Ekonomi bahawa kita menyasarkan macam biasalah, 500,000 buah rumah mampu milik untuk rakyat kita yang dalam kelompok B40 dan M40. Sudah tentulah kalau kita sebut rumah mampu milik, harganya ialah RM300,000 ke bawah. Bagi kelompok yang kita anggap sebagai yang miskin ataupun yang miskin tegar tadi, program yang kerajaan buat, yang diumumkan dalam RMKe-12 dahulu ialah memperuntukkan RM2.2 bilion di bawah Program Bantuan Rumah iaitu 75,000 buah rumah di kawasan luar bandar dan 10,000 di kawasan bandar.

Soalan saya kepada kementerian yang berkaitan, daripada jumlah yang disebutkan ini, berapa kah rumah yang telah pun disiapkan? Kalau kita berjaya siapkan 85,500 unit ini, sebahagian daripada ketua isi rumah yang saya sebut 116,000 tadi, majoritinya telah pun memiliki rumah sendiri. Ini bagi saya satu pencapaian yang besar kalau dikatakan sesuatu yang istimewa untuk orang miskin tegar ini. Saya fikir rumah dia harus kita segerakan supaya ia dapat memberikan keselesaan kepada mereka.

Kalau kita tengok dalam sasaran yang disebutkan 500,000, pencapaian kita dalam RMKe-11 dahulu kita dapat 282,000. Sehingga Disember 2022 untuk RMKe-12 ini, kita telah berjaya menyiapkan 108,373. Jadi, banyak lagi. Saya ingat 75 peratus lagi belum kita buat. Cuma saya hendak tahu sebab rumah-rumah ini bukan hanya disiapkan oleh Kerajaan Persekutuan semata-mata tetapi juga melibatkan kerajaan negeri dan pihak swasta. Jadi, saya minta daripada kementerian untuk memperincikan data-data ini untuk kita lebih jelas *progress* itu.

Kemudian kalau kita menyentuh- saya sangat tertarik dengan isu perumahan ini kerana kita telah pun berbahas dalam pusingan bajet yang lalu, pembiayaan untuk anak muda memiliki rumah. Kita tahu kerajaan telah adakan macam-macam, Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan sebagainya, tetapi bila kita tengok balik Tuan Yang di-Pertua, masalah kepada anak muda kita. Betul, SJKP ini diberi kemudahan kepada macam orang yang tidak ada slip gaji, dia boleh buat pinjaman, tetapi bagi mereka yang tidak ada slip gaji, mereka juga ada kesukaran untuk membayar 15 peratus ataupun 10 peratus daripada kos depositnya, kos legal *fees* dan sebagainya. Sudah tentulah ini juga harus difikirkan. Walau bagaimanapun, program yang diumumkan oleh kerajaan untuk memperbanyakkan skim sewa untuk beli- *rent-to-own* itu harus kita memperbanyakkan.

Saya dalam dua minggu yang lalu, saya dah hadir satu program yang diadakan oleh satu inisiatif anak-anak muda ini, mereka boleh buat. Maknanya, mereka buat satu seperti konsortium, sebuah syarikat mereka yang menyediakan kemudahan untuk deposit tadi. Ia bukan bagi terus. Kalau dahulu kita ingat kerajaan zaman Dato' Sri Najib dahulu bagi MyDeposit RM30,000 maksimum. Waktu itu ia boleh bertahan saya ingat dalam enam bulan ke-tujuh bulan, dah habis dana. Sekarang ini kita boleh fikirkan ikhtiar untuk menyediakan dana pinjaman bagi memenuhi keperluan deposit 10 peratus ataupun 15 peratus seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang- kita tahu sekarang ini isu pertanian ataupun keterjaminan makanan itu begitu kuat ataupun begitu dahsyat disebut di luar Dewan ini. Saya harap dalam soal pertanian ini kita harus memobilisasi kekuatan semua pihak untuk sama-sama menyelesaikan masalah ini.

Kalau kita ingat negara jiran kita Indonesia umpamanya, ia boleh melepasi SSL 100 peratus ini sejak zaman Suharto lagi. Saya ingat istilah "swasembada" ya. Saya ingat tahun 84, 85. Kita dah masuk tahun 2023 masih belum berjaya, sekarang ini pada tahap 65 peratus, tetapi saya rasa ralat sedikit kerana hala, serangan ataupun hentaman itu hanya ditujukan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan semata-mata. Kalau kita merujuk dalam Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, bidang tugas pertanian ini ialah di bawah kerajaan negeri. Bukan senarai bersama pun. Sepatutnya kita sama-sama di peringkat Persekutuan dan negeri-negeri yang memiliki tanah ini memikul semangat dan tanggungjawab bersama untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau kita tengok, banyak negeri yang berada pada paras kurang daripada paras SSL Nasional.

Saya hendak sebut juga, zaman beberapa penggal lalu kita ada satu program yang bagus, Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Saya pernah turun beberapa buah tempat, di Lanchang ada tempat yang begitu menarik tetapi tidak diteruskan dengan usaha yang bersungguh-sungguh. Ada kelemahan sedikit sebanyak. Saya fikir program sebegitu perlu kita kuatkan, dan perbaiki supaya ia boleh menambahkan pengeluaran secara lebih luas lagi.

Kemudian- saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan program yang telah disusun- saya sebenarnya bila baca, bila membandingkan antara KSP dengan dokumen asal RMKe-12 ini, saya kagum dengan kerja kuat pegawai-pegawai kita, dipandu oleh Menteri yang komited. Kita tengok KSP ini lebih konklusif, lebih menyeluruh daripada dokumen yang asal.

Jadi, tahniah kita ucapkan kepada pegawai-pegawai kita. Mudah-mudahan apa yang kita rancang ini akan dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-12 ini. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator juga atas menyuarakan rintihan peruntukan tidak sampai, tetapi kena adil lah... [Ketawa] Terima kasih.

Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Ajis bin Sitin.

4.27 ptg.

Dato' Ajis bin Sitin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terutama saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk saya turut membahaskan Usul mengenai pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 11 September 2023 yang lalu.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan yang telah berjaya menyediakan Kajian Separuh Penggal ini dengan menyediakan maklumat-maklumat terperinci capaian program terpilih yang menjadi asas kepada menyemak semula dan menyusun semula keperluan dasar dan sasaran Rancangan Malaysia Ke-12, untuk memastikan menuju ke arah yang lebih baik dan mencapai aspirasi Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan saya berkaitan KSP Rancangan Malaysia Ke-12 ini, sukacita saya ingin mengimbau kembali janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu iaitu Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12, dua tahun yang lalu. Perdana Menteri Malaysia yang kesembilan itu menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli akan diperkasakan lagi dengan menyediakan satu Pelan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli yang menyeluruh.

Namun, sehingga sekarang kami tertunggu-tunggu pelan tersebut dikeluarkan. Kami amat mengharapkan agar Pelan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli yang lebih menyeluruh ini dapat mengangkat kemajuan masyarakat Orang Asli daripada segi sosial, fizikal, ekonomi dan sebagainya ke- satu tahap yang lebih tinggi, setaraf dengan rakan-rakan kami di arus perdana.

Sehubungan dengan itu, saya memohon agar Kerajaan Madani pada hari ini dapat menyediakan Pelan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli yang menyeluruh dengan segera. Pelan tersebut wajib mendapat maklum balas masyarakat Orang Asli sendiri dan dibangunkan berasaskan masyarakat Orang Asli yang progresif. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengingatkan pihak kerajaan. Di dalam Belanjawan 2023 yang lalu, kerajaan telah bertekad untuk menoktah kemiskinan tegar dalam tahun 2023 ini.

■1630

Orang Asli sangat sinonim dengan kemiskinan tegar. Ini seolah-olah miskin tegar itu Orang Asli atau Orang Asli itu miskin tegar. Kami sangat gembira dengan tekad belanjawan tersebut kerana dijangkakan akan banyak inisiatif menghapuskan kemiskinan tegar akan diluncurkan di kawasan penempatan masyarakat Orang Asli. Sekali lagi kami tertunggu-tunggu apakah inisiatif-inisiatif atau mekanisme yang akan dilaksanakan untuk mengubah kehidupan kami menjadi lebih baik dalam tempoh setahun ini.

Sehubungan itu saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah status menghapuskan kemiskinan tegar di kalangan masyarakat Orang Asli masih diusahakan? Jika ya, senaraikan apakah inisiatif-inisiatif baharu jangka pendek yang hebat atau mekanisme terbaharu yang terbaik yang telah atau sedang diusahakan bagi menoktahkan kemiskinan tegar di kalangan masyarakat Orang Asli pada tahun 2023?

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Kajian Separuh Penggal RMKe-12 atau KSP RMKe-12 yang sedang kita bincangkan. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah meletakkan peningkatan pembangunan masyarakat Orang Asli sebagai salah satu tumpuan Kajian Separuh Penggal RMKe-12 yang akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12 ini. Bagi maksud tersebut saya ingin mencadangkan beberapa projek prasarana yang sangat perlu dan kritikal yang perlu dilaksanakan segera demi meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli.

Pertama membaik pulih jalan Kampung Orang Asli Tual ke Pos Sinderat Daerah Lipis, Pahang. Jalan sepanjang 35 kilometer ini mengalami kerosakan teruk akibat pembinaan jalan raya yang substandard oleh JKR beberapa tahun lalu. Jalan ini berkeadaan sangat berbahaya disebabkan oleh kerosakan cerun berlaku di kiri dan kanan jalan.

Kedua membaik pulih jalan dari *Bertam Valley* ke Kampung Orang Asli Lemoi, Daerah Cameron Highlands, Pahang. Jalan sepanjang 18 kilometer ini berkeadaan rosak teruk dan sukar dilalui.

Ketiga, pembinaan jalan perhubungan desa yang baharu di kawasan perkampungan Orang Asli di kawasan Gua Musang, Kelantan. Pada masa sekarang penduduk dari kampung-kampung Orang Asli di Daerah Gua Musang menggunakan laluan balak sebagai jalan keluar masuk ke Pekan Gua Musang bagi urusan kesihatan, persekolahan dan urusan-urusan harian yang lain.

Perjalanan mereka ada yang mengambil masa sehingga 10 jam untuk sampai ke Pekan Gua Musang. Jalan-jalan ini tidak akan dilalui setiap kali musim tengkujuh menjelma. Pada musim tengkujuh, masyarakat Orang Asli akan dibawa keluar melalui perkhidmatan helikopter oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk urusan-urusan kecemasan sahaja.

Keempat apabila ada jalan perhubungan ini maka kemudahan-kemudahan lain seperti perumahan PPR, api, air dan liputan internet bolehlah disediakan.

Tuan Yang di-Pertua demi peningkatan pembangunan masyarakat Orang Asli, selain daripada projek-projek fizikal saya juga mencadangkan di bawah dasar inisiatif baharu yang diperkenalkan dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-12 ini, saya juga ingin mencadangkan supaya inisiatif-inisiatif kritikal berikut dilaksanakan dengan segera.

Pertama bantuan pakaian seragam sekolah. Sejak dahulu lagi pihak kerajaan telah menyediakan bantuan pendidikan masyarakat Orang Asli terutamanya pakaian seragam sekolah. Namun kebelakangan ini, pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) hanya menyediakan pakaian seragam sekolah pada murid-murid Orang Asli yang memasuki Tahun 1 dan Tingkatan 1 sahaja. Ini tidak memadai kerana ramai ibu bapa Orang Asli tidak mampu menyediakan kelengkapan persekolahan tersebut. Sedikit sebanyak ini mungkin menyumbang kepada keciciran pelajar Orang Asli dari bersekolah.

Sehubungan dengan itu, sempena Semangat Madani ini, saya mencadangkan pihak kerajaan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-12 ini menyediakan semula bekalan pakaian seragam sekolah kepada anak-anak Orang Asli dengan segera. Anggaran seorang pelajar hanya RM250 setahun, dengan anggaran pelajar masyarakat Orang Asli seluruh negara seramai 40,000 orang. Maka kos yang terlibat hanyalah lebih kurang RM10 juta setahun.

Kedua, kajian semula Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]. Kajian ini hendaklah dilakukan secara menyeluruh dan diberikan masa yang secukupnya untuk libat urus dengan semua pemegang taruh terutamanya masyarakat Orang Asli sendiri dan NGOs yang berkaitan dengan Orang Asli. Saya mengharapkan Akta Orang Asli yang baharu yang lebih komprehensif dan bersifat progresif selaras dengan aspirasi masyarakat Orang Asli baharu dan memenuhi perkembangan dunia terkini.

Ketiga, kajian semula Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta PERHILITAN. Sejak kebelakangan ini konflik yang sangat serius di antara masyarakat Orang Asli, haiwan dan juga hutan telah berlaku. Penguatkuasaan akta-akta tersebut telah mencengkam kehidupan masyarakat Orang Asli di negara ini terutamanya mereka yang berada di pedalaman Pahang, Perak, Kelantan dan lain-lain negeri yang terlibat.

Sedia maklum bahawa masyarakat Orang Asli dan hutan tidak dapat dipisahkan. Mereka menggunakan hutan untuk mendapatkan bahan-bahan perubatan dan makanan sama ada daripada pokok atau haiwan. Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta PERHILITAN telah menyebabkan ramai kalangan Orang Asli yang ditangkap kerana menjalankan aktiviti pembersihan hutan untuk tujuan bercucuk tanam atau memburu binatang untuk juadah demi kelangsungan hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran binatang-binatang buas seperti gajah, harimau serta beruang ke kawasan-kawasan penempatan Orang Asli juga boleh dikaitkan dengan kedua-dua akta tersebut. Untuk makluman, dalam tempoh dua tahun yang lalu tidak kurang lima Orang Asli telah mati kerana dibaham harimau, dipijak gajah atau digigit beruang dalam kawasan penempatan Orang Asli di Pahang, Kelantan dan Perak.

Sehubungan dengan itu, demi kesejahteraan hidup serta meningkatkan kemajuan Orang Asli, saya cadangkan kedua-dua akta tersebut dikaji semula. Saya berharap dalam apa jua akta yang digubal, kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli wajib didahulukan. Dalam kes ini kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli seharusnya mengatasi perkara-perkara berkaitan pemeliharaan hutan dan pemuliharaan haiwan.

Keempat, menyelesaikan kerja ukur tanah di kawasan Orang Asli. Sejak kebelakangan ini kita selalu didedahkan dengan kes-kes mahkamah yang melibatkan pertikaian sempadan tanah tempat tinggal Orang Asli. Isu tersebut nampak remeh tapi impaknya sangat besar kepada negara kerana selalunya akan dijadikan sentimen oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang membabitkan nama baik negara di peringkat antarabangsa.

Pada masa sekarang, banyak kerajaan negeri yang telah mengiktiraf perkampungan Orang Asli dan bersetuju supaya perkampungan itu diwartakan sebagai rizab Orang Asli.

Oleh yang demikian, di dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-12 ini, saya mencadangkan supaya kerajaan memperuntukkan dana yang lebih besar dan mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja ukur oleh juruukur tanah berlesen bagi membolehkan kerajaan-kerajaan negeri mewartakan kesemua kawasan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa negeri masing-masing. *Exercise* ini hendaklah disegerakan dalam tempoh RMKe-12 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kesepuluh kerana telah menyediakan Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli bagi merapatkan jurang pembangunan. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan perkara-perkara berikut dilaksanakan.

Pertama program pembangunan ekonomi terbaik yang pernah diusahakan kerajaan kepada masyarakat Orang Asli merupakan Projek Tanaman Sawit Komersial (TSK) atau Tanaman Sawit Berkelompok yang diperkenalkan sejak RMKe-8 lagi. Projek ini boleh memberikan impak yang terbaik jika diuruskan dengan baik dan cekap. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya kerajaan meneruskan inisiatif ini dengan menambah baik keluasan TSK tersebut daripada enam ekar kepada 12 ekar untuk setiap isi rumah. Ini adalah selaras dengan kadar garis kemiskinan tegar yang terbaharu.

Kedua, demi pembangunan ekonomi Orang Asli, ingin juga saya mencadangkan supaya usahawan-usahawan Orang Asli, kontraktor, pembekal dan sebagainya yang berkemampuan diberikan peluang seluas-luasnya untuk membantu membangunkan masyarakat mereka sendiri.

■1640

Saya mencadangkan kontrak-kontrak di JAKOA dan kontrak-kontrak di kawasan Orang Asli yang dilaksanakan oleh agensi lain hendaklah ditawarkan kepada syarikat-syarikat Orang Asli yang berkemampuan. Saya percaya Kementerian Kewangan demi semangat Malaysia Madani ini akan memberikan pelepasan khas mana-mana yang menghalang pelaksanaan cadangan ini.

Ketiga, saya juga mencadangkan sebagaimana rakan-rakan kami di Sabah dan Sarawak, masyarakat Orang Asli juga diberikan promosi yang sesuai supaya mereka juga menanam padi huma, ubi kayu, lada hitam, koko, jagung dan lain-lain yang bersesuaian dengan kawasan tempat tinggal mereka sebagai sumber ekonomi baharu.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mencadangkan 13 inisiatif untuk dilaksanakan oleh pihak kerajaan sebagai tambahan kepada program dan projek-projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 yang lalu. Projek-projek ini diharap dapat dilaksanakan di bawah dua *Rolling Plan*- Rancangan Malaysia Ke-12 yang masih berbaki sehingga 2025. Impak kepada pelaksanaan projek ini nanti akan menjadi titik bersejarah kepada masyarakat Orang Asli di negara ini, dan akan diraikan sebagai permulaan untuk kemajuan yang dibawa oleh Kerajaan Madani. Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya mohon menyokong, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang.

4.41 ptg.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Berselawat] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mulakan ucapan saya dengan firman Allah SWT... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Katakanlah ya Allah Tuhan yang memiliki kuasa kerajaan. Engkau yang mengurniakan kerajaan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau yang mencabut kuasa kerajaan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau juga menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Mu segala kebaikan dan sesungguhnya Engkau berkuasa ke atas segala sesuatu."

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya, diberi kesempatan untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 2021-2025 di Dewan yang mulia ini, yang bertemakan Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi.

Kajian Separuh Penggal RMKe-12 yang telah dibentangkan ini merupakan sebuah pelan pembangunan untuk menjamin kesejahteraan hidup rakyat menerusi pemeraksanaan ekonomi yang mampan dan inklusif. Perbahasan saya hari ini berkisar tentang dua isu iaitu berkenaan ekonomi semasa rakyat dan projek-projek khusus yang disenaraikan untuk pembangunan negeri Terengganu.

Perkara pertama yang ingin saya tekankan adalah berkenaan isu menokhtakan kemiskinan tegar. Seperti yang kita sedia maklum masih ramai di kalangan rakyat yang terhimpit dengan masalah kemiskinan tegar sehingga ada yang tidak mampu atau yang kurang berkemampuan untuk membeli makanan asasi seperti beras, minyak, telur, gandum dan sebagainya. Lebih menyedihkan lagi, apabila ada ibu bapa yang tidak mampu untuk membeli susu anak kerana kesempitan dan ketidakstabilan ekonomi keluarga.

Kerajaan pada hari ini telah berjanji bahawa kemiskinan tegar harus segera dinokhtakan demi menjamin masa depan rakyat yang lebih produktif. Namun demikian, persoalannya, bagaimana dan apa mekanisme yang diguna pakai kerajaan pada hari ini untuk menokhtakan isu kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat sesuai dengan matlamat KSP RMKe-12, dan juga Gagasan Ekonomi Madani?

Seterusnya saya ingin menyentuh isu kenaikan harga barang. Saya merujuk keratan akhbar *Berita Harian* bertarikh 30 Jun 2023 melaporkan kenyataan Presiden Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia bahawa segelintir pemborong beras didakwa cuba memanipulasi harga kawalan yang ditetapkan kerajaan dengan menukar kampil beras. Bertarikh 10 September baru-baru ini, Pengarah Urusan *Mydin* berkata bekalan beras tempatan terus meruncing walaupun dinafikan Menteri. Tanpa bantuan laporan media sekalipun, semakan sendiri di lapangan oleh rakyat mengesahkan bahawa sememangnya berlaku krisis kenaikan beras, kenaikan harga dan ketidakcukupan bekalan beras tempatan di pasaran.

Apabila berhadapan dengan isu-isu sebegini, Yang Berhormat Menteri tidak sepatutnya memberikan jawapan yang tidak berpijak di bumi yang nyata. Amatlah mendukacitakan apabila Yang Berhormat Menteri dengan sewenang-wenangnya menafikan kesahihan keluhan rakyat tentang pelbagai macam isu berkaitan beras putih tempatan seolah-olah keprihatinan, keperitan yang dialami mereka hanyalah dongengan dan khabar angin yang tidak layak menerima tumpuan dan diambil tindakan kementerian.

Kenaikan harga, ketiadaan stok, kewujudan kartel dan aktiviti monopoli serta penipuan dengan membungkus semua beras tempatan dengan kampil beras import merupakan isu yang seharusnya ditangani secara aktif oleh kementerian dengan memanfaatkan sepenuhnya kuasa yang diperuntukkan. Sebaliknya apa yang berlaku iaitu Yang Berhormat Menteri mentah-mentah menafikan apa yang dilihat dan dialami sendiri oleh rakyat.

Persoalannya, bagaimanakah kerajaan pada hari ini memastikan supaya isu keterjaminan makanan di negara meliputi makanan asasi seperti beras ini segera diselesaikan secara komprehensif? Sejauh mana usaha kerajaan dalam mempertingkatkan simpanan bank makanan terutama beras tempatan dalam persediaan menghadapi krisis makanan yang lebih mencabar pada masa akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu suka saya menyentuh isu kos sara hidup yang kian melambung. Isu kos sara hidup ini merupakan antara masalah yang telah sekian lama membelenggu rakyat dan dilihat menjadi cabaran utama kerajaan untuk menokhtakan kemiskinan sebagaimana yang disebut dalam ucapan Kajian Separuh Penggal RMKe-12 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tanpa mempertikaikan niat murni kerajaan menghapuskan kemiskinan sebagaimana yang disebutkan, suka untuk saya ingatkan bahawa data-data yang menggambarkan keadaan sebenar di lapangan menunjukkan bahawa menoktahi kemiskinan tegar bukanlah sesuatu yang mudah dan boleh dicapai. Saya *quote*, dengan izin, menempa kejayaan yang bermakna sebelum akhir tahun ini sebagai mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jauh sekali mahu sengaja bersikap pesimis. Tujuan peringatan ini adalah supaya kita menyedari realiti semasa yang dihadapi rakyat agar perancangan solusi yang dibuat adalah munasabah dan boleh dicapai.

Pada hari ini, pelbagai rintihan dan rungutan telah kita dengar daripada rakyat berkenaan kenaikan kos sara hidup yang melampau. Rakyat hilang kuasa membeli kerana isu kos sara hidup yang berlaku lebih tertumpu kepada golongan pertengahan sehingga kepada B40. Implikasi daripada isu ini adalah bertambahnya masalah kesihatan mental dalam kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perkara yang ingin saya bangkitkan adalah khusus tentang pembangunan projek-projek di Terengganu. Pertama, berkenaan dengan Program Peningkatan Produktiviti Nelayan B40 Negeri Terengganu yang diperuntukkan sebanyak RM225,000. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan secara terperinci berkaitan program ini dan sejauh mana ia dapat meningkatkan taraf hidup nelayan khususnya di negeri Terengganu.

Selain daripada program tersebut, apakah inisiatif bersepadu yang disediakan oleh kerajaan dalam membasmi kemiskinan dalam kalangan nelayan terutama di Terengganu dan juga negeri Kelantan? Sejauh mana dalam kalangan nelayan negara kita didedahkan dengan penggunaan teknologi yang bermula daripada penangkapan ikan sehingga kepada penjualan ikan yang semestinya dapat menjana pendapatan yang tinggi kepada para nelayan?

Pihak kerajaan juga seharusnya memberikan perhatian terhadap komuniti nelayan kerana mereka ini bukan sahaja tidak mempunyai pendapatan tetap, tetapi juga tidak berpencen, tiada wang dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan juga PERKESO. Ada hari-hari tertentu mereka tidak ke laut atau hari-hari tertentu mereka ke laut, tetapi hanya pulang dengan tangan kosong tanpa memperoleh sebarang pendapatan. Hal ini lebih memburukkan apabila tibanya musim Monsun Timur Laut, para nelayan ini tidak dapat turun ke laut untuk menjala atau menangkap ikan. Hanya bergantung kepada sumber makanan yang ada sahaja untuk bertahan. Itu tidak termasuk dengan perbelanjaan harian yang perlu ditanggung dan dilaksanakan untuk meneruskan kehidupan.

Peruntukan RM300 setiap bulan selain daripada bantuan Aidilfitri secara *one-off* sebanyak RM200 seorang kepada para nelayan ternyata tidak mencukupi untuk menanggung kos sara hidup mereka. Oleh itu, besar harapan dengan Program Peningkatan Produktiviti Nelayan B40 di Terengganu benar-benar mendapat menoktahi kemiskinan yang telah lama membelenggu mereka.

Kedua, dalam aspek pelancongan pula. Pembangunan semula kemudahan infrastruktur pelancongan di Taman Herba, Tasik Kenyir perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan kerana ia merupakan salah sebuah destinasi yang gemar dilawati oleh pengunjung tempatan dan juga oleh pengunjung dari luar negeri dan juga luar negara.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekian ucapan saya. *Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing untuk berbahas.

4.56 ptg.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Kerajaan Perpaduan atas pembentangan Kajian Separuh Penggal RMKe-12. Saya akan terus sentuh isu-isu yang saya ingin bahas tengah hari ini.

Satu isu ialah sekolah daif. Jumlah sekolah daif di Sarawak iaitu 568 dan mengikut laporan, jumlah semuanya di Malaysia iaitu 830. Daripada jumlah 568, 445 adalah dalam tahap skala enam dan 113 dalam skala tujuh. Skala enam dan skala tujuh bermakna bangunan yang bahaya serta tidak selamat digunakan.

Sehingga Jun 2023, tahun ini, hanya 33 daripada 351 buah sekolah yang diluluskan dinaik taraf dan pembinaan gantian dalam RMKe-12 *Rolling Plan 1* (RP1) iaitu tahun 2021 hingga tahun 2023. Hanya 12 buah sekolah sahaja dicadangkan dibuat pulih pada tahun depan, tahun 2024.

Ini bererti baki hanya 45 buah sekolah daripada jumlah 568 akan dibaik pulih dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Baki 523 mungkin tidak boleh dibaik pulih dalam rancangan ini yang akan berakhir pada tahun 2025. Soal saya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, apakah sebab hanya sedikit sahaja dibaik pulih sampai sekarang? Apakah masalah atau kekangan yang menyebabkan prestasi yang sangat lembap demi kepentingan murid-murid sekolah di Sarawak?

Masalah sekolah daif ini bukan masalah yang baharu. Malah pada tahun 2018, Kerajaan Sarawak telah menyumbang RM1 bilion kepada Kerajaan Pusat untuk diguna pakai memulihkan sekolah daif di Sarawak.

■1700

Waktu itu, kerajaan negeri Sarawak mencadangkan membaik pulih mengguna dana itu sendiri iaitu RM1 bilion, tetapi cadangan kerajaan Sarawak waktu itu tidakersetujui oleh Kerajaan Pusat. Dana itu dipaksa dihantar ke Kerajaan Pusat. Saya percaya jika permohonan kerajaan Sarawak dipersetujui oleh Kerajaan Pusat waktu itu, mungkin banyak lagi sekolah daif boleh dibaik pulih. Saya difahamkan bahawa hanya 147 buah sekolah diluluskan di bawah peruntukan RM1 bilion dari Sarawak. Justeru itu, saya mohon Jabatan Pendidikan Malaysia akan kongsi dengan kita rancangan baik pulih bagi sekolah daif itu dalam tempoh RMKe-12.

Jika tidak dapat dibaik pulih dalam tempoh RMKe-12, apakah rancangan untuk membaik pulih semua 523 buah sekolah itu selepas RMKe-12 atau pada tempoh RMKe-13? Saya rasa pembaikpulihan sekolah daif perlu dipercepatkan, jika tidak mungkin dalam tempoh RMKe-13 pun tidak habis.

Isu kedua ialah keterjaminan makanan atau *food security*. Baharu-baharu ini sebenarnya minggu lepas, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan di Sarawak bahawa 50,000 hektar sawah padi akan dilaksanakan di Sarawak. Saya menyambut baik pengumuman ini dan harap ia akan jadi nyata. Sebenarnya sawah di Sri Aman, Pantu yang besarnya 10,000 hektar di kendali oleh BERNAS, beberapa tahun yang lepas tetapi sekarang terbengkalai. Ada juga sawah padi Lundu yang juga tidak berjaya.

Bekalan beras di Sarawak masih tidak mencukupi. Hanya 34 persen sahaja pengeluaran beras di Sarawak atau *self-sufficiency level* (SSL) 34 persen, dan *target* negeri Sarawak 65 persen. Ada juga sawah padi di tempat lain di Sarawak iaitu di Abok, Selepong dan Sri Aman berjumlah 6,000 hektar, tetapi pengeluarannya belum mencukupi mengikut *target* Kerajaan Negeri Sarawak. Begitu juga bekalan daging lembu. Di Sarawak hanya 12 persen SSL dan *target* untuk 2030 habis kurang 25 persen. Keluaran bekalan daging lembu. Saya bertanya, apakah rancangan kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Untuk mengakhiri ucapan saya, saya berterima kasih kepada kerajaan yang telah melaksanakan KPS RMKe-12. Dengan KPS ini kita mengetahui kepada keadaan terkini dan yang perlu dibuat sebelum tempoh RMK berakhir pada 2025, tetapi sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin bertanya berkenaan dengan projek yang akan dibatalkan. Kerajaan telah mengumumkan bahawa 10 persen projek yang gagal dimulakan dalam tempoh yang lama akan dibatalkan.

Saya mohon senarai projek yang 10 persen itu, dan jumlah kos projek ini? Apa kesan pembatalan projek itu kepada kewangan negara. Berapakah jumlah dana yang boleh dijimatkan dengan pembatalan projek ini? Saya juga tertarik dengan cadangan kerajaan untuk melaksanakan gaji progresif. Saya mohon kementerian kongsi maklumat terkini berkenaan dengan cadangan ini. Apakah maksud gaji progresif ini? Terima kasih .

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Banyak masa jimat ini.

Sekarang ini saya jemput Yang Berhormat Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian. Memandangkan Yang Berhormat Tuan Jaziri tidak ada, kita terus pada saya menjemput Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan. Yang Berhormat hendak cakap panjang-panjang pun tidak apa. Ada masa.

5.07 ptg.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. So kita *save the best for the last...* [Ketawa]

Setakat ini tengok semua orang sudah macam hendak tidur, beg sudah siap hendak balik. Jadi, kita kena buat *exciting* sedikit. Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat PMX dan juga Menteri Ekonomi yang telah membentangkan Kajian Separuh Penggal RMKe-12 yang jelas. Setakat ini kajian tersebut amat komprehensif, tahniah. Di sini saya ingin menarik perhatian kerajaan kepada beberapa perkara bagi tujuan penambahbaikan dan juga perhatian segera mana perlu.

Pertama, tadi rakan-rakan saya Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj dan juga Dr. Lingeshwaran telah membangkitkan isu pelajar yang tidak mendapat kursus kedoktoran. Itu merupakan kaum saya. Minggu lepas saya yang telah membawa isu ini kepada *press* untuk perhatian kerajaan di mana 30 orang penuntut yang mendapat 4 *flat* di pengajian *Matriculation* dan juga STPM yang tidak mendapat tempat untuk meneruskan pelajaran dalam bidang kedoktoran. Pada masa itu 30, selepas kita minta dia orang hantar statistik kepada kita sekarang sudah ada 39 daripada kaum kita sahaja tetapi kaum lain pun kena juga isu ini.

Ramai daripada golongan yang tidak mendapat tempat di IPTA untuk tujuan kursus kedoktoran ini merupakan penuntut atau pelajar daripada golongan B40. Golongan B40 lah yang memohon untuk ke IPTA kerana yang ada duit dia akan pergi ke IPTS, tidak ada masalah. Memang ada yang tidak hendak pergi ke IPTA pun. Akan tetapi yang hendak masuk IPTA ini merupakan golongan B40 dan mereka pula ditolak seperti mana Dr. Lingeshwaran menyatakan tadi ataupun Dato' Sivaraj menyatakan tadi kerana tidak cukup tempat di IPTA.

Maka, saya di sini menyeru kepada kerajaan supaya dalam RMKe-12 ini dapat mempertingkatkan prasarana dan juga menambah tenaga pengajar di IPTA untuk tujuan menampung permintaan daripada golongan cerdik pandai ini, meningkatkan lagi tempat di IPTA.

■1710

Kita sudah berbelanja berbilion-bilion dalam lain-lain hal. Ini pelajaran. Kalau kita tengok unjuran pun *you know*- doktor kepada pasien di negara ini pun kita masih belum dapat unjuran tersebut- *the proportion*. Maka, memang ada banyak peluang untuk doktor-doktor. Lagipun untuk kepakaran dalam beberapa bidang. Maka, kalau hendak katakan bahawa ada ramai doktor itu mungkin *mismatch* daripada segi mana doktor itu ada. Mungkin di pedalaman ia tidak ada doktor, tetapi boleh diuruskan dengan lebih baik lagi. Ini bukan sahaja masalah kaum India, *like* kaum lain pun yang memang tidak dapat tempat di IPTA yang patut diberi perhatian.

Lagi satu perkara yang pelik ialah cara kita membuat permohonan UPU bagi mengambil studen ini. Cara mereka buat. Ini kita sudah dalam era *artificial intelligence* (AI). So, kalau kita menggunakan teknologi yang sedia ada, kita boleh *match* permintaan dengan penempatan studen dengan lebih baik lagi.

Ada seorang student bumiputera yang panggil saya "bumiputera Sabah". Dia panggil saya dua hari yang lalu. Dia bertanya saya- oleh sebab dia tengok saya bercakap berkenaan pelajar yang tidak mendapat tempat di IPTA untuk kedoktoran. Dia panggil saya.

Dia cakap, "Dato', saya mohon untuk *Sport Science*". Dia hendak menjadi *coach* atau cikgu PE, tetapi kursus yang dia dapat *Culinary Art*. You bayangkanlah- hendak jadi *coach*, ia bagi kursus chef- *executive chef* lah, dia buat *Degree in Culinary Arts*. So, *you're going to be a chef* nanti, tetapi dia minat *Sport Science*. Dia hendak menjadi guru pendidikan, hendak ambil PE *and*- ini budak bumiputera, bukan budak India. So, sekarang ini saya *fight* untuk bumiputera jugalah. Bukan sahaja kaum saya... [Tepuk]

Ini isu *systemic*. Ya. Saya minta Kementerian Pendidikan Tinggi untuk membuat sesuatu. Ini perkara gila ini. *Mismatch of*- bayangkan pelajar-pelajar kita, kita pun bersalah juga. *Parents*. Ibu-bapa bersalah, mengapakah? Dari muda-muda lagi kita cakap dengan dia "Okay, I want you to study. Belajar. Belajar ya. Saya hendak *you* jadi doktor. Hendak jadi doktor." Selama 15 tahun kita pujuk dia untuk jadi doktor- 15 tahun. Daripada muda lagi kita yang pujuk mereka untuk jadi doktor.

Apakah terjadi? Dia pun belajar rajin-rajin. Sungguh-sungguh. Dahulu ada PMR apa semua A- *straight A, straight A, straight A*. Form 5 dapat *Matriculation, straight A, four points*. Selepas itu keluar, dia cakap "Okey, mom dad, saya sudah belajar ya- *sungguh-sungguh sebab saya disuruh oleh you ya, belajar*. Sekarang *you* perlu dapatkan tempat untuk saya jadi doktor." Selepas itu, keluar pula tidak dapat. Ada ibu yang panggil saya, dia cakap satu minggu anak dia sejak dapat keputusan UPU, sudah satu minggu dia tidak makan. Betul-betul minum air sahaja. Tidak mahu makan. Sudah sedih. Macam mana?

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Yang Berhormat, boleh saya mencelah?

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Boleh. Kita ada banyak masa.

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: [Ketawa] Yang Berhormat, mungkin saya boleh bertanya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat Jaziri bangun, Yang Berhormat duduk.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Oh.

Timbalan Yang di-Pertua: Ia *one*- seorang sahaja yang punya *floor*.

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Terima kasih. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mungkin- saya ingin bertanya Yang Berhormat. Dia tidak dapat yang pertama dan mungkin yang kedua dia- pilihan kedua yang dia diberi peluang. Mungkin dalam sistem pengagihan ia Yang Berhormat. Mungkin yang kedua itu atau katakanlah chef yang dikatakan tadi, mungkin itu *industry needs*. Itu keperluan industri. Mungkin. Mungkin kekurangan di Malaysia. Mungkin diberi peluang itu supaya untuk meningkatkan lagi *supply chef*. Mungkin. Saya tidak tahu. Saya ingin bertanya.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Dia tidak hendak jadi chef, dia hendak jadi *coach*. Ia punya imej pun lain. Kita tahulah *executive chef* ia punya gaji besar. Akan tetapi, dia dalam rumah dia ibu dia sayang dia sangat, masak untuk dia tiap-tiap hari. Sekarang pula dia pergi masak untuk orang lain. *Of course* dia tidak hendak. Dia pun- *he was spoiled in the house*, dengan izin. Sekarang *you* suruh dia memasak pula, macam mana?

Lagipun, mereka tidak faham sangat apa itu *Culinary Arts*. Memang kalau dia diberi kaunseling yang betul di sekolah mungkin dia pun minat bidang itu ada juga. Akan tetapi, tidak diberi kaunseling yang betul.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon mencelah boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Mohon Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya tertarik dengan kursus yang salah ini tadi. Sebab apa, setiap studen saya dimaklumkan ia dalam borang yang diberi dalam borang UPU itu, ia ada empat pilihan. Empat kursus ataupun empat buah universiti. Barangkali pelajar ini letak yang nombor empat itu, dia bermain-main dia letak Kulinari ini. Jadi, tiba-tiba dia dapat ini. Apabila dia dapat ini dia tidak boleh salahkan Kementerian Pengajian Tinggi.

So, saya rasa benda yang macam itu kita perlu tengok borang itu dulu. Sebab ini kes ini *very rare* lah. Kalau pada saya di negara ini tidak sepatutnya berlaku. Saya percaya ada juga studen yang, "Tidak mengapa, satu saya hendak ini A, B, C. Nombor empat ini saya letak sahaja. Saya tidak tahu apa saya hendak". Diletak yang itu, tiba-tiba dia dapat yang itu. Ini kita perlu tengok karakter budak-budak ini juga semasa memilih. Ada, ada. Saya sudah tengok. Itu yang terjadi.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Itu pun proses sudah salah. Sebab apa, kalau you tidak masuk enam item, tidak boleh masuk dalam sistem. UPU.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Enam. Enam lah itu.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Akan tetapi, ia ada 10 kolom.

Seorang Ahli: Ada 12.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Aada 12? Ha, ada 12 kolom. So, *you* perlu pilih- *you* perlu masuk sekurang-kurangnya enam. Dia tiada pilihan. Kalau you tidak masuk enam, *you* tidak masuk. *Right?* So, doktor- dia *apply* untuk doktor. Dia memang hendak jadi doktor, so takkan dia hendak masuk keenam-enam, semua Doktor sekali- 1. Doktor; 2. Doktor..

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Bukan. Saya tidak bercakap tentang doktor ini yang itu- bercakap tentang yang salah...

Timbalan Yang di-Pertua: Ini bukan debat sebelah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Proses tidak...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Nelson perlu panggil mana-mana... [Ketawa]

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Yang Berhormat, proses ia sama. Isu ia sama. Isu ia kalau- okey, doktor unik sedikit. Betul. Kalau lain-lain- lain-lain apa itu kan? Kalau dua pilihan *is okay*. Kalau enam pilihan, kadang-kadang kita pun tidak tahu apa hendak buat. Masuk sahaja yang ada. Mungkin *girlfriend* dia hendak buat Kulinari kot. So, dia pun sudah terpengaruh oleh *girlfriend* dia. So, dia pun letak *last choice*- 6. Kulinari. So, perlu- /perlu tanya dia lah mengapa dia- walaupun dipilih, dimasukkan itu- saya perlu tanya dia mengapa dia letak Kulinari itu, tetapi isu ia isu *systemic*. Ini bukan cara yang betul.

Sekarang kita ada *AI tools*. Ya, yang boleh digunakan buat *assessment* dahulu. Apakah mereka punya kebolehan? *You know*. Apakah mereka punya minat? Sebelum kita bagi ia tempat supaya nanti apabila dia keluar dia *graduate* nanti, dia jadi sumber manusia yang efektif. Daripada mereka buat program *you know* apa sahaja buat kerana dia dapat kursus itu bukan kerana dia minat kursus tersebut.

Maka, kita pun *waste resources* juga, dengan izin. *Wasted resources*. Maka, sesuatu patut dibuat, sistem UPU ini patut diperbaiki atau di *upgrade* pada masa-masa yang akan datang. Ini pun satu rancangan yang boleh dikaji dalam RMKe-12 ini. Mereka boleh tengoklah hal ini. Macam mana kita boleh *improve* ataupun baik pulih isu seperti ini. Ini kerana sekarang ini bukan susah. Dengan *artificial intelligence (AI) system* yang sedia ada sekarang ini, bukan susah untuk kita melakukan perkara ini.

■1720

So, itu mengenai isu studen IPTA dan kedoktoran. Ini kita kena...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Oh! Kawan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Nelson, boleh?

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Boleh.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Nelson, saya tertarik dengan 30- atau 39 orang sekarang? Seramai 39 orang pelajar yang tidak dapat masuk ke bidang kedoktoran. Jadi, satu, di manakah silapnya berlaku? Adakah kajian telah dibuat- ataupun Yang Berhormat sendiri membuat sedikit kajian, adakah pelajar-pelajar yang masuk ke bidang kedoktoran ini, adakah mereka- semua 4 flat?

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Ya.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Semua? Jadi, maknanya yang tempat itu tidak mencukupi untuk studen yang 39 orang ini untuk masuk. Apakah pandangan Yang Berhormat dan cadangan Yang Berhormat kepada kementerian untuk memastikan semua studen ini boleh diterima? Disebabkan kalau cadangan untuk kerajaan membayar mereka masuk ke institusi swasta, saya rasa itu tidak adil sebab bagaimana pula dengan studen yang lain, bidang yang lain. Jadi, apakah cadangan dan pandangan Yang Berhormat untuk kementerian? Terima kasih.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Ini saya telah mengatakan tadi iaitu untuk *increase the capacity* dengan belanja untuk infrastruktur ataupun prasarana baharu dan juga tenaga pengajar baharu supaya boleh *increase the capacity*. Itu satu caralah, tetapi pelik juga macam ini. Ia ada *interview*.

Untuk kedoktoran ini, ia ada *interview*. *Simple interview* sahaja. So, kalau mereka bertanya, kenapa tak dapat tempat kedoktoran, dia mungkin cakap, "Oh! *Interview tak lepas*", tetapi IPTA *interview* tak lepas, diberi *offer*- UKM, UM, dia ada *private wing*. So, mereka beri dia *offer to the private wing*. Maksudnya dia *qualified* tetapi *you put a bar there*. You cakap, "Okey, *interview you tak lepas. Jadi you tak dapat. Tetapi you okey to go to the private wing in MU or UKM*". *Government* juga.

So, perkara-perkara seperti ini tak ada orang nak bawalah. Ini merupakan platform yang baik saya rasa untuk bertanya dengan Menteri macam mana nak menangani isu ini. Tak kisahlah budak Melayu, budak India, budak Cina, Sabah, Sarawak, tak kisah. Semua pun pasti ada isu ini. Tak dapat IPTA, dia dapat IPT swasta sendiri- UM, UM. UKM, UKM. Itu *qualified* pula. So, dia dapat *offer* RM300,000, RM400,000. So macam mana pula, *right*? Okey, suruh dia ambil PTPTN *loan*-lah. Ambil *loan* PTPTN. Saya ingat PTPTN bagi RM300,000. So, tak cukup, nanti *you see how we are handling it*.

Budak kita pun, *last year* pun sama juga, 40 lebih studen. *Appeal*, 10 orang dapat. *Because* ada yang tak *enrol*, jadi tempat itu dia bagilah. So, daripada 50 orang, 10 orang dapat tempat, 40 orang lagi tak dapat.

AIMST University, MIC punya universiti, kita ambil 29 orang studen daripada mereka, *full scholarship, last year*. Akan tetapi, tahun ini- kalau setiap tahun kita buat macam itu, universiti bankraplah fasal *private university*. Seramai 29 orang studen itu, lima tahun hampir RM14 juta. *Partial scholarship* semua. RM15 juta untuk lima tahun. Kalau kita ambil lagi, *another* RM15 juta. Akan tetapi, *we have to do something*. Kita kena buat juga, tetapi sebelum kita buat...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Nelson, saya beri kelonggaran untuk Yang Berhormat Dato' Nelson gunakan Bahasa Inggeris dalam Dewan ini tetapi kalau boleh kurangkan... [Ketawa]

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Saya berbahasa Inggeris ya? Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Kerana perkara ini amat menarik. Menarik perhatian daripada Ahli-ahli yang lain, tetapi kalau boleh kurangkan penggunaan bahasa Inggeris.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Pasal itu saya nak bangunkan mereka *because* tadi hampir-hampir ya...

Timbalan Yang di-Pertua: [*Ketawa*]

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Pasal itu kena- jadi, mintalah Yang Berhormat Menteri nanti bagi penjelasan apakah- kita jangan- ini bukan isu...

Tuan Abun Sui Anyit: Saya mohon mencelah, boleh?

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Boleh.

Tuan Abun Sui Anyit: Ada satu lagi isu untuk IPT ini supaya saya punya esok boleh dikurangkan. Ini menarik juga ini kerana ada pelajar kita yang mendapat tawaran. Pada hari pendaftaran, perlu ada bayaran mungkin RM700 ke RM3,000, dan pelajar kita ini memang orang yang miskinlah, tidak mampu. Untuk mencari tiket kapal terbang pun sukar, apalagi nak bayar yang RM3,000 ini.

Jadi, mohonlah- setuju atau tak dengan saya supaya kementerian membuat sesuatu supaya universiti ini menangguhkan dulu pembayaran ini supaya pelajar-pelajar baharu ini tidak tersekat di situ? Ini kerana kadang-kadang mereka *ignorant* dan mereka tak dapat menyediakan duit itu, mereka tak pergi belajar di universiti. So, mohon supaya pihak universiti ataupun kementerian menangguhkan ini dulu sehingga mereka dapat pinjaman ataupun biasiswa. Terima kasih.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Okey, setuju sangat. Kalau kaum India kita, MITRA beri dia RM2,000 seorang studen yang B40 untuk pendaftaran dan juga tiket perjalanan dan sebagainya. So, mungkin ada kerajaan-kerajaan negeri pun boleh *sponsor* juga. Saya dengar macam Sabah, dia *sponsor student* dia untuk ke Semenanjung.

Untuk *registration* apa semua, dia pun beri RM2,000 atau RM3,000 *initial funds*, tetapi ya lah, itu pun satu cadangan yang baik juga di mana saya rasa IPTA boleh menangguhkan. Janganlah *force* dia hari pertama sahaja bayar terus. Bagi dia kelonggaran supaya dia boleh bayar bila dapat PTPTN dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, ini untuk tidak mengantuklah... [*Ketawa*] Saya teringat bila Dato' sebutkan perkara ini, dulu banyak dalam janji-janji menyebutkan kerajaan bila memerintah ini, kita akan mengadakan sistem pendidikan percuma. Apakah pendidikan percuma itu tak sampai ke universiti? Akan tetapi, yang saya faham, itu sampai ke universiti. Atau Dato' fikir macam mana?

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Itu isu politiklah... [*Ketawa*] Saya setuju tetapi itu isu politik. So, sementara ini, kita biarkan dahulu. Nanti bila masa berbahas politik nanti kita bawa isu ini, tetapi setakat ini- *of course*, semua setuju nak *free education* tetapi kerajaan cakap setakat ini, tak berkemampuan. Maka, bagi dia *chance* sedikit beberapa tahun, nanti Senator muda boleh bawa masuk balik ke Dewan ini, suruh dia beri pendidikan percuma.

Kedua, isu TVET. Ini saya dah beberapa kali bawa ke Dewan ini tetapi tak dapat *solutions* ataupun jawapan yang baik. Di mana kumpulan B40 ini, *you* suruh dia belajar TVET ambil *loan* PTPK, dia takkan. Dia daripada B40. Bila *you* cakap dengan studen itu, "Okey, pergi belajar di TVET swasta atau kerajaan, tak kisahlah." Bila tanya sahaja, "Okey, fill up borang ini, ambil loan", dia dah tak nak. Ibu bapa dia akan cakap, "Tak payah. Pergi kerja." Pasal dia kumpulan B40. Dia tak nak ambil *loan*. Pasal itu semua TVET *institution* sekarang, 50 persen tak ada studen. Tak cukup studen di institusi TVET kerajaan, kenapakah? Juga swastalah. Swasta lagi teruk.

So, untuk mendorong mereka belajar, kita kena bagi dia insentif- untuk TVET. Terutamanya daripada pelajar-pelajar golongan B40. Kita mesti bagi dia insentif daripada dia tercicir, daripada tak sekolah.

■1730

Dia bidang akademik sudah tak boleh, dia tercicir. Selepas itu, kalau *you* suruh dia tunggu- dua, tiga tahun. Saya pun sudah bawa isu ini. Saya cakap, turunkan had kemasukan ke TVET ke-13 atau 14 tahun umurnya. Kalau dia tak *continue* sekolah menengah, dia terus masuk TVET. Ini 13 hingga 16 tahun, *you* tidak boleh buat dahulu. Fasal 15 tahun lebih, baru boleh *enrol* di *TVET colleges*. So, tujuh ribu orang budak daripada sekolah Tamil, tujuh ribu yang tak *continue*, tak teruskan pelajaran ke peringkat menengah.

Ini saya sudah beritahu pada Yang Berhormat Menteri sebelum ini. So, manakah isu wajibkan sekolah menengah? Dokumen itu dekat *AG Chambers*. *This is-* saya sudah hendak sampai dua tahun sudah sekarang, *Senate*. Setahun lagi habis lah, tak tahu dapat sambung atau tak ada.

So, harap-harap sebelum saya keluar daripada Dewan ini, pelajaran sekolah menengah ini nanti diwajibkan. Setakat ini, tak ada. Fasal itu *dropouts rate is very high, because* tak wajib. Itu lagi satu perkara. So, selagi sekolah menengah tak diwajibkan, pelajaran TVET mesti di-*encourage*, didorong. Cara dorong bukan minta mereka membayar. Kita kena bayar untuk mereka. Dia bukan lagi dalam sistem persekolahan. Jadi, satu- studen Kementerian Pendidikan Malaysia sudah *save* RM6,000. *Amount RM6,000 to RM8,000 is the per capita cost of managing one student in the government sector.*

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan izin... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi- itu tengok. Marah tahu, ini orang Johor juga. Tuan Yang di-Pertua kita. Saya orang Johor, kena *behave* lah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah lanjutkan lima minit tadi.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Oh, sudah habis? Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Sudah hendak habis.

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Tuan Jaziri tiada di tempat.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Oh, sudah ada di sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Sepatutnya dia lebih awal.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Akan tetapi tak apa, memandangkan kita boleh habis dalam pukul 6. Jadi...

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Sudah hendak habis.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat hendak sambung lagi lima minit, saya boleh bagi.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Okey, sedikit lagi. Mustahak juga, perkara mustahak. So, TVET ini kalau boleh minta penjelasan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, apa dia hendak buat untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar yang tercicir dapat diserapkan dalam bidang TVET ini.

Okey, selepas itu lagi satu isu kerana saya pun sudah hendak menua. *Actually*, lagi empat tahun sudah 65 tahun umur saya. Jadi, Perkara 119 ini... *[Membaca petikan]* 'negara kita ini telah beralih ke status negara menua pada tahun 2021.'

Tahun lepas saya sudah cakap hal ini, tiap-tiap kali persidangan Dewan, saya bawa isu ini. Sampai sekarang apa dia boleh kata? Sedang rangka tindakan penuaan kebangsaan. Baru hendak rangka. Dalam masa dua, tiga bulan ini sudah tiga empat orang mati di rumah. Kenapakah? Jatuh, kena hentam kepala, mati. Umur dekat 78 tahun, 80 tahun kerana tak ada orang hendak jaga dekat rumah.

Kumpulan B40. Saya sudah syorkan, saya sudah tanya kepada Yang Berhormat Menteri juga, kenapa kita tidak boleh menyediakan *daycare facilities* untuk penjagaan orang tua kita, warga emas kita yang memerlukan penjagaan ini? Terutamanya, dalam golongan B40 juga kerana semua keluarga mereka pergi bekerja, mereka seorang di rumah. Mungkin ibu atau bapa atau nenek dan sebagainya. Itu satu isu lagi. So, bolehkah kita mempercepatkan? Daripada kita baru hendak *plan*, boleh tak kita mempercepatkan isu ini supaya lebih boleh mendapat penjagaan?

Akhir sekali, baru sekejap tadi Profesor Jomo Kwame Sundram telah mengatakan bahawa *domestic direct investment* tak cukup dan itu adalah satu *reason* mengapa ekonomi kita lembap. Maka, ini baru *conference* hari ini. Dua isu di sini. Maka, kalau *economic conference* pun ia tak tahu apakah strategi *domestic investment* kita, apa pula orang macam kita, *layman*?

So, apakah syor yang mereka ataupun yang mereka syorkan *to increase domestic investment* untuk mengacukan perkembangan ekonomi? Pelaburan domestik amat mustahak untuk *small and medium enterprises*. Itu syor mereka, maka saya juga meminta Yang Berhormat Menteri Ekonomi nanti menjelaskan secara spesifik, apakah strategi-strategi *domestic investment* yang akan dilaksanakan?

Terima kasih dan saya sokong penuh Rancangan Malaysia Ke-12. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya sedikit masa tambahan. Minta maaf Yang Berhormat Tuan Jaziri, you datang lambat tadi. So, kena *punish* sedikit lah. Disiplin... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson yang menjelaskan pusingan hidup daripada pendidikan anak muda sampai ke penjagaan orang tua. Ini betul-betul komprehensif dan menghidupkan suasana pada jam 5.30 petang ini... [Ketawa]

Jadi, dengan ini saya ingin menjemput pembahas yang terakhir iaitu Yang Berhormat Tuan Jaziri Alkaf untuk berbahas.

5.37ptg.

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson, *you have to save the best for last...* [Tepuk] *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Senator pada petang ini.

Alhamdulillah, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk membahaskan pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 bagi tahun 2021 hingga 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kajian ini disediakan bagi mengukur pencapaian sasaran bagi separuh penggal pertama serta mengenal pasti cabaran-cabaran yang boleh menjejaskan aspirasi RMKe-12. Saya ingin menyentuh mengenai beberapa perkara yang perlu dijelaskan oleh pihak kerajaan untuk memastikan kajian separuh penggal ini akan memacu pemulihan dan kemajuan ekonomi negara yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam RMKe-12, salah satu objektif rancangan ini adalah memperkukuhkan pemangkin utama ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Ketidakecapan buruh- *unskilled workers*, dengan izin, ialah cabaran utama negara untuk mencapai objektif tersebut. Pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) seperti mana sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson tadi katakan, ialah sektor penting untuk pembangunan bakat dan kemahiran tinggi dan separa tinggi dalam pembangunan negara bangsa.

Ia bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dan berkemahiran yang membolehkan graduan menjana pendapatan yang lumayan dalam jangka masa yang singkat, sekali gus memainkan peranan belia dan graduan dalam sektor ekonomi negara.

TVET perlu diberi perhatian yang cukup tinggi dan dititikberatkan lagi kerana seperti yang kita tahu, 72 peratus pelajar SPM tidak berminat untuk meneruskan pembelajaran mereka berdasarkan kajian oleh *Department of Statistics Malaysia* (DOSM).

Ini kerana faktor-faktor seperti kos pendidikan, Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson katakan tadi. Peluang pekerjaan, Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina ada sentuh dan *gig economy* juga dan lain-lain. Ini akan melahirkan generasi muda yang tidak mempunyai pendidikan formal. Ini ialah satu isu membimbangkan kerana ia akan memberi impak kepada masa depan negara. Isu lima tahun, 10 tahun, isu 20 tahun akan datang. Isu ini berkait langsung dengan pertumbuhan ekonomi negara.

■1740

Adakah Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Ekonomi mempunyai rancangan terperinci dan tersasar kepada golongan muda ini supaya dapat menceburi dalam bidang TVET dan menyumbang masa, bakat dan tenaga mereka ke arah pertumbuhan ekonomi negara.

Soalan kepada Majlis TVET Negara dan Kementerian Sumber Manusia, kenapakah sehingga kini masih belum kelihatan usaha yang signifikan di kalangan pelajar dan belia terhadap program TVET di Malaysia? Adakah Kementerian Sumber Manusia ini sesuai dalam memacu sektor TVET? Apakah justifikasinya?

Penglibatan pelajar dan belia yang kurang bukan isu pendidikan semata-mata Tuan Yang di-Pertua tetapi juga dilihat satu isu budaya masyarakat, *it's a culture issue*, dengan izin, yang mempunyai stigma terhadap TVET. Intervensinya harus dimulakan di peringkat keluarga dan masyarakat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat harus memainkan peranan untuk meningkatkan pendedahan dan kesedaran terhadap kepentingan dan kebaikan penglibatan pelajar dan anak-anak mereka di dalam TVET.

Adakah guru-guru dan kaunselor-kaunselor di sekolah dibekalkan dengan maklumat-maklumat atau informasi yang inklusif untuk memberi hala tuju pelajar dan usaha menyumbang ke arah peningkatan graduan berasaskan TVET. Kebolehpasaran graduan TVET seperti mana yang kita tahu mencecah sehingga 92 peratus tetapi penglibatan pelajar dalam sektor ini masih tidak melebihi 35 peratus. Khusus dalam program TVET yang disediakan harus lebih difokuskan dengan program jangka masa pendek antara dua ke-enam bulan dan boleh ditempatkan terus ke dalam industri.

Jawatankuasa Sosiobudaya, Komunikasi dan Pendidikan (SKOP) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Akmaz yang baru-baru ini kami membuat lawatan ke Sabah, Tuan Yang di-Pertua mendapati ramai pelajar yang memohon ke kursus TVET dan pusat latihan tersebut mempunyai kapasiti untuk menerima tetapi malangnya seperti mana- *again*, sahabat saya katakan tadi, tiada bantuan biasiswa dan kewangan yang kurang memuaskan yang telah mengehadkan pengeluaran graduan Kementerian Pendidikan yang berkemahiran ini terutamanya dalam Kementerian Pendidikan B40.

Apa jenis-jenis bantuan atau sokongan seperti biasiswa, kewangan dan sebagainya- Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, KUSKPOP yang ditawarkan kepada para pelajar dan pusat latihan TVET supaya kita dapat lihat lonjakan penglibatan pelajar dalam sektor penting ini? Program-program TVET yang juga harus mempunyai laluan- *pathway*, dengan izin, dan memberi peluang untuk mereka melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi, mesti ada laluan- *pathway* hingga ke peringkat universiti. Adakah MQA, SKM mempunyai skim yang membolehkan mereka diberi peluang untuk belajar terus, *lifelong learning* bukan sahaja di peringkat akademik malah dalam sektor TVET dan kemahiran juga?

Adakah Kementerian Sumber Manusia telah membuat *mapping- again* kita bercakap *on mapping. We are moving forward* apakah gambaran luas, apakah *mapping* telah pun dibuat untuk menentukan keperluan industri- *industry need* yang dapat dipenuhi dan tidak berlaku *mismatching*? *Again*, saya *refer* kepada saya punya rakan Yang Berhormat Nelson. *Mismatching* kerana ia melibatkan dana negara yang dapat memberikan penawaran dan permintaan- *supply and demand industry*.

Adakah setiap Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi- saya harus sebut ini satu-satu Tuan Yang di-Pertua supaya mereka boleh menjawab setiap kementerian- KUSKOP mempunyai fokus tertentu dalam bidang TVET dan usaha melahirkan graduan kemahiran tinggi di dalam industri tumpuan yang dinyatakan di dalam RMK seperti Yang Berhormat Rafizi katakan tadi ada lima atau enam industri tumpuan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan prestasi perdagangan Malaysia Januari ke Jun 2023 Malaysia, MATRADE merekodkan lebih dagangan- *trade surplus* bagi 39 bulan berturut-turut dengan pertumbuhan dua digit pada bulan Julai 2023. Namun, strategi ini tidaklah berkesan seperti yang diumumkan oleh pihak kerajaan kerana mempunyai pengurangan lebih dagangan- *trade surplus* secara keseluruhan. Hanya 2.5 peratus berbanding Januari ke Julai tahun lepas.

Kajian prestasi perdagangan pada bulan Julai 2023, perdagangan dengan ASEAN mewakili hanya 28.1 peratus atau RM60.8 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia. Apa yang tidak ditunjukkan di sini iaitu perdagangan antara Malaysia dan ASEAN telah menyusut 17 peratus berbanding Julai tahun lalu. Eksport menguncup 18.8 peratus daripada RM42.5 bilion kepada RM34.5 bilion. Manakala import mengurang 14.6 peratus daripada RM30 bilion kepada RM26.2 bilion berbanding tahun lepas bulan Julai 2022.

Soalan kepada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) mengapa isu ini berlaku dan apakah usaha untuk menyelesaikan isu-isu ini supaya tidak berturutan ke tahun-tahun akan datang? Apakah inisiatif-inisiatif kerajaan untuk menarik pelaburan asing atau FDI Malaysia dan rakan dagangan terbesar kelima pada Indonesia dengan jumlah eksport RM29 bilion pada Julai 2023?

Indonesia mempunyai rekod agresif dalam pertumbuhan ekonomi mereka untuk lapan tahun berturut-turut di bawah pimpinan Presiden Joko Widodo. Saya ingin menyentuh tentang bagaimana pemindahan Ibu Kota IKN Indonesia ke Kalimantan Timur akan membawa bersama perkembangan positif pada Malaysia terutamanya di Sabah dan Sarawak dalam pelbagai aspek sekali gus membantu negara kita menjayakan RMKe-12. Kita perlu mengambil peluang ini untuk membangunkan infrastruktur Sabah dan Sarawak.

Adakah Kementerian Pengangkutan (MOT) mempunyai rancangan untuk meningkatkan infrastruktur logistik Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan seperti kemudahan kereta api, jaringan-jaringan jalan raya dan pembukaan laluan udara, *airport* untuk meningkatkan perdagangan sempadan- *trade border* yang akan memberi limpahan perdagangan dan sekali gus memberi pendapatan kepada negara?

Kita selalu mendengar masalah pelaburan asing tetapi jarang mengemukakan persoalan terhadap pelaburan langsung domestik. Yang Berhormat Nelson, saya pun ada tulis sekali Yang Berhormat Nelson- sekali kita *on your behalf* yang juga menjadi komponen yang amat penting untuk memulihkan ekonomi negara. Apa strategi-strategi jangka masa pendek dan panjang oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) untuk memberikan saluran kepada industri-industri domestik untuk berkembang *especially SME*? Jumlah sasaran berapa, *what is the target for FDI? What is the target for DDI* dalam tahun ini dan tahun-tahun akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, SME menyumbang 38 peratus kepada KDNK negara dan memberi peluang pekerjaan kepada 7.3 *million* pekerja dan mampu memberi pendapatan yang tinggi jika mereka diberikan insentif yang berpatutan yang boleh membantu mereka berdaya saing dalam pasaran global.

■1750

Kerajaan harus mengambil inisiatif yang lebih, lebih, lebih serius dalam menjayakan aspirasi melahirkan lima buah syarikat *unicorn* menjelang tahun 2030. Terima kasih kepada kerajaan dan juga Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) yang melaburkan tambahan RM1 bilion kepada syarikat pemula- *startup*. Namun begitu, saya rasa Malaysia mempunyai jurang pembiayaan- *funding gap* kerana rata-ratanya program pembiayaan ini hanya tertumpu pada syarikat pemula- *startup* di peringkat *seed funding* dan *Series A funding*, tetapi tidak ada dana pelaburan dan pembiayaan yang boleh membantu *startup* ke tahap *unicorn*.

Baru-baru ini saya dapat melawat syarikat *Carsome*. Mereka mengambil keputusan untuk menetapkan ibu pejabat mereka di Malaysia. Tahniah kepada *Carsome*. Ini satu usaha yang membanggakan negara, membanggakan Malaysia yang bersifat patriotik dan mampu mengembangkan dan membangunkan Malaysia bersama. Namun pada masa yang sama, syarikat *start up* seperti ini juga *have to be realistic, have to be pragmatic* untuk mendapatkan dana tambahan untuk mengembangkan operasi syarikat ke peringkat yang lebih tinggi.

So, as a result, Tuan Yang di-Pertua, *they must have that necessary funding for them to achieve on the global stage*, dengan izin. Hal ini menyebabkan syarikat atau usahawan tempatan perlu mencari pembiayaan atau *venture capital (VC)* dari luar negara yang mempunyai syarat-syarat yang lebih berat sebelah kepada negara pelabur.

Salah satu contoh ialah seperti yang kita- semua di sini tahu iaitu *Grab*, salah sebuah syarikat *unicorn* yang kini telah mengumpul dana- *raise fund* tetapi Malaysia tidak mempunyai fasiliti dan kapasiti untuk melabur sehingga *Grab* mengambil keputusan untuk berpindah ke Singapura. Berdasarkan artikel di dalam *Tech in Asia* yang bertajuk, “*A list of SEA’s Unicorns and Their Early Investors*” pada bulan Mei 2023, terdapat 53 buah syarikat *unicorn*. Semua syarikat pemula yang mencecah *valuation* sebanyak USD1 bilion *and above* di Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, pecahan bagi setiap negara adalah seperti berikut:

Negara	Bilangan (Syarikat)
Singapura	28
Indonesia	14
Vietnam	5
Thailand	4
Filipina	1
Malaysia	1

Ya betul, kita mempunyai rancangan untuk mempunyai lima *unicorn*, tetapi daripada perhatian saya, masih ada jurang pembiayaan- *funding gap* dan fasiliti yang tidak menyeluruh untuk membantu *startup* kita ke tahap yang lebih tinggi. Saya juga ingin menghalakan tumpuan kerajaan kepada syarikat *startup* yang bernama *Twistcode*, sebuah syarikat Malaysia tunggal yang mempunyai *artificial intelligence (AI)* dan *super computing* buatan Malaysia, buatan lokal sendiri dan mempunyai potensi menjadi *decacorn* pertama di Malaysia.

Adakah perancangan Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan MITI dalam merealisasikan aspirasi negara dalam melahirkan syarikat bertaraf *unicorn* mahupun *decacorn* supaya Malaysia sentiasa relevan dalam konteks *startup* di rantau ASEAN mahupun di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Persekutuan untuk Sabah dan Sarawak perlu dikaji semula oleh pihak kerajaan kerana Sabah dan Sarawak telah menyumbang 68 peratus daripada keseluruhan hasil petroleum berdasarkan data pada 2019 tetapi mendapat royalti yang cukup sedikit. Ini tidak mencerminkan keadilan kepada rakyat Sabah dan Sarawak yang tidak menerima peruntukan daripada Persekutuan yang setimpal untuk menggunakan sumber semula jadi Sabah dan Sarawak.

Adakah Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi mempunyai rancangan untuk melihat kembali peruntukan Persekutuan dan mekanisme yang baru Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peruntukan yang setimpal dan *up-to-date* untuk sumbangan sumber asli dari Sabah dan Sarawak.

Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, isu penurunan kuasa dan autonomi dalam bidang kesihatan dan pendidikan menjadi agenda dalam Jawatankuasa Teknikal MA63 (*Malaysia Agreement 1963*). Adakah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia bersedia dan Kerajaan Pusat bersedia dengan menurunkan kuasa dalam aspek pendidikan dan kesihatan untuk Sabah dan Sarawak? Dengan penurunan kuasa dan autonomi ini, dapat pengurusan dan penyediaan pendidikan fasiliti kesihatan yang lebih berkualiti untuk Sabah dan Sarawak. Mohon Kementerian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak memberi penjelasan.

Rancangan Malaysia Ke-12 merupakan satu langkah penting dalam usaha kita menjadikan negara Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030 seperti mana tertera dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang bertujuan mewujudkan pengagihan pembangunan ekonomi secara adil dan saksama ke semua peringkat sejajar dengan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030). Saya berharap RMKe-12 akan membawa lebih manfaat kepada semua rakyat Malaysia dan memacu pembangunan yang mampan dan inklusif.

Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. Terima kasih... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Jaziri. Ahli-ahli Yang Berhormat, dah penat?

Kita dah sampai ke penghujung mesyuarat kita dan dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 21 September 2023... *[Tepuk]*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.57 petang]